



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.16

Selasa

20 Jun 2023

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023	(Halaman	37)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023	(Halaman	69)
Rang Undang-undang Kesihatan mental (Pindaan) 2023	(Halaman	82)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan Bin Tan Sri Mohamed (Dilantik)
3. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
4. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
5. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
6. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
10. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
11. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
12. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
13. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
14. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
15. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
16. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
17. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
18. “ Dato’ Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
19. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
20. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
21. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)
22. Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
23. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
24. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
25. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
26. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
27. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
28. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 29. | Yang Berhormat | Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik) |
| 30. | " | Puan Noorita Binti Sual (Dilantik) |
| 31. | " | Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik) |
| 32. | " | Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu) |
| 33. | " | Tuan Haji Husain Bin Ismail (Terengganu) |
| 34. | " | Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis) |
| 35. | " | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 36. | " | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 37. | " | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 38. | " | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 39. | " | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 40. | " | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 41. | " | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 42. | " | Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 43. | " | Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof (Perak) |
| 44. | " | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 45. | " | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 46. | " | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 47. | " | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 48. | " | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 49. | " | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 50. | " | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 51. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 52. | " | Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 53. | " | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 54. | " | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 55. | " | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 56. | " | Tan Sri Datuk Seri Anifah Bin Aman (Wilayah Persekutuan, Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
3. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
5. Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
2. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin [Menteri Pendidikan Tinggi] (Kota Tinggi)
2. “ Datuk Ewon Benedick [Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Penampang)
3. “ Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Menteri Perpaduan Negara] (Kanowit)
4. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
5. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas)] (Hulu Rajang)
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
7. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
8. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 9. | Yang Berhormat | Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru) |
| 10. | “ | Dato’ Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu) |
| 11. | “ | Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi) |
| 12. | “ | Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai) |
| 13. | “ | Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Pendidikan] (Tanjong) |
| 14. | “ | Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti) |

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 20 Jun 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar untuk mengemukakan soalan.

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kerana dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

1. Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta Menteri Kewangan menyatakan, apa yang menjadi punca nilai mata wang Ringgit Malaysia masih rendah berbanding nilai mata wang USD, dan mata wang utama dunia, serta adakah usaha bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tahniah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar yang bertanyakan mengenai punca nilai mata wang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan kadar pertukaran Ringgit yang dialami pada tempoh dan dekad ini sebahagian besarnya didorong oleh pengukuhan dalam Dolar Amerika Syarikat. Selain Ringgit, nilai mata wang serantau seperti Yen- Jepun, Baht- Thailand, Won- Korea, Renminbi- China, dan Peso- Filipina, turut menyusut berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat pada tahun ini. Walaupun terdapat mata wang jiran yang menunjukkan prestasi lebih baik berbanding Dolar Amerika Syarikat, namun negara-negara tersebut telah mengetatkan Dasar Monetari dengan lebih agresif.

Sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi yang terbuka, nilai Ringgit dipengaruhi oleh kuasa pasaran dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran Ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran di samping mengurangkan impak terhadap aktiviti ekonomi domestik. Oleh itu, kerajaan terus komited dan fokus dalam usaha melaksanakan polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing yang akan menyokong penubuhan nilai Ringgit.

Perkara ini termasuk dasar untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti Malaysia menerusi pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu. Kerajaan juga akan memastikan kemapanan fiskal dan keadaan makroekonomi yang stabil terpelihara dengan merumus dasar fiskal jangka sederhana yang teguh, berhemah dan jelas.

Dari sudut pentadbiran dasar fiskal, Akta Tanggungjawab Fiskal, dengan izin, *Fiscal Responsibility Act* (FRA) yang akan dibentangkan kepada Parlimen akan memacu penambahbaikan yang diperlukan. Langkah-langkah ini berserta dengan kestabilan politik negara dijangka dapat meningkatkan daya tarikan jangka panjang Malaysia kepada pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti dan akan menyumbang kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi serta berpendapatan tinggi.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga akan mengambil pendekatan untuk memastikan pelarasan Ringgit berada dalam keadaan yang teratur bagi menangani kemeruapan atau *volatility* pasaran pertukaran asing, Bank Negara akan terus menguruskan risiko-risiko daripada perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur. Risiko daripada pergerakan mendadak nilai pertukaran Ringgit berbanding Dolar Amerika juga dapat dikurangkan melalui penggunaan instrumen lindung nilai, penekanan kepada pinjaman luar yang berhemah dan kedalaman pasaran mata wang dalam negeri yang tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah terdapat perancangan daripada pihak kerajaan untuk menambat mata wang Ringgit Malaysia kepada mata wang USD seperti yang dilakukan pada tahun 1998? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih atas soalan tambahan itu. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menambat nilai Ringgit seperti mana yang telah dilakukan sebelum ini. Pada tahun 1998, nilai Ringgit ditambat 1 USD

kepada RM3.80. Keburukan penambatan ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan kehilangan keupayaan untuk meneruskan dasar monetari kita sendiri.

Sebagai contoh, jika OPR kita sekarang ini 3.0 peratus dan OPR Amerika 5.25 peratus, jika kita tambat nilai Ringgit kepada USD RM3.80, OPR kita perlu dinaikkan kepada 5.25 peratus. Alangkan OPR kita 3.0 peratus pun rakyat sudah merasa amat tidak selesa inikan pula jika dinaikkan kepada 5.25 peratus kerana kalau kita tambat, kita tidak ada kebebasan untuk melaksanakan dasar monetari kita sendiri.

Itu satu keburukan apabila kita tambat Ringgit kita kepada USD. Satu lagi keburukannya ialah rizab antarabangsa kita diperlukan begitu banyak untuk menjaga tambatan itu kepada nilai yang berkaitan. Satu lagi, kawalan aliran modal, ia tidak akan bebas kerana keluar masuk pelaburan asing ke dalam negara kita akan dikawal apabila kita tambat nilai Ringgit maka ia tidak baik dan jejas keyakinan dan daya saing kita di peringkat antarabangsa. Oleh itu, kerajaan tidak akan menambat nilai Ringgit dan kita akan meneruskan dasar yang ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

■1010

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Baharu pagi ini saya terdengar seorang *financial analysis* di BFM Radio yang menyatakan bahawa, salah satu faktor kejatuhan Ringgit adalah kerana permintaan Ringgit kurang- *demand for Ringgit is very low*, dengan izin, minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan: Itu salah satu sebab, oleh itu sektor pelancongan hendaklah kita tingkatkan supaya apabila lebih ramai pelancong datang ke negara kita, maka *demand* terhadap Ringgit akan bertambah.

Sebagai contoh, ada 300 juta orang pelancong sedang menunggu di Negara China untuk keluar dari Negara China. Seramai 300 juta, penduduknya ramai 1.6 bilion lebih kurang.

Ini bererti, kalau 300 juta orang keluar dari Negara China untuk melancong, ke manakah mereka akan pergi? Adakah mereka pergi ke Malaysia atau mereka pergi ke *Singapore* atau mereka pergi ke Thailand atau mereka pergi ke Indonesia. Oleh itu, pada pandangan sayalah dan di peringkat Kementerian Kewangan yang membuat dasar tentang perkara ini, *demand* terhadap Ringgit itu boleh ditingkatkan apabila pelancong bertambah.

Daripada segi teorinya, apabila Ringgit menyusut ini, ada beberapa sektor yang mendapat faedah. Pertama, sektor eksport akan lebih berdaya saing, walaupun demikian, sektor import semakin mahal, maka kita kena tumpu membeli barangan buatan Malaysia daripada membeli barangan import yang mahal apabila Ringgit menyusut.

Satu lagi, sektor pelancongan sepatutnya semakin meningkat kerana mereka mendapat Ringgit yang lebih daripada wang yang ditukarkan. Oleh itu, sepatutnya sektor perkhidmatan di sempadan, sektor restoran, pasar raya, hotel, pengangkutan, taman tema di kawasan sempadan seperti Johor dan Melaka, sepatutnya akan bertambah. Oleh sebab itu saya kira pihak yang terlibat dalam sektor pelancongan termasuk negeri-negeri yang berkaitan hendaklah menumpukan. Sebagai contoh, negeri Sabah perlu menumpukan untuk menarik pelancong dari Negara China dan Korea Selatan. Itu antara jawapan saya mengenai untuk meningkatkan *demand* terhadap Ringgit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri...

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Belum Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan yang panjang lebar, dan saya rasa elok kita beri peluang kepada Ahli-ahli Dewan yang lain untuk mengemukakan soalan mereka pada hari ini.

Saya tak nak kita tidak berganjak daripada soalan nombor satu ini. Ini kerana, Yang Berhormat Timbalan Menteri begitu fasih dengan hal-hal ekonomi... *[Ketawa]*

Saya jemput Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris untuk mengemukakan soalan.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua pada hari semalam.

2. Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, adakah kerajaan berhasrat menubuhkan Agensi Makanan Malaysia dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional dan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan kerajaan seperti pemberian insentif kepada pihak yang terlibat dalam pengeluaran makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]:

Terima kasih Tuan Haji Abdul Nasir dan juga pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua untuk Dewan Negara yang baharu, Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneliti hasrat penubuhan agensi khusus bagi meningkatkan keterjaminan makanan sebagai agenda nasional. Idea penubuhan bagi agensi khusus ini bermula semasa Mesyuarat Majlis Tindakan Hidup Sara Hidup Negara (NACCOL) pada bulan Januari 2023 sebagai salah satu inisiatif bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Berdasarkan kajian awal KPKM, penubuhan agensi sekuriti makanan negara hendaklah dilihat secara holistik merangkumi empat aspek utama iaitu

- (i) elemen ketersediaan;
- (ii) kebolehcapaian;
- (iii) keselamatan makanan dan pemakanan; dan
- (iv) kestabilan dan kemapanan.

Oleh itu, penubuhan agensi sekuriti makanan negara memerlukan penilaian lanjut berkaitan implikasi perundangan, kewangan, sumber manusia dan penyelarasan semula fungsi serta peranan antara kementerian.

Dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan, kerajaan hari ini mengamalkan pendekatan rentas kementerian bagi memastikan sistem makanan negara- *national food system* adalah mantap dan berfungsi dengan cekap dan produktif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem makanan negara kita hari ini dibentuk dengan gandingan empat elemen utama iaitu:

- (i) pengeluaran;
- (ii) pemprosesan;
- (iii) Pengedaran; dan
- (iv) penggunaan.

Bagi pihak KPKM, kementerian ini komited untuk memastikan keterjaminan bekalan makanan khususnya dalam membentuk sistem pengeluaran makanan negara yang berdaya tahan dan membantu pihak pengeluar makanan melalui pelbagai usaha yang meliputi peruntukan infrastruktur yang moden dan cekap. Pemberian insentif sokongan dalam bentuk khidmat nasihat dan teknikal, geran, dana pembiayaan, pengecualian cukai, subsidi dan akses pasaran serta padanan perniagaan seperti berikut.

Melanjutkan tempoh permohonan insentif galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan sehingga akhir tahun 2025. Dengan skop galakan turut diperluaskan merangkumi projek pertanian moden berasaskan pertanian persekitaran terkawal. Di bawah insentif ini, syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat bagi maksimum tiga tahun taksiran. Manakala syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan pula diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan

berkanun selama 10 tahun bagi projek baharu dan selama lima tahun bagi projek pembesaran syarikat sedia ada.

Kedua, menawarkan geran berbentuk padanan- *matching grant* sebagai inisiatif pembangunan usahawan pertanian dan industri makanan yang meliputi Program Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP) dan *Change Upgrade Product* (CUP). Akhir kata, dalam hal penubuhan sebuah agensi khusus berkaitan sekuriti makanan, kajian lanjut sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian dan kajian *Blueprint* Sekuriti Makanan Negara ini akan turut memperincikan mengenai keperluan penubuhan serta peranan agensi sekuriti makanan secara lebih holistik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertama, kawasan seluas 107,472 hektar tanah digunakan untuk tanaman padi, di mana Kedah menyumbang sebanyak 40 peratus keperluan beras negara. Hasil premium tanah yang tinggi dapat dianggarkan 10 kali- ganda jika kita *convert* daripada tanah pertanian kepada tanah kediaman ataupun tanah industri. Adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk memberikan pampasan atas penghargaan terhadap pengorbanan negeri Kedah untuk negara kita.

Kedua, adakah ada pelan kontingensi ataupun jika berlaku sesuatu di luar jangka. Maksud saya jika berlaku peperangan, bencana, El Nino dan sebagainya atas keterjaminan bekalan makanan untuk kita rakyat Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chan Foong Hin: Okey, Kerajaan Pusat berterima kasih kepada sumbangan Kedah dalam memastikan keterjaminan makanan negara ini dapat terjamin melalui satu bekalan padi yang mampan dan untuk kegunaan seluruh negara melalui pengeluaran padi di kawasan MADA. Untuk MADA, kita sekarang mengadakan program untuk memperluaskan Program SMART SBB menerusi model Mini Sekinchan.

Model ini sekarang kita telah berjaya meningkatkan pengeluaran padi daripada 2.5 tan metrik per hektar kepada 10 tan metrik per hektar untuk dilaksanakan di beberapa buah negeri yang lain tetapi perluasan ini kita bermula dari kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada bulan Mei tahun ini. Melalui cara ini, kita hendak memastikan dengan melipat gandakan hasil untuk padi ini supaya apabila berlaku perang kah, bencana kah kita masih ada ketercukupan padi untuk kegunaan negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Soalan tambahan? Kalau tidak ada saya minta...

Datuk Lim Pay Hen: Tuan Yang di-Pertua, mohon.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, okey.

■1020

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih. Pada tahun 2022, Malaysia merekodkan RM38.5 bilion perbelanjaan ke atas makanan import. Jadi, apa rancangan kementerian bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import khususnya dalam produk tenusu, cili, kubis, daging kambing dan lembu yang merupakan antara sumber makanan utama negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Ya memang, kerajaan amat menitikberatkan isu kebergantungan kepada sumber import bagi import makanan ternakan. Ini yang lebih penting import makanan ternakan dan juga untuk import pertanian.

Antara usaha yang kita akan lakukan adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2032 menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara sebanyak 600,000 tan metrik.

Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan program pembangunan jagung bijian negara. Selain daripada cara ini, kita juga bekerjasama dengan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk melaksanakan projek kajian larva *black soldier fly* (BSF) sebagai alternatif kepada sumber protein untuk makanan ayam.

Selain daripada itu, kita juga meneliti sumber-sumber bahan makanan alternatif tempatan untuk mengurangkan kos bahan mentah makanan ternakan. Ini seperti contoh TVS memberi sokongan kepada pihak *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) dengan kerjasama Sime Darby Berhad dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang telah memperkenalkan dedak isirung sawit- *palm kernel cake* berkualiti premium- sebagai ramuan makanan ayam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan lagi tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, dah panjang ini.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Dah panjang ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Dah panjang dah. Tak apa, boleh tanya sesi akan datang. Soalan sama boleh juga. Sekarang saya jemput Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Pendidikan menyatakan, bagaimana kementerian menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menilai para murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Adakah soalan berunsur KBAT yang disarankan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperkenalkan dan apakah impak kepada para pelajar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah lama wujud dalam kurikulum persekolahan kebangsaan. KBAT yang menekankan kepada kemahiran berfikir kritis dan kreatif, bertujuan untuk menyediakan murid menghadapi cabaran abad ke-21 yang lebih kompleks dan mencabar. KBAT diterapkan dalam kurikulum kebangsaan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi dapat menguasai kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan tinjauan pelaksanaan KSSR dan KSSM pada tahun 2022. Tinjauan tersebut turut menggunakan Instrumen Standard Penilaian Pembudayaan KBAT. Dapatan daripada instrumen tersebut menunjukkan 96.2 peratus guru telah mencapai sekurang-kurangnya tahap baik dalam membudayakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran PdP. Dapatan juga menunjukkan penerimaan murid dalam elemen KBAT adalah pada tahap sederhana.

Soalan berunsurkan KBAT juga telah diperkenalkan dalam PdP dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Berdasarkan Buku Laporan Kebangsaan TIMSS 2019, data menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam elemen menaakul dan domain Matematik sebanyak sembilan mata-berbanding TIMSS 2015. Secara tidak langsung, dapatan ini menunjukkan keberkesanan penerapan elemen KBAT dalam bilik darjah.

Di samping itu, soalan KBAT telah diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM mulai tahun 2014. Soalan KBAT menguji keupayaan calon untuk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta idea secara kreatif atau inovatif dalam proses menyelesaikan masalah secara sistematik dalam situasi baharu dan kehidupan sebenar. Peratusan soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20 peratus pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2021. Mulai tahun 2021 dan seterusnya, peratus item KBAT dalam kertas peperiksaan SPM iaitu 50 peratus.

Penguasaan KBAT dilaporkan berdasarkan keupayaan calon menjawab item KBAT dalam kertas peperiksaan. Berdasarkan analisis peperiksaan SPM tahun 2022, 80.6 peratus calon mempunyai tahap penguasaan minimum dalam menjawab item yang mengandungi kemahiran KBAT daripada kategori tinggi, sederhana dan rendah. Manakala 57.8 peratus calon

mempunyai tahap penguasaan baik dalam menjawab item KBAT daripada kategori sederhana dan tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menghasilkan modul pembelajaran berasaskan *inquiry* penyelesaian masalah pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif dan pembelajaran berasaskan projek. Modul ini menjadi panduan dan rujukan kepada guru dan murid untuk meningkatkan kemahiran berfikir. KPM juga telah memperkenalkan program i-Think....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Satu perenggan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh jawab masa soalan tambahan nanti. Tak ada masalah.

Puan Lim Hui Ying: Okey. *Alright*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput soalan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Seri Zurainah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kebolehan murid untuk memanfaatkan diri dalam pembelajaran berelemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terjejas jikalau mereka tidak mempunyai kebolehan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira?

Saya difahamkan bahawa dengan pemansuhan UPSR, pelajar dibenarkan mara ke sekolah menengah tanpa mengambil kira kebolehan 3M mereka. Ini akan menjejaskan masa depan mereka dan kebolehan cikgu untuk mengajar jikalau murid tidak mempunyai asas untuk pembelajaran melalui kebolehan 3M. Apakah tindakan kementerian? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan murid mendapat pendidikan berkualiti. Justeru, aspek literasi dan numerasi diberi keutamaan kepada semua murid.

Bagi memastikan murid sekolah rendah menguasai literasi dan numerasi, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya ialah program pemulihan khas. Murid yang telah dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas 3M ditempatkan di kelas pemulihan khas semasa mata pelajaran Bahasa Melayu atau Matematik diajar di kelas aliran perdana. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.

Pada peringkat sekolah rendah, KPM memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi atau *Primary Literacy and Numeracy* (PLaN), dengan izin, sejak tahun 2020 untuk memastikan

murid menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum iaitu tahap penguasaan tiga dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan Pengajaran dan Pembelajaran PdP yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M. Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dan *Scheme of Work* (SOW) juga disediakan untuk kegunaan guru bagi menangani isu penguasaan 3M dalam kalangan murid. Selain itu, PLaN juga menyediakan bahan bantu belajar murid serta item pentafsiran untuk menyokong pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Sekian, terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan...

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM untuk memastikan murid menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Menerusi Inisiatif 20: Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) terdapat beberapa langkah telah diambil oleh KPM. Antaranya adalah:

- (i) membangunkan modul panduan pembinaan item kemahiran berfikir aras tinggi yang mengandungi panduan membina item KBAT berdasarkan konstruksi, mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. Modul tersebut juga mengandungi contoh-contoh item KBAT;
- (ii) menatar modul panduan pembinaan item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi kepada 216 orang SISC+ dan guru cemerlang seluruh Malaysia;
- (iii) melaksanakan pemugaran pembudayaan KBAT kepada SISC+ dan guru cemerlang;
- (iv) melaksanakan latihan membina idea KBAT kepada guru-guru yang mewakili setiap pejabat pendidikan daerah di semua Jabatan Pendidikan Negeri; dan
- (v) guru boleh mengakses contoh-contoh item KBAT di platform DELIMA.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1030

4. **Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah pelan dan strategi kementerian untuk menangani isu kapasiti lebihan pengambilan graduan perubatan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang mencecah 4,820 orang pelajar bersamaan 1,000 hingga 2,000 orang graduan perubatan luar negara yang pulang ke Malaysia setiap tahun. Adakah ini menepati sasaran kementerian untuk melahirkan hanya 4,000 orang doktor baharu setiap tahun bagi mencapai nisbah disyorkan seorang doktor bagi setiap 400 orang menjelang tahun 2025.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mohon kawan lama saya dari Johor, Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga tidak mahu tercicir untuk mengucapkan tahniah kepada sahabat saya yang telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tan Sri Datuk Dr. Haniffa yang telah mengajukan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kuota pengambilan graduan perubatan yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seramai 4,820 orang. Namun sebenarnya, tidak berlaku lebihan pengambilan pelajar perubatan tempatan. Misalnya, pengambilan bagi tahun 2020 adalah seramai 3,853 orang, bagi tahun 2021 adalah seramai 4,202 orang dan tahun 2022 adalah seramai 4,671 orang.

Jika diujahkan sama ada jumlah ini melebihi sasaran oleh Kementerian Kesihatan untuk melahirkan hanya 4,000 orang doktor setahun, pengeluaran graduan yang sebenar daripada universiti tempatan adalah lebih rendah. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti gagal menamatkan pengajian, menukar jurusan dan lain-lain.

Misalnya, keluaran graduan perubatan dalam negara bagi tahun 2020 adalah seramai 2,401 orang. Bagi tahun 2021 adalah seramai 3,132 orang dan bagi tahun 2022 adalah seramai 3,934 orang. Anggaran keluaran graduan perubatan tempatan bagi tiga tahun akan datang adalah kira-kira seramai 3,934 orang setahun iaitu seramai 2,281 orang daripada IPTA dan seramai 1,653 orang daripada IPTS.

Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, graduan perubatan lulusan luar negara pula adalah seramai 3,919 orang pada tahun 2020. Seramai 4,698 orang pada tahun 2021 dan seramai 4,875 orang pada tahun 2022. Ini bermakna memang benar sekiranya dicampurkan keseluruhan jumlah graduan keluaran

tempatan dan luar negara, maka jumlahnya akan boleh melebihi 4,820 orang dan ini cabaran yang sememangnya perlu ditangani.

Maka bagi menjawab isu-isu berkaitan graduan perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 31 Mac 2023 telah menerajui penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi yang berperanan meneliti isu-isu berkaitan soal-soal lambakan dan juga berkaitan pegawai perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan, Prof?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Prof. Haniffa.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk melihat semula sasaran semasa untuk melahirkan 4,000 orang doktor baru setiap tahun dengan keadaan situasi ekonomi sekarang?

Bagaimana, kementerian akan memastikan sasaran ini adalah tepat dengan nisbah doktor per populasi yang dirancang menjelang tahun 2025? Adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menambah kuota IPT tempatan di samping mengurangkan pengambilan pelajar di luar negara dan dengan situasi kekurangan doktor-doktor pakar *specialist* di Malaysia, apakah strategi kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau hendak ambil mudah menangani ini, kementerian boleh sahaja mengehadkan pengambilan pelajar-pelajar perubatan di peringkat IPTS tetapi kementerian tidak akan lakukan itu. Kementerian tidak akan lakukan kerana seperti yang telah saya katakan, kuota yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan untuk pelajar tempatan adalah seramai 4,820 orang dan kita tidak pernah melebihi itu. Hujah tadi menunjukkan bahawa pengeluaran graduan setiap tahun dari dalam negara pun tidak melebihi 4,000 orang disebabkan ada yang tercicir, ada yang gagal dan sebagainya.

Kementerian juga tidak akan membuat apa-apa keputusan daripada segi soal pelajar yang di luar negara kerana itu melibatkan penajaan daripada agensi-agensi yang lain. Itu bukan tanggungjawab ataupun kuasa yang ada pada kementerian.

Kementerian akan terus kekalkan jumlah yang telah kita tetapkan kerana antaranya, permohonan banyak untuk mengambil jurusan perubatan dan kadar yang ditetapkan untuk universiti tempatan adalah murah. Maka dengan demikian, kita sebenarnya melakukan pendemokrasian pendidikan. Kita membenarkan, membolehkan ramai mohon untuk mengambil

jurusan perubatan. Jadi kalau kita kurangkan dalam negara, maka sudah tentulah terpaksa ada ramai yang kena pergi luar negara dan kosnya sangat tinggi.

Kedua, pelaburan yang besar yang telah kerajaan buat untuk pastikan kita dapat melahirkan doktor tempatan. Saya percaya IPTS yang membina hospital dan sebagainya, hospital pengajar membelanjakan lebih RM600 juta. Takkan kita hendak menjejaskan itu?

Ketiga, keyakinan kita. Kita berkeyakinan bahawa sistem kita boleh melahirkan pelajar yang baik termasuk dalam bidang perubatan. Jadi Yang Berhormat Senator, saya beri jaminan kita akan jaga semua ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri...

Tuan Robert Lau Hui Yew: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berpengalaman. Saya hendak bagi peluang kepada Datuk Dominic.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, Datuk Dominic. Dia bangun tadi, awal.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Saya.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, Datuk Dominic.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Oh, Dominic? Okey... *[Ketawa]*

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Semalam tidak sempat hendak ucapkan tahniah kepada Datuk kerana dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Memang soalan isu doktor itu sangat hangat sekali dan memang kita dengar banyak isu seolah-olah tidak mencapai penghujung. Akan tetapi soalan saya seperti- terima kasih Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan beberapa data, berkongsi dengan kita- jumlah graduan yang kita ada setiap tahun tetapi tidak mencukupi.

So, soalan tambahan saya, adakah Kementerian Pendidikan Tinggi dengan Kementerian Kesihatan juga termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengadakan mesyuarat tertentu untuk bincang permintaan, tawaran itu boleh mendapatkan objektif itu? Ini kerana kita dengar banyak kali tidak cukup doktor tetapi Kementerian Pendidikan Tinggi kata kita ada banyak graduan. So, satu kajian mesti diadakan. Seperti kita katakan- anak saya baru habis...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, soalan bukannya bahas.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan, adakah kajian di antara Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang menguruskan permintaan dan tawaran? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi saya sudah beritahu bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi untuk meneliti semua isu dan cabaran yang dihadapi dalam konteks untuk sama ada melahirkan pegawai perubatan ataupun isu-isu yang ada kaitan dengan soal pegawai perubatan dan ini melibatkan semua pihak berkepentingan termasuklah Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga pihak JPA.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya rasa kita terus kepada soalan seterusnya. Saya jemput Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai untuk mengemukakan soalnya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan nombor 5.

5. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Perdana Menteri menyatakan, langkah kerajaan dalam menambah baik dan menguatkuasakan peranannya yang lebih efektif dalam mendekati isu berkaitan pelarian termasuk perbincangan bersama pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih dan tahniah Timbalan Yang di-Pertua. Soalan yang sangat popular. Semalam pun saya jawab, hari ini pun jawab lagi yang kali kedua.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat agar Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan pelarian dan permohonan suaka sendiri tanpa bergantung pada entiti asing.

■1040

Yang Berhormat Senator, kita sedang mempertimbangkan untuk mengadakan suatu perjanjian bersama pihak UNHCR berhubung dengan peranan dan tanggungjawab UNHCR di dalam negara selaras dengan Resolusi 428(V) Perhimpunan Agung PBB (1950) tersebut dalam usaha untuk menjajarkan semula peranan dan fungsi UNHCR di Malaysia dengan memberikan lebih usaha kepada penempatan semula pelarian ke negara ketiga. Pada waktu ini, kerajaan menggunakan platform pasukan petugas bersama, *joint taskforce* antara kerajaan dan pihak UNHCR dalam membincangkan isu-isu pelarian dalam Malaysia.

Kerajaan juga Yang Berhormat Senator, sentiasa menggunakan platform di peringkat serantau dan antarabangsa untuk menyeru negara-negara yang menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951, dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967 untuk melaksanakan tanggungjawab dalam memberikan perlindungan kepada pelarian tanpa mengira asal usul, etnik, agama dan sebagainya. Sekiranya semua negara ahli dapat memainkan hak dan tanggungjawabnya seperti yang termaktub dalam Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 tersebut, maka isu pelarian ini akan dapat ditangani bersama kemasukan berterusan pelarian dan permohonan suaka ke dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang isu pelarian itu bukan isu semalam dan juga sudah berpuluh-puluh tahun. Soalan tambahan saya, mengapa kerajaan ambil masa yang sebegitu panjang, sampai sekarang pun tidak boleh selesai? Semasa kita baca berita yang kerajaan mengatakan tubuhkan jawatankuasa dan mansuhkan perwakilan tetapi *where is the result? We cannot see the result.*

Kedua, segi asas kemanusiaan. Tahniah kerajaan kerana memberikan peluang kepada 48,000 orang kanak-kanak pelarian itu mendapat pendidikan asas dan juga 132,000 tenaga kerja pelarian itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat. Ada soalan lain?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ini soalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan itu...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ini soalan, adakah kerajaan memberi peluang kepada 48,000 orang kanak-kanak pelarian itu mendapat pendidikan asas? Tambahan pula, ada 132,000 tenaga kerja pelarian itu, bagaimanakah kerajaan akan selesaikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ugak anak Kumbong: Soalan begitu panjang sekali... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh jawab pendek.

Datuk Ugak anak Kumbong: Sejak tahun 2009, mekanisme pengurusan pelarian dan permohonan suaka adalah di bawah Arahan MKN No. 23. Mekanisme pengurusan pendatang asing tanpa izin yang memegang kad UNHCR yang telah dikeluarkan pada 24 Ogos 2019 secara amnya data-data sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian kad UNHCR termasuk etnik Rohingya, Myanmar dan juga seperti berikut.

Untuk kanak-kanak tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator, kesemua 48,000 orang kanak-kanak pelarian tersebut, kita telah mendapatkan akses kepada kemudahan pendidikan di pusat bimbingan *Alternative Learning Centre* yang dikendalikan oleh pihak NGO's dan komuniti pelarian dan UNHCR. Begitu juga untuk 132,000 orang penduduk Myanmar, Rohingya dan sebagainya, mereka ini bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup mereka. *I think* itu yang jelas Yang Berhormat.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Malaysia sendiri bersedia menerima pelarian-pelarian ini ataupun negara kita ini sebagai transit sahaja sebelum pelarian ini dihantar ke luar negara yang lain? Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih Yang Berhormat. Kita bukan negara di bawah Konvensyen 1951 dan Protokol 1967. Kita adalah transit sementara sebagai negara seperti saya kata semalam- negara ada perikemanusiaan kepada rakyat asing yang datang ke sini.

Saya hendak berikan tujuan semua ini Yang Berhormat Senator. Keseluruhan pendatang tanpa izin ini iaitu sebanyak 182,999 orang. Ini jumlah keseluruhan. Kita juga telah menghantar semua pelarian ini dari tahun 2019 hingga 2022 ialah kurang lebih 7,557 orang ke Negara Ketiga. Pentingnya sekarang ini usaha kita dan supaya bekerjasama dengan UNHCR ini supaya tindakan dan kerajaan ini membendung supaya pelarian-pelarian ini tidak akan datang ke Malaysia lagi. Itu merupakan satu inisiatif kita dengan menggunakan Arahan MKN No. 23. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa lagi hendak soalan tambahan? Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh mana tindakan kerajaan dalam mewujudkan sistem data sendiri tanpa bergantung pada pihak luar terutama Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) bagi menangani isu berkaitan pelarian dan warga asing kerana isu ini melibatkan keselamatan negara selain ia juga menunjukkan kepada kelemahan kerajaan sendiri. Terima kasih.

Datuk Ugak anak Kumbong: Terima kasih. Pada ketika ini, dasar sedia ada kerajaan telah menetapkan bahawa pelarian dan permohonan suaka adalah dirujuk kepada pendatang tanpa izin (PATI), pemegang kad UNHCR sebagaimana telah ditakrifkan melalui Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN No. 23). Mekanisme pengurusan pendatang asing tanpa izin (PATI)

yang memegang kad tersebut telah dikeluarkan pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan seperti mana saya kata tadi, Kerajaan Malaysia akan terus membantu golongan pelarian ini bagi meneruskan kelangsungan hidup sementara di dalam negara sebelum mereka ditempatkan semula ke negara ketiga.

Sehingga ke hari ini, tidak ada mempunyai maklumat secara terperinci Yang Berhormat. Jadi, saya percaya dengan kerjasama bersama UNHCR nanti dan saya akan berbincang selepas ini kerana ini soalan yang sentiasa diminati dan digemari oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, di Dewan Rakyat pun sama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun berminat juga fasal dulu saya Timbalan Menteri Dalam Negeri. Memang pening isu ini.

Jadi, saya jemput soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

6. Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengapa kita perlu menunggu sehingga tahun 2026 untuk memulakan inisiatif Rekod Perubatan Elektronik (EMR) sedangkan banyak negara di dunia telah mempunyai sistem tersebut dan mengapakah projek perintis masih diperlukan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah atas lantikan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam atas soalan berkenaan tentang Rekod Perubatan Elektronik (EMR).

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan inisiatif Rekod Perubatan Elektronik (EMR) seawal Rancangan Malaysia Keenam melalui pelaksanaan Sistem Maklumat Pesakit di hospital. Contohnya, di Hospital Selayang dan klinik-klinik kesihatan serta pelaksanaan pelbagai sistem sokongan klinikal seperti Sistem Maklumat Pengimejan, Sistem Maklumat Makmal dan Sistem Maklumat Farmasi. Setakat ini, 41 daripada 149 buah hospital KKM iaitu bersamaan 27.5 peratus dan 103 daripada 1,086 buah klinik kesihatan KKM iaitu bersamaan dengan 9.5 peratus telah mempunyai Sistem Pengurusan Pesakit.

Bagi klinik pergigian pula, 31 daripada 704 buah klinik pergigian KKM iaitu 4.4 peratus telah mempunyai Sistem Pengurusan Pesakit. Dengan angka-angka ini, nampak jelas prestasi penggunaan EMR di Malaysia di bawah Kementerian Kesihatan masih agak rendah. Ketika ini, KKM sedang melaksanakan Projek Rintis EMR di Negeri Sembilan seperti mana berikut.

Perluasan sistem EMR secara *cloud deployment* kesemua fasiliti KKM di Negeri Sembilan yang melibatkan perluasan sistem HIS@KKM ke tujuh buah hospital.

■1050

Perluasan hospital TPC-OHCIS ke-42 klinik kesihatan dan 11 buah Klinik Pergigian dan peningkatan fungsi sistem HIS@KKM dan sistem TPC-OHCIS.

Pembangunan platform perkongsian maklumat kesihatan bersepadu *health information exchange* dan perluasan integrasi ke semua fasiliti KKM di Negeri Sembilan dan pembangunan virtual klinik termasuk komponen *online appointment system*, *online registration* dan *e-Payment gateway*.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator berhubung inisiatif EMR pada tahun 2026 kelak, perancangan KKM ialah perluasan sistem EMR bersepadu ke seluruh negara secara *cloud deployment*. Melalui projek rintis EMR di Negeri Sembilan, kerajaan akan berupaya mengurus risiko pelaksanaan inisiatif rekod perubatan elektronik EMR seperti faktor ketersediaan fasiliti termasuklah bekalan elektrik, ketersediaan infrastruktur ICT dan lain-lain keperluan naik taraf fasiliti.

Selain itu, dasar dan polisi berkaitan perkhidmatan yang terlibat dapat diperkukuhkan juga lain-lain keperluan seperti penambahan sumber manusia dan peningkatan tahap kompetensi terhadap sistem EMR akan dilaksanakan. Selain itu juga, sebagai maklumat tambahan Yang Berhormat Senator, kita telah memulakan program-program EMR sejak tahun 2005. Walaupun demikian, projek rintis di Negeri Sembilan ini akan membolehkan projek-projek EMR akan dilaksanakan di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Lingeshwaran.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Memang tidak dapat dinafikan ada keperluan untuk kerajaan menguruskan risiko untuk pelaburan. Namun begitu, saya risau sekiranya kita hanya mula melaksanakan projek EMR pada tahun 2026, sektor kesihatan dunia telah beralih ke *metaverse* apabila kita selesai melaksanakan projek ini dan kita akan mewarisi projek yang *obsolete*, dengan izin, *why we are always chasing the tiers*.

Soalan saya adalah, adakah *opportunity cost*, dengan izin, kepada kerajaan jika projek ini lambat dilaksanakan tatkala dunia perubatan telah mula menggunakan *predictive medicine* melalui *Healthcare Data Analysis* selaras dengan *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0). Kebanyakan hospital dan fasiliti kesihatan awam kita masih pada era IR 1.0, dan paling maksimum 1.5. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Satu soalan yang sangat menarik dan juga yang baik berkenaan tentang penggunaan sistem pengurusan kesihatan secara elektronik dan juga kita telah ambil maklum berkenaan perkara tersebut.

Di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri dan juga kepimpinan tertinggi, kami telah mengambil kira perkara-perkara tersebut dan disebabkan itulah pihak pengurusan telah menilai semula perancangan pelaksanaan EMR. Walaupun demikian, pelaksanaan yang telah dirancang berkenaan tentang HIS dan juga TPC-OHCIS perlu dilaksanakan memandangkan peruntukan tersebut telah diturunkan.

Walaupun demikian, berkenaan tentang penggunaan seperti teknologi *metaverse*, penggunaan AI ataupun penggunaan IR4.0 kita telah mengambil pendekatan untuk menambah baik sistem tersebut ke dalam program-program yang akan dilaksanakan. Ini adalah selaras dengan pendekatan kertas putih, di mana dalam tempoh 15 tahun bukan hanya kita sekadar meningkatkan sistem kesihatan awam, proses pendigitalan telah bermula. Sejak enam bulan yang lepas, kita telah menilai dan juga merangka semula kos-kos yang perlu kita tambah dan kita pohon kepada MOF.

Selain itu juga, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator kita berdepan dengan masalah geografi Malaysia yang mempunyai jurang perbezaan digital, terutama di Sabah dan Sarawak. Kita tidak dapat melaksanakan satu polisi, *blanket policy* yang sama rata untuk Semenanjung, wilayah Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kita perlu menilai dan kita mengambil semula, akan mempertimbangkan dan juga akan membuat *mid-term review* terhadap pendekatan pengurusan, *managing* secara elektronik.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ambil maklum kerana kita telah belajar dari satu program di Hospital Selayang, di mana kita merupakan hospital yang paling ke depan ketika itu dan pada era itu kita sangat bangga dengan kejayaan Hospital Selayang. Walaupun demikian, sekarang Hospital Selayang sudah jauh ketinggalan dari sudut teknologi dan juga telah membebankan kakitangan kesihatan apabila untuk melaksanakan tugas-tugas. Maka dengan hasil daripada kesilapan tersebut, kita akan memperbaiki dan juga akan mengelakkan ketirisan dalam pelaksanaan pemilihan sistem EMR yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: *Alamak* ini susah ini, orang yang pakai baju Melayu lah, Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi... [Ketawa]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, kita tengok bahawa penempatan MO masih lagi tidak berjalan lancar dan kerajaan bercadang untuk menaikkan deposit kemasukan hospital daripada RM1 ke RM5. Apakah bajet

yang menghantui kerajaan daripada melaksanakan Program EMR dengan kadar yang lebih awal daripada 2026?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Terdapat beberapa soalan berkenaan tentang MO itu kita akan cuba jawab dalam persoalan-persoalan yang lain. Begitu juga untuk proses pengambilan dan juga penempatan, memang melalui satu sistem digitalisasi iaitu dikenali sebagai *eHousemen* dan juga berkenaan tentang bajet.

Sebagai contoh dianggarkan keperluan untuk membina dan juga melaksanakan program EMR ini mengambil jumlah sebanyak hampir lebih kepada RM3 bilion ke RM4 bilion dan 75 peratus daripada peruntukan tersebut adalah untuk perolehan *hardware* ataupun sistem ataupun sebagai kata mudahnya *laptop*, *iPad* dan juga komputer-komputer yang perlu diperoleh. Maka, kita telah melihat dengan jumlah tersebut agak besar dan juga kita mempunyai mekanisme yang lain.

Maka kita akan mempertimbangkan dan juga akan cuba untuk menurunkan jumlah kos tanpa membebankan Kementerian Kewangan dengan menilai bentuk-bentuk model perolehan yang lebih baik ataupun dari sudut penyewaan, ataupun saya juga melihat dari sudut kita mendapatkan kerjasama korporat yang ingin membantu meningkatkan sistem elektronik di negara kita.

Selain daripada itu, bukannya kita hanya memulakan proses EMR ini pada tahun 2026. Kita telah memulakan program-program ini telah lama lagi. Sebagai contoh, kita mempunyai 41 buah hospital.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Yang telah mempunyai sistem EMR di seluruh Malaysia walaupun kita tidak hanya meletakkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya sudah beri peluang panjang daripada soalan kedua itu.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Okey terima kasih. Kita bukan hanya meletakkan kos sebagai halangan tetapi pelaksanaan dasar polisi itu kita akan tambah baik untuk kerajaan yang sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, baik. Terima kasih. Soalan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tuan Akin A/I Ehtook untuk kemukakan soalan.

Tuan Akin A/I Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. Tuan Aknan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, butiran dan jumlah peruntukan di bawah Belanjawan 2023 yang disediakan untuk pembelajaran bahasa ibunda dan kebudayaan golongan minoriti, termasuk masyarakat Siam. Adakah peruntukan tersebut disediakan dalam bentuk sumbangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mewakili masyarakat Siam iaitu Persatuan Siam Malaysia sebagai badan pelaksana atau ada kaedah lain yang harus masyarakat Siam lakukan untuk memanfaatkan peruntukan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri kawan lama saya juga minta jawab.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Aaron Ago anak Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan negara dibina daripada pelbagai kaum, adat resam, budaya, kepercayaan dan bahasa ibunda. Khazanah dan warisan yang tidak ternilai ini perlu dipelihara tanpa meminggirkan mana-mana kaum untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang. Untuk itu, Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan untuk memastikan warisan bangsa ini terus terpelihara dan dilestarikan dalam seluruh masyarakat, sebagai asas pembangunan jati diri mengukuhkan perpaduan.

Melalui Belanjawan 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah pun memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi tujuan pelaksanaan inisiatif dan program pengkalan warisan tradisi di bawah nama Ini Warisan Kita. Objektif-objektif di bawah Ini Warisan Kita adalah untuk memelihara dan memulihara kepelbagaian warisan negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan.

Peruntukan yang diluluskan ini tidak menetapkan kadar pembahagian dan agihan mengikut kaum atau mana-mana golongan, sebaliknya ia digunakan bagi pelaksanaan program yang berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan termasuk pembelajaran bahasa ibunda dan kebudayaan yang telah disusun di bawah inisiatif Ini Warisan Kita. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk komuniti Rukun Tetangga, institusi pengajian tinggi, NGOs dan agensi swasta.

Selain daripada melalui inisiatif Ini Warisan Kita, program-program untuk kesedaran terhadap warisan, adat dan budaya ini turut dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui kluster program yang dinamakan Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan yang telah disusun di bawah *flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

■1100

Pelaksanaan program ini diperkukuhkan lagi dengan penglibatan tiga buah agensi baharu di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia. Sambutan Minggu Perpaduan yang telah berlangsung selama seminggu pada akhir bulan Mei yang lalu di seluruh negara juga menekankan pengisian

program berbentuk warisan, adat dan budaya seperti *showcase*, *gallery unity*, pameran rumah etnik yang memaparkan alat-alat muzik, makanan, pakaian dan permainan tradisi pelbagai etnik.

Kementerian juga telah menganjurkan program secara khusus bersama masyarakat Siam iaitu Program Warisan Masyarakat Siam Kelantan yang berlangsung di Wat Siam Tumpat, Kelantan pada 17 Jun baru-baru ini. Program tersebut bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan adat resam, budaya seperti pakaian tradisional, makanan, persembahan kesenian serta perayaan kepada masyarakat Siam pelbagai lapisan generasi. Program seumpama ini akan diteruskan dan dibiakkan lagi bagi memastikan khazanah dan warisan budaya setiap kaum di negara ini terus kekal dan dapat diwarisi kepada generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Tuan Aklan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pembelajaran bahasa ibunda, bahasa Siam dan juga pengukuhan budaya, saya telah memohon dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan telah meluluskan satu jumlah untuk bersama dengan minoriti yang lain berjumlah RM10 juta sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Akan tetapi apabila diletakkan di Kementerian Perpaduan, sebab itu saya tanya macam ini sebab kerana fungsi Kementerian Perpaduan berbeza dengan tujuan asal permohonan itu kerana pembelajaran bahasa ibunda saya perlukan *group* wang untuk membayar elaun guru dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Senator, soalan.

Tuan Aklan a/l Ehtook: Jadi saya mohon untuk- adakah kementerian bersetuju untuk berbincang balik dengan saya untuk memastikan tujuan saya yang memohon itu dapat dilaksanakan kerana apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri itu, apa tujuan sebenarnya tidak tercapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkas jawapan Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]*

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Jawapan ringkas Yang Berhormat Senator, kita setuju apa hasrat Yang Berhormat Senator yang telah memohon kepada MOF, tetapi RM10 juta itu di bawah urusan kita. Saya ingat bukan sahaja untuk pembelajaran bahasa ibunda Siam, ia untuk keseluruhan urusan kita. Urusan ini banyak. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Seterusnya saya ingin menjemput Datuk Lim Pay Hen untuk mengemukakan soalan.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

8. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kementerian merancang untuk memperluaskan penggunaan mesin kompos penghasilan baja daripada sisa makanan keluaran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) ke seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah orang Johor.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah bertanya mengenai penggunaan mesin kompos penghasilan baja daripada sisa makanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan sisa pepejal di tujuh buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan juga Perlis.

Kementerian sememangnya sedang merancang untuk memperluaskan penggunaan mesin kompos penghasilan baja daripada sisa makanan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar sisa organik daripada dihantar ke tapak pelupusan. SWCorp dengan kerjasama pihak *Japan International Cooperation Agency (JICA)* telah melaksanakan penambahbaikan dalam bidang pengurusan ini dengan memperkenalkan teknologi mesin kompos di Cameron Highlands. Melalui kerjasama ini, pihak JICA telah menyumbangkan dua unit mesin kompos yang berkapasiti satu tan sehari bagi pelaksanaan projek pengkomposan sisa organik di tapak pelupusan Blue Valley, Cameron Highlands, Pahang.

Kajian ini telah kita buat sejak November 2019 dan dianggarkan sepanjang kajian ini, sebanyak 804 metrik tan sisa pepejal telah dikutip dan dirawat di kawasan Cameron Highlands. Kebanyakannya dari kebun-kebun dan juga hotel di sana bagi penghasilan produk akhir baja kompos. Sebanyak 75 metrik tan baja kompos telah terhasil daripada aktiviti ini yang kemudiannya boleh digunakan semula ke atas tanaman dan sayur-sayuran di Cameron Highlands.

Untuk penggunaan teknologi bagi berskala kecil, kita juga telah menempatkan mesin kompos ini sebagai contoh di sekolah. Ada satu iaitu di SMK Presint 9, Putrajaya. Kapasitinya 30 kg per hari. Sehingga kini, sebanyak 12.6 tan sisa makanan telah dirawat dan sebanyak 3.4 tan baja kompos ini telah dihasilkan. Satu lagi contoh, kita juga ada buat di PPR di Kuantan.

Cuma, Yang Berhormat Senator bertanya untuk langkah ke hadapan, memang kita berhasrat untuk memperluaskan teknologi ini yang mana sebanyak lima buah mesin kompos mini dengan kapasiti 20 kg sehari yang kita telah usulkan dan akan *insya-Allah*, dilaksanakan suku ke-empat tahun 2023 di lima Pusat Komuniti Sifar Sisa ataupun yang dipanggil KOSIS. Jadi, lima buah pusat ini adalah: pertama; di PPR Desa Mutiara, Johor Baru; PPR Kempas Permai, Johor Baru; Tuan Yang di-Pertua *aware* ini- ketiga, PPR Lembah Subang 2 di Petaling Jaya; keempat, Projek Perumahan Awam Kos Rendah Pinggiran Putra, Kuantan; dan terakhir- di Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh. Sekian, terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan saya ialah berasaskan data SWCorp, Malaysia membuang 17,000 tan sisa makanan setiap hari. Kira-kira 24 peratus atau 4,005 tan daripadanya dikategorikan sebagai masih boleh dimakan. Jadi, data ini sekali gus menunjukkan berlaku pembaziran makanan yang amat tinggi. Jadi, adakah sebagai permulaan, SWCorp akan mewajibkan penggunaan mesin kompos baja dari sisa makanan di hotel, pasar awam, pasar malam dan pusat penjaja bagi memanfaatkan sejumlah sisa makanan yang dibuang setiap hari? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan ataupun mungkin berbentuk cadangan. Jadi, sememangnya saya rasa perkara yang paling asas itu adalah untuk menimbulkan kesedaran bahawa sisa makanan ini sebenarnya wajar diasingkan dan diproses untuk tujuan yang lebih bermakna kerana kalau dihantar terus ke Tapak Pelupusan, ia hanya membebankan urusan kita untuk menguruskan sisa pepejal.

Bagi persoalan Yang Berhormat Senator, saya lebih tertarik untuk menerangkan ketika ini SWCorp memang cuba sedaya upaya untuk menggalakkan pemahaman bahawa mesin kompos ini boleh diguna pakai. Maka sebab itu, ada sekolah-sekolah yang kita telah terlibat secara langsung, manakala yang seterusnya adalah di perumahan-perumahan berbentuk berkepadatan tinggi. Jadi sebagai contoh, apabila sebut sisa makanan juga, tahun ini kita telah- mesin yang sama yang kita ada di Kuantan itu, kita telah letakkan di Bazar Ramadhan Mahkota Square di Kuantan untuk menunjukkan sebelum kita hendak mewajibkan ataupun cadangan yang lebih ketat, kita kena cuba.

Jadi dalam pelaksanaan kempen ini, kita telah berjaya- kalau kes di Bazar Ramadhan bulan yang lalu, kita telah berjaya kumpulkan sebanyak 190 kilogram sisa makanan yang terhasil

daripada para pengunjung dan peniaga bazar dan seterusnya berjaya menghasilkan hampir 50 kilogram baja kompos. Jadi sementara cadangan Yang Berhormat Senator itu lebih kepada berbentuk akta ataupun mensyaratkan secara wajib, ketika ini kita lebih berbentuk kempen. Apabila kesedaran itu timbul, mungkin ada ruang untuk menuju ke arah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua. Apakah pihak kementerian mempunyai perancangan strategik untuk bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memperkasakan penggunaan mesin kompos penghasilan baja daripada sisa makanan keluaran SWCorp ke seluruh Malaysia sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan kebergantungan industri pertanian pada sumber baja dari luar negara? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ketika ini kalau kita tengok hasilnya pula, itu saya rasa kalau kita tengok daripada kuantum itu untuk hanya bergantung kepada sisa makanan untuk memenuhi keperluan baja itu, saya rasa satu inspirasi yang begitu jauhlah untuk kita capai kehendak atau keperluan untuk MAFI itu.

■1110

Cuma ketika ini tanggungjawab ataupun peranan cuba dimainkan oleh SWCorp adalah untuk mengurangkan sisa pepejal itu. Oleh sebab itu, kita tekankan sekarang ini, jangan hanya cakap soal sisa pepejal secara umum tetapi kita cerakinkan lagi, pecahkan lagi. Maka sebab itu ia lebih berbentuk strategik kepada bagaimana untuk kita kawal punca berlakunya sisa pepejal itu. Apabila kami sebut soal bagaimana kita letakan di PPR, hasil baja kompos itu diguna pakai di kebun komuniti di PPR tersebut. Jadi berbentuk ekonomi kitaran di lokaliti yang kita buat.

Cuma untuk berkongsi bagaimana juga kerjasama dengan pihak jabatan ataupun kementerian yang lain, yang apabila kita cuba tumpu kepada *source* ataupun punca hasil sisa tersebut, tahun hadapan *insya-Allah* antara rancangan yang kita tengah bincang adalah bagaimana pula, selain PPR kita hendak letak mesin kompos ini di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Kita sudah kenal pasti tiga buah penjara yang kita hendak letakkan iaitu di negeri Perlis, Pahang dan Johor. Oleh sebab itu, pendekatan mesin kompos ini untuk mengawal *produce*, hasil sisa pepejal itu kurangkan supaya ada manfaat dalam kitaran ekonomi kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya saya jemput Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff untuk kemukakan soalan.

9. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Komunikasi dan Digital menyatakan, adakah senarai prospek pelaburan digital yang telah dikenal pasti, dan apa sektor yang terlibat di bawah pelaburan yang bernilai RM1 bilion semasa pelancaran Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) pada 17 April 2023 yang lalu.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Komunikasi dan Digital melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia ataupun kita panggil MDEC memfokuskan usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan juga domestik (DDI) bernilai tinggi dalam bidang-bidang digital tertentu seperti:

- (i) Kecerdasan Buatan (AI);
- (ii) Analitik Data Raya (DDA);
- (iii) Internet Benda (IoT);
- (iv) Blok Rantai (*Blockchain*);
- (v) keselamatan siber (*cyber security*);
- (vi) teknologi dron (*drone tech*);
- (vii) Teknologi Media Kreatif termasuk Realiti Lanjutan (*Extended Reality*) dengan izin; dan
- (viii) Realiti Campuran (*Mix Reality*).

Program PEMANGKIN memberi fokus kepada sembilan sektor tumpuan iaitu:

- (ix) *Digital Agriculture*;
- (x) *Digital Tourism*;
- (xi) *Digital Content*;
- (xii) *Digital Health*;
- (xiii) *Digital City*;
- (xiv) *Digital Finance*;
- (xv) *Digital Services*;
- (xvi) *Digital Trade*; dan
- (xvii) *Islamic Digital Economy*,

Dengan izin. PEMANGKIN dijangka menjana peluang pelaburan bernilai RM1 bilion menjelang tahun 2025 yang akan disokong oleh pemain industri daripada sektor awam dan juga swasta. Secara kolektif, kerajaan melalui MDEC telah memperuntukkan jumlah keseluruhan RM238 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas sebagai pelaburan awam ke dalam sembilan sektor pemangkin dengan memberi fokus kepada pembangunan industri seperti infrastruktur digital pendidikan dan memberikan kemasyhuran kepada rakyat untuk berjaya dalam ekonomi digital.

Sebanyak RM45 juta daripada jumlah peruntukan tersebut digunakan untuk meningkatkan kebolehpayaan teknologi seperti teknologi *Blockchain*, automasi AI dan lain-lain. Manakala, RM50 juta daripada jumlah tersebut melalui Geran Padanan Digital- *Matching Grant*. Sekian jawapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sehingga kini sejauh mana pelaburan digital membantu daripada aspek peluang pekerjaan kepada belia dalam sektor industri berkaitan terutama kepada belia di luar bandar khususnya bagi negeri Kelantan? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan tersebut. Pada tahun 2020, sumbangan ekonomi digital kepada GDP iaitu sebanyak 22.6 peratus dan untuk tahun 2021 sumbangan ekonomi digital kepada GDP iaitu 23.2 peratus. Sekarang, data untuk 2022 belum diumumkan tetapi secara umumnya, bagaimana kita membantu golongan belia khasnya dari kawasan luar bandar termasuklah Kelantan dalam *digital economy* kita melalui *e-commerce* platform ini, untuk membantu mereka.

Jadi di bawah MDEC dan di bawah MCMC, kami ada pelbagai program seperti kita bekerjasama dengan *Shopee* dan *Lazada* untuk membantu memberi latihan kepada golongan belia, untuk membantu mereka *set up their business* ataupun bawa mereka untuk mengguna pakai platform digital ini supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam *e-commerce* ini. Jadi kita harap bahawa melalui usaha ini kita boleh nampak lebih banyak MSME yang terlibat dalam *e-commerce* dan secara keseluruhannya bolehlah terus mengimbang kepada ekonomi digital.

Hasrat dan sasaran kita iaitu menjelang 2025, kita harap bahawa ekonomi digital boleh menyumbang sebanyak 25.5 peratus kepada GDP kita. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah tanya tadi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tiga soalan satu orang. Satu sahaja...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, bagi *chance*, sekali lagi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dahulu 1998, kerajaan telah memperkenalkan *Multimedia Super Corridor*, satu rancangan gergasi yang hebat. Akan tetapi apabila sampai kepada pelaksanaan, ia gagal. Adakah kerajaan menggariskan faktor-faktor yang boleh menyebabkan rancangan-rancangan baharu seperti akan menemui kegagalan. Ada rancangan alternatif dan sebagainya? Kita pernah lalui pengalaman *Multimedia Super Corridor*, 55km darab 10km dahulu.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa yang penting ialah *first of all* kami perlulah belajar daripada kalau ada apa-apa kelemahan yang dahulu kami perlu belajar daripada pengalaman tersebut. Kalau ada apa-apa kejayaan kami juga haruslah mendapat manfaat daripada kejayaan yang kita capai tetapi untuk memastikan bawah kita boleh mencapai sasaran kita untuk membangunkan ekonomi digital dan pastikan bahawa pelan *digitalization* ini boleh berjaya.

Oleh sebab itu, kita telah mengenal pasti teknologi *enabler* untuk pastikan bahawa ekonomi digital kita boleh terus berkembang. *Technology enabler* itu adalah apa yang saya sebut dalam jawapan saya awal sedikit seperti:

- (i) AI;
- (ii) *Big Data Analytics*;
- (iii) *Internet of Thing*;
- (iv) *Blockchain*;
- (v) *Cyber Security*;
- (vi) *Drone Tech*;
- (vii) *Extended Reality*; dan
- (viii) *Mix Reality*.

Ini adalah *tech enabler* yang kita percaya bahawa boleh membantu kita untuk mencapai ataupun memastikan bahawa sembilan sektor yang kita telah fokuskan itu akan membantu kita membangunkan ekonomi digital.

Jadi, saya harap bahawa dengan kerjasama dari semua lapisan kalau ada cadangan yang bagus saya juga mengalu-alukan cadangan bagus daripada Yang Berhormat Senator. Kalau KKD ataupun agensi kita ada apa-apa kelemahan, saya juga mengalu-alukan kritikan dan teguran

daripada Yang Berhormat untuk memastikan bahawa ekonomi digital ini, kita boleh mencapai sasaran kita. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin untuk mengemukakan soalan.

10. Dato' Ajis bin Sitin minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, adakah inisiatif jangka masa pendek yang telah dilaksanakan bagi menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat Orang Asli selaras dengan tekad Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2023 yang lalu.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan melalui JAKOA yang bertanggungjawab bagi pentadbiran kebajikan dan kemajuan am Orang Asli telah merangka beberapa strategi bagi menangani masalah miskin tegar dalam kalangan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk langkah jangka masa pendek kita telah menggariskan beberapa program untuk menangani masalah miskin tegar dalam kalangan Orang Asli. Yang pertama Program Pembangunan Usahawan Orang Asli. Program ini melibatkan penyediaan geran bantuan usahawan, geran bantuan koperasi dan penyediaan kursus dan latihan bimbingan.

■1120

Sasaran utama program ini iaitu meningkatkan 30 peratus pendapatan usahawan Orang Asli dan kemahiran keusahawanan mereka. Kedua, Program Ladang Masyarakat Orang Asli, yang mana Projek Tanam Semula Komersial bagi komoditi getah kelapa sawit dan koko dengan penumpuan kawasan penempatan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Pelaksanaan projek adalah dengan kerjasama RISDA dan FELCRA untuk penerima manfaat seramai 2,196 orang peserta bagi tahun 2023.

Seterusnya, JAKOA juga telah bekerjasama dengan ICU iaitu mengintegrasikan data Orang Asli di sistem eKasih. Setakat ini, data maklumat Orang Asli tidak terdapat dalam eKasih. Hanya melalui data sendiri iaitu iDamak di peringkat JAKOA. Jadi, pengintegrasian data pada sistem eKasih diharapkan dapat memastikan masyarakat Orang Asli tidak tercicir daripada menerima bantuan dan bimbingan serta terlibat dalam setiap program basmi kemiskinan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan di negara kita.

Akhir sekali ialah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang sebelum ini disebut Program Basmi Kemiskinan Tegar di bawah ICU. JAKOA juga mempunyai kerjasama dengan

ICU, yang mana kita telah pun memohon peruntukan kepada Kementerian Ekonomi untuk Program Basmi Miskin Tegar Orang Asli iaitu melalui program ini yang bermula pada tahun 2022, seramai 1,439 isi rumah masyarakat Orang Asli mendapat pendapatan tambahan, sekiranya dilaksanakan secara sistematik dan berterusan. Ini adalah kerana cadangan projek dan idea itu lahir daripada masyarakat setempat sendiri berasaskan kepada kekuatan sumber di kawasan tersebut, keupayaan, kemampuan serta minat yang yakin lebih realistik untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Ajis tidak mahu tanya. Saya hendak tanya... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat lepas ini. Bagi peluang dekat orang lain... *[Ketawa]*

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Mahu tanya, tidak?... *[Ketawa]*

Dato' Ajis bin Sitin: Hendak... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Biarlah keutamaan diberikan kepada yang bertanyakan soalan.

Dato' Ajis bin Sitin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan senang sahaja. Sehingga kini ya, berapa ramai Orang Asli yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah ini? Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak ada dalam daftar eKasih. Kita hanya ada data melalui iDamak. Jadi, iDamak ini kita bina melalui JAKOA, sistem JAKOA sendiri, yang mana melalui kajian yang telah kita laksanakan, seramai 64,000 orang telah dimasukkan dalam senarai iDamak dan kini telah dikemukakan kepada ICU untuk diintegrasikan di dalam eKasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *Lekaih...* *[Ketawa]*

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sekarang ini kita tengok untuk menoktahkan kemiskinan Orang Asli ini, kementerian banyak berlegar berkenaan dengan hasil daripada getah dan juga kelapa sawit tetapi adakah pihak kementerian bercadang untuk menukar tanaman lain untuk memberi sumber pendapatan yang lebih baik kepada Orang Asli? Itu yang pertama.

Kedua, kita tengok sekarang ini apa-apa kementerian yang melibatkan Orang Asli, biasanya mereka akan rujuk kepada JAKOA, baik ekonomi ataupun ekonomilah dan juga pembangunan infrastruktur. Akan tetapi adakah pihak kementerian sebenarnya– berkenaan dengan ekonomi ini, kita boleh *channel* kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Contohnya Kementerian Ekonomi dan sebagainya. Akan tetapi semua ini disalurkan kepada pihak JAKOA. Apakah peranan kementerian supaya semua kementerian ini bekerjasama untuk meningkatkan pendapatan dan juga menoktahkan kemiskinan Orang Asli ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk program ekonomi ini ataupun mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan Orang Asli adalah bukan sahaja tertumpu kepada Program Ladang Masyarakat Orang Asli. Maksudnya dari ladang-ladang kebun dan sebagainya tetapi kita juga banyak program lain.

Antaranya salah satunya latihan teknikal dan vokasional yang mana kita telah beri penekanan kepada belia-belia masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan kebolehpasaran serta pepadanan daripada segi kemahiran, permintaan industri dan gaji yang bersesuaian untuk program jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Selain daripada itu, JAKOA juga mempunyai kolaborasi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, swasta, syarikat-syarikat korporat yang mana kita lihat mendapat sambutan yang hebat daripada pihak swasta.

Untuk tahun 2022 sahaja, kita telah mendapat CSR program daripada pihak swasta sebanyak 141 buah. Tahun 2023 sebanyak 57 buah setakat Jun yang mana syarikat-syarikat ini datang kepada masyarakat Orang Asli berdasarkan nasihat daripada JAKOA untuk memberi latihan kemahiran dan juga dalam masa yg sama pepadanan kerja kepada agensi ataupun syarikat berkenaan. Baru-baru ini, *McDonald's* telah datang ke JAKOA dan telah pun membuat program-program latihan dan kemahiran peringkat pendek yang mana dalam masa yang sama telah mengambil 35 Orang Asli untuk bekerja dalam industri berkenaan.

Jadi, banyak program yang telah kita laksanakan. Cuma untuk soalan kedua berkaitan dengan agensi-agensi lain dalam Program Pembasmian Kemiskinan. Oleh sebab itu, saya maklumkan kepada Dewan tadi, pada masa ini Orang Asli agak ketinggalan sedikit dalam program-program pembasmian kemiskinan agensi-agensi lain, memandangkan agensi-agensi lain berfokuskan sistem eKasih.

So far setakat ini, data kita tidak *match* dengan eKasih kecuali atas inisiatif JAKOA sendiri untuk berkolaborasi dengan agensi-agensi berkenaan. Dengan harapan itulah, JAKOA mengharapkan bila kita integrasikan data maklumat iDamak dengan eKasih, banyak program pembasmian kemiskinan di kalangan agensi lain ataupun jabatan kerajaan yang lain dapat dimanfaatkan sama untuk Orang Asli. JAKOA juga ada perancangan untuk menilai....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Sudah panjang sangat.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Okey. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat Apandi menunggu sahaja. Dia hendak kemukakan soalan dia. Terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang ini sekali lagi saya jemput Yang Berhormat untuk kemukakan soalan. Lepas ini tidak ada soalan tambahan, ya?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih adinda ANSARA, Tuan Yang di-Pertua.

*Semalam nombor sebelas,
Hari ini nombor sebelas;
Semalam terlepas,
Hari ini minta dibalas.*

11. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah bentuk program dan bantuan kewangan untuk membantu memperkenalkan destinasi produk pelancongan sumber alam semula jadi yang terdapat di Jeli seperti air terjun, sungai yang jernih, terowong lama komunis, terowong perlombongan emas dan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, antara program promosi yang telah dilaksanakan bagi membantu memperkenalkan Jeli sebagai destinasi pelancongan adalah seperti berikut:

- (i) promosi pakej *Rainforest* Dabung, Kelantan melalui pakej pengembaraan lasak dalam alam semula jadi;
- (ii) Program Kerjasama Kayuhan Muhibah Thailand-Malaysia anjuran Pejabat Pelancongan dan Sukan Wilayah Narathiwat di Jeli, Kelantan;
- (iii) penghasilan *fun map*, Jom Jalan Jeli dengan kerjasama Majlis Daerah Jeli; dan
- (iv) penganjuran *Program Familiarization Trip*, lawatan suai kenal seperti Program Ekspresi Media Cuti-cuti Malaysia 2023.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) hingga tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), *Rolling Plan* 1 sehingga *Rolling Plan* 3, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM7,732,980 bagi melaksanakan 39 buah projek di negeri Kelantan. Ini termasuklah RM150,000 di bawah program pemerkasaan pelancongan, kebudayaan dan warisan tahun 2022 bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur pelancongan di Kolam Air Panas Jeli, Kelantan.

■1130

MOTAC bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan produk-produk baharu selaras dengan hala tuju MOTAC dan keutamaan kerajaan negeri Kelantan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan bagi membantu menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di negeri Kelantan, demi menyokong industri pelancongan tempatan, sekali gus menjana ekonomi setempat dengan syarat aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya selepas projek dilaksanakan dan diserahkan kepada agensi pemilik. Sekian, terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Nak juga? Okeylah... [Ketawa]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tidak kenal orang lagi itu... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey. Kalau kita tengok, kita *alhamdulillah* Malaysia dianugerahkan Allah SWT alam semula jadi yang sangat baiklah. Antara yang terbaik di dunialah. Kalau di Orlando, *Disney World*, pemilik *Disney World* itu terpaksa berbelanja bilion untuk mewujudkan satu Bandar Orlando, Oregon City. Jadi, adakah kerajaan tidak hendak mengambil kesempatan untuk menambahkan lagi bajet supaya ia dapat dimanfaatkan, bukan setakat oleh masyarakat domestik tetapi juga pelancong luar negara sepertimana yang dilakukan oleh negara sahabat kita, yakni Indonesia dan Thailand. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi, kita memang tahu dan sedar, kita telah dianugerahkan dengan pelbagai keindahan dan kecantikan, terutamanya di negeri Kelantan juga. Kita tahu banyak perkara yang perlu diperbaiki dan diperbaharui.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengenal pasti kluster ekopelancongan Pergau, Jeli, Gunung Stong, Nenggiri. Kluster ini merupakan salah satu daripada 60 kluster ekopelancongan di Malaysia yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan dan secara langsung dapat merangsang kerancakan ekonomi setempat.

Antara tarikan utama di kawasan sekitar kluster ini adalah Kolam Air Panas Jeli. Persoalannya di sini, ia perlu satu kerjasama strategik di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat supaya kita tahu dengan lebih mendalam, apa perkara-perkara yang harus

dilakukan supaya setiap perancangan itu menepati sasaran dan juga menepati tujuan, bukan sahaja di peringkat pusat tetapi juga di peringkat negeri.

Daripada segi peruntukan pula, ia perlu dimaklumkan secara mendalam seperti yang saya telah ulaskan sebentar tadi, iaitu perlu melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan. Kita akan lihat bagaimana untuk kita memastikan ataupun dengan izin kita boleh *accommodate* segala permintaan yang selaras dengan pemikiran dan juga perancangan kerajaan negeri itu sendiri. Ini kerana tanpa input-input yang tepat, kita risau kementerian akan melakukan sesuatu perkara yang tidak menepati cita rasa kerajaan negeri itu sendiri dan juga yang paling penting, apa sebenarnya matlamat kita terhadap kawasan setempat itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berkenaan dengan pusat pelancongan, contoh seperti di Tasik Bera. Tasik Bera itu merupakan tasik semula jadi yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan juga ada juga Tasik Chini di Pahang dan juga beberapa tasik yang lain.

Soalan saya, apa sebenarnya peranan ataupun langkah kerajaan apabila mereka memajukan sesuatu tempat pelancongan tersebut tetapi akhirnya tempat itu ia tidak terabai *abandoned* dan kekurangan pelancong. Kerajaan, kita tengok dia lebih kepada untuk membangunkan infrastruktur tetapi tidak menggalakkan ataupun kurang mengadakan promosi untuk menggalakkan pelancong...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: ...Hadir ke tempat tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau kita ada masa, saya hendak bagi satu lagi soalan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana selama ini kita lebih memfokuskan beberapa buah negeri sahaja apabila kita lakukan promosi dan kita tidak terlampau menekankan perkara-perkara yang berkaitan dengan ekopelancongan ataupun *medical tourism* ataupun *sport tourism*.

Itu sebabnya kita di peringkat MOTAC sudah berbincang dengan agensi *Tourism Malaysia* supaya kita lihat kembali produk-produk yang kita hendak hidangkan kepada masyarakat kita di domestik dan juga masyarakat di luar sana. Supaya mereka lebih memahami,

sebenarnya Malaysia ini bukan sahaja terkenal dengan bandar-bandar besar tetapi ada perkara-perkara yang lebih menarik daripada itu.

Kita kembali kepada persoalan, bagaimana untuk kita memelihara ataupun memulihara keadaan yang telah disebutkan sebentar tadi. Ia terpulang kepada kerajaan negeri. Ini kerana setiap tempat pelancongan ini, ia tertakluk di bawah jagaan kerajaan negeri. Akan tetapi yang paling penting, di setiap negeri kita ada wakil kita iaitu Pengarah MOTAC Negeri dan juga Pengarah *Tourism* Negeri.

Saya percaya setiap perbincangan yang dilakukan selalunya turut disertai oleh wakil-wakil daripada kerajaan negeri. Kita akan lihat secara mendalam sekali lagi dan serius, bagaimana untuk kita pastikan setiap kawasan yang menarik itu dapat dipelihara bukan sahaja daripada segi kecantikannya itu juga tetapi yang paling penting infrastrukturnya itu perlu berada dalam keadaan yang baik, supaya setiap kali pelancong-pelancong yang datang, ia bukan menjadi bualan yang tidak baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Memandangkan soalan nombor 12 ini tidak memerlukan jawapan yang panjang, saya ingin menjemput Tuan Mohd Hasbie bin Muda untuk mengemukakan soalan.

12. Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan universiti awam atau cawangan universiti awam seperti UiTM di Temerloh memandangkan Temerloh masih belum mempunyai universiti awam sedangkan kawasan itu merupakan pusat kebangkitan rakyat dalam menentang penjajah serta titik tengah Semenanjung.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan, pertamanya, saya mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi ingin mengambil kesempatan juga mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk selaku Timbalan Yang di-Pertua dan kepada Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar selaku Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Hasbie. Penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi yang baharu haruslah diteliti sepenuhnya dari pelbagai aspek, antaranya:

- (i) permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;
- (ii) kecukupan dan kesianaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;
- (iii) keupayaan menyediakan dan menyelenggarakan prasarana dengan baik;

- (iv) kemandirian kewangan;
- (v) prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan
- (vi) risiko pertindihan iaitu *overlapping* dan sebarang ketidakpadanan atau *mismatch* dengan IPT serta program sedia ada.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, untuk negeri Pahang terdapat tiga buah universiti awam dan 12 buah institusi pengajian tinggi swasta yang merangkumi dua buah universiti swasta, dua buah kolej universiti dan lapan buah kolej swasta. Selain ini juga, negeri Pahang mempunyai tiga buah Politeknik, dan 11 buah *Community College*.

Universiti awam yang terdapat di negeri Pahang adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan dengan sebuah cawangan di Kampus Gambang- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan dua buah cawangan di Kampus Gambang dan Kampus Kuantan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang turut mempunyai tiga buah Kampus Cawangan iaitu UiTM Kampus Jengka, UiTM Kampus Kuantan dan UiTM Kampus Raub. Bagi Politeknik, terdapat dua buah di Kuantan dengan satu di Muadzam Shah dan bagi kolej komuniti pula di antara 11 buah Kolej Komuniti tersebut, salah satunya berada di Daerah Temerloh.

Mengambil kira jumlah dan kategori IPT yang ditawarkan di Pahang, begitu juga dengan enam aspek penubuhan sesebuah IPT baharu seperti yang saya sebutkan pada awal tadi, KPT berpandangan bukan sahaja jumlah ini telah mencukupi malah kos pembangunan dan elemen sedia ada yang ditanggung juga adalah tinggi.

Ketika ini penubuhan universiti awam baharu tidak menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan Tinggi sehinggalah kedudukan fiskal negara pulih dan kembali mengukuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan masa sudah tamat untuk sesi soalan. Saya dengan ini menamatkan sesi pertanyaan kita pada hari ini.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon satu penjelasan di sini. Ini sebab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Mohd Hasbie tentang pembinaan universiti di Pahang.

■1140

Soalan itu lebih kurang sama dengan Soalan 21 pembinaan universiti awam di Negeri Sembilan. Itu dua buah negeri tetapi soalan itu sama, tentang pembinaan universiti awam.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, saya rasa jawapannya lebih kurang sama sahaja iaitu status penubuhan itu tertakluk kepada syarat-syarat yang telah saya sebut. Terima kasih.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai mana yang telah dimaklumkan tadi, Sesi Soalan-soalan Jawab Lisan tamat. Jadi kita mula dengan sesi lain ya.

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua. Sila.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) (NO.2) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.41 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No.2) 2023 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ini merupakan satu akta yang sekian lama telah dinanti-nantikan oleh semua rakyat Malaysia, secara amnya. Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 22 Mei tahun ini.

Sepertimana Dewan ini sedia maklum, perbuatan percubaan bunuh diri merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang negara. Individu yang melakukan percubaan bunuh diri terbabit boleh didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara sehingga satu tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali di bawah Kanun Keseksaan atau Akta 574. Peruntukan terhadap kesalahan percubaan bunuh diri ini berasal dan diwarisi dari zaman penjajah.

Seksyen 309 [Akta 574] adalah, dengan izin, *pari materia* dengan Kanun Keseksaan negara India yang telah digubal pada tahun 1936 berdasarkan Undang-undang Umum British, ataupun *the British Common Law*. Undang-undang Umum British ini telah digunakan lebih dari 100 tahun yang lepas. Cadangan untuk dekriminialisasi cubaan bunuh diri telah mula sejak tahun 2018, di mana perkara ini telah dibawa untuk perhatian Mesyuarat Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika itu.

Seterusnya, pada 13 Jun 2019, mesyuarat bagi membincangkan isu kesihatan mental Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika itu telah bersetuju dengan cadangan dekriminalisasi cubaan bunuh diri. Satu kenyataan telah dikeluarkan bagi mengumumkan bahawa Jabatan Peguam Negara dipertanggungjawabkan untuk meneliti dan mengkaji secara mendalam cadangan dekriminalisasi cubaan bunuh diri. Beberapa sesi libat urus telah dilakukan bersama pihak berkepentingan sejak tahun 2018 hingga tahun 2020 bagi meneliti isu-isu yang berkaitan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyokong cadangan untuk memansuhkan seksyen 309 [Akta 574] dengan memberikan input kepakaran daripada aspek kesihatan mental. Hasil perbincangan dengan pihak berkepentingan telah mencapai kesepakatan untuk melaksanakan pemansuhan terhadap seksyen 309 [Akta 574] serta memperkukuhkan Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615].

Pada September 2022, pihak Jabatan Peguam Negara telah menyempurnakan laporan kajian berkenaan dengan kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 305, seksyen 306 dan seksyen 309 Kanun Keseksaan. Kajian tersebut telah meneliti pendekatan yang diambil oleh beberapa buah negara bagi menilai justifikasi dan implikasi pelaksanaannya daripada segi perundangan.

Selain itu, dasar KKM berhubung kesihatan mental pesakit kes cubaan membunuh diri dan maklum balas yang diterima daripada Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara juga telah diambil kira. Justeru, kajian tersebut telah mencadangkan pilihan pendekatan yang sesuai dan wajar untuk dilaksanakan di Malaysia serta cadangan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan.

Pada 5 Januari 2023, saya telah mengadakan satu mesyuarat bagi mendapatkan maklum balas berhubung cadangan pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri yang melibatkan beberapa jabatan dan agensi kerajaan seperti berikut:

- (i) Jabatan Peguam Negara;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Komunikasi dan Digital;
- (v) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vi) Polis Diraja Malaysia; dan
- (vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) menerajui usaha menyahjenayahkan cubaan bunuh diri sebagai satu kesalahan jenayah, memandangkan pindaan kepada Kanun Keseksaan bukan di bawah kuasa KKM. Dalam hal ini, pihak KKM telah bersetuju membantu pihak BHEUU kerana terdapat aspek-aspek kesihatan mental yang terlibat dalam usaha reformasi undang-undang ini.

Manakala pada 15 Februari tahun ini, satu sesi libat urus telah diadakan oleh saya, BHEUU dan KKM bersama pihak negara Singapura yang bertujuan untuk membincangkan dan bertukar pandangan berkenaan isu-isu perundangan dan penguatkuasaan yang berbangkit serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha menyahjenayahkan kesalahan cubaan membunuh diri di Singapura.

Selanjutnya, beberapa siri mesyuarat juga telah diadakan bagi mendapatkan pandangan dan membincangkan secara lanjut mengenai cadangan pemansuhan kesalahan percubaan bunuh diri.

Secara dasarnya, pemansuhan seksyen 309 [Akta 574] akan menjadi anjakan dalam usaha mencegah kes cubaan bunuh diri di Malaysia bagi menggalakkan mereka yang terkesan tampil ke hadapan untuk mendapatkan bantuan, menghapuskan stigma terhadap perbuatan cubaan bunuh diri dan seterusnya menurunkan kadar kematian bunuh diri.

Seksyen 309 yang merupakan peruntukan dari abad ke-19 wujud kerana anggapan lama bahawa *criminalization* merupakan cara terbaik untuk menghalang perbuatan percubaan bunuh diri. Kini berdasarkan kepada pendekatan yang diambil oleh negara-negara luar, dilihat bahawa rawatan perubatan dan bukan pendakwaan merupakan tindakan yang paling sesuai bagi menangani isu ini.

Oleh itu, kerajaan berpandangan seksyen 309 [Akta 574] wajar dimansuhkan untuk mengubah pendekatan kepada cubaan bunuh diri daripada yang bersifat punitif pada masa ini kepada satu pendekatan yang berasaskan kepada rawatan perubatan.

Namun, kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah seksyen 305 dan seksyen 306 [Akta 574] akan dikekalkan menjadi satu kesalahan. Persubahatan percubaan membunuh diri pula akan turut dijadikan kesalahan jenayah di bawah peruntukan seksyen 305 dan seksyen 306 [Akta 574]. Selain itu, usaha pemansuhan seksyen 309 [Akta 574] ini akan juga membawa kepada pindaan kepada akta-akta lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan [Akta 574] dalam empat fasal keseluruhannya iaitu seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan seksyen 305 [Akta 574] yang sedia ada. Dengan pindaan ini, persubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh kanak-kanak atau orang yang kurang keupayaan mental akan menjadi satu kesalahan jenayah.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 306 [Akta 574] yang sedia ada. Pada masa ini, seksyen 306 [Akta 574] sedia ada hanya mengadakan peruntukan bagi kesalahan persubahatan bunuh diri oleh mana-mana orang. Dengan pindaan ini, persubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh mana-mana orang yang akan juga menjadi satu kesalahan jenayah.

■1150

Fasal 4 bertujuan untuk memotong seksyen 309 [Akta 574] untuk mengadakan kesalahan percubaan untuk melakukan kesalahan bunuh diri di bawah Akta 574. Dengan pindaan ini, perlakuan cubaan bunuh diri bukan lagi satu kesalahan jenayah di bawah Akta 574.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rasional bagi meminda Kanun Keseksaan melalui penggantian seksyen 305 [Akta 574] sedia ada yang bertujuan untuk memasukkan persubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh kanak-kanak atau orang yang kurang keupayaan mental sebagai satu kesalahan jenayah.

Penggantian seksyen 306 [Akta 574] sedia ada yang bertujuan untuk memasukkan persubahatan perlakuan percubaan bunuh diri oleh mana-mana orang sebagai satu kesalahan jenayah adalah seperti berikut. Kesalahan bagi persubahatan bunuh diri masih dikekalkan dan kesalahan persubahatan perlakuan percubaan membunuh diri diperkenalkan dan seterusnya dibezakan berdasarkan kategori orang yang dihasut untuk melakukan tindakan-tindakan yang berkaitan.

Hukuman perlu diperkasa dan ditingkatkan bagi kes persubahatan perlakuan percubaan bunuh diri yang melibatkan golongan kanak-kanak dan golongan kurang kapasiti mental ataupun, dengan izin, "*person who lacks mental capacity*" berbanding mangsa yang lain, kerana golongan ini adalah terdedah kepada situasi dan keadaan di mana mereka mudah dipengaruhi dan dimanipulasikan ataupun, dengan izin, kepada *vulnerable groups* oleh pelaku.

Manakala rasional pindaan melalui pemotongan seksyen 309 [Akta 574] yang bertujuan untuk meniadakan kesalahan percubaan untuk melakukan bunuh diri di bawah Akta 574 atau dalam erti kata lain pemansuhan kesalahan percubaan untuk bunuh diri adalah seperti yang berikut.

Pertamanya, isu *prevalence* kemurungan dan risiko membunuh diri. Sebelum pandemik COVID-19, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Institut Kesihatan Umum Kementerian Kesihatan pada tahun 2019 telah pun mendapati bahawa

prevalence kemurungan dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas ialah sebanyak 2.3 peratus iaitu menghampiri 500,000 orang.

Justeru, masalah berkaitan kesihatan mental bukanlah satu isu yang baharu malah telah wujud sejak sekian lama di Malaysia. Kajian menunjukkan individu yang mengalami kemurungan berisiko 20 kali- ganda mempunyai tingkah laku bunuh diri dan kematian akibat bunuh diri.

Kedua, isu peningkatan berkaitan kesihatan mental dan peningkatan kes bunuh diri. KKM telah mewujudkan talian bantuan sokongan psikososial semasa pandemik COVID-19 di mana didapati isu-isu yang berkait dengan kesihatan mental turut menunjukkan peningkatan daripada segi panggilan yang diterima oleh talian tersebut. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2021, jumlah panggilan yang diterima 212,319 panggilan iaitu peningkatan hampir lima kali- ganda berbanding dengan 44,061 panggilan pada tahun 2020.

Manakala sejak talian bantuan sokongan psikososial dinaiktarafkan kepada talian *Help with Empathy and Love* (HEAL) pula di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, KKM pada 21 Oktober 2022 iaitu dalam hanya tujuh bulan yang lepas sebanyak 11,215 ataupun 67 peratus klien telah menerima bantuan sokongan dan emosi melalui talian di mana sebanyak 5,571 ataupun 33 peratus klien telah diberikan intervensi khusus oleh Pegawai Psikologi- Kaunseling. Daripada jumlah yang diberi intervensi khusus, sebanyak 155 kes adalah tingkah laku bunuh diri meliputi idea bunuh diri dan cubaan bunuh diri.

Daripada jumlah ini, 63 kes idea bunuh diri telah diberikan intervensi dan 92 kes cubaan bunuh diri telah dirujuk dengan mengaktifkan MERS 999 dan mendapat kerjasama daripada pihak PDRM dan Jabatan Kecemasan. Mereka ini berjaya dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan. Purata jumlah panggilan yang diterima 82 panggilan sehari. Statistik-statistik ini dengan jelas menunjukkan bahawa seksyen 309 [Akta 574] yang menjenayahkan cubaan bunuh diri tidak merupakan satu pencegah kepada berlakunya kes cubaan bunuh diri.

Ketiga, isu klasifikasi percubaan bunuh diri sebagai satu penyakit. Menurut *International Classification of Disease* (ICD) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), percubaan bunuh diri diklasifikasikan sebagai satu penyakit yang diquotekan di bawah ICD 11 sebagai MB23.R Percubaan Bunuh Diri, di mana seperti keterangannya iaitu suatu episod tingkah laku mencederakan diri, yang dilakukan dengan niat yang penuh kesedaran untuk mengakhiri nyawa individu itu sendiri.

Di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 iaitu Akta 615, kecelaruan mental telah didefinisikan sebagai apa-apa penyakit mental atau perkembangan fikiran yang terbantut atau tidak sempurna, kecelaruan psikiatri atau apa-apa kecelaruan atau ketidakupayaan fikiran lain,

tidak kira bagaimana sekali pun diperoleh dan bercelaru mental hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Percubaan bunuh diri adalah dalam lingkup tingkah laku bunuh diri dan perbuatan ini merupakan impak daripada ketidakupayaan fikiran atau kecelaruan psikiatri. Oleh itu, mereka yang cuba membunuh diri perlu dibawa ke hospital bagi mendapatkan penilaian lanjut dan diberi rawatan sewajarnya. Mereka tidak seharusnya disabitkan dengan jenayah kerana mereka berada dalam keadaan mental yang tidak stabil.

Keempat, isu faktor penyumbang yang kompleks dan bersifat *multifactorial*. Berdasarkan pelbagai kajian yang dijalankan, faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri atau percubaan bunuh diri adalah *multifactorial* dan kompleks. Hasil kajian mendapati kebanyakan daripada mereka yang melakukan percubaan bunuh diri mengalami masalah kesihatan mental yang menyebabkan mereka tidak berupaya untuk membuat keputusan dengan rasional. Majoriti kes percubaan bunuh diri juga adalah di bawah pengaruh *substance* seperti alkohol dan dadah yang semakin menyukarkan mereka untuk berfikir secara rasional.

Mereka yang melakukan percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri adalah dalam situasi krisis dan mengalami kesakitan emosi. Mereka bersikap *ambivalence* terhadap kematian iaitu keinginan untuk mengakhiri kesakitan emosi yang dihadapi dan dalam masa yang sama ingin diselamatkan dan terus hidup.

Kajian terkini yang diterbitkan pada tahun 2022 menunjukkan terdapat penurunan kadar kematian bunuh diri di negara yang telah meminda atau memansuhkan undang-undang untuk tidak menjenayahkan kesalahan cubaan bunuh diri.

Kelima, isu penurunan kadar kematian bunuh diri di negara yang melaksanakan dekriminalisasi percubaan bunuh diri. Sekiranya seorang individu itu dipenjarakan atau dihadapkan prosedur undang-undang, tindakan ini akan melambatkan bantuan kesihatan kepadanya dan meningkatkan risiko bunuh diri terhadap individu tersebut.

Sehingga kini tiada bukti kajian jumlah yang menyokong atau membuktikan undang-undang yang menjenayahkan percubaan bunuh diri dapat mencegah perbuatan tersebut dalam masyarakat. Selagi pemansuhan seksyen 309 [Akta 574] tidak dilaksanakan, undang-undang ini masih boleh diamalkan dan berterusan memberi kesan negatif kepada individu yang memerlukan bantuan kesihatan mental.

■1200

Pengalaman ini boleh menimbulkan kesan trauma kepada mangsa dan individu lain yang mempunyai kecenderungan atau berisiko tingkah laku bunuh diri. Kesihatan merupakan aset yang tidak ternilai harganya kepada semua individu. Selain menyumbang kepada ekonomi

negara, rakyat yang sihat dan hidup dengan lebih berkualiti dapat menikmati kemakmuran ekonomi negara.

Pendekatan mengutamakan kepentingan kesihatan awam adalah selari dengan hasrat kepimpinan Kerajaan Perpaduan yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan komited melaksanakan agenda reformasi undang-undang selaras dengan visi membangunkan Malaysia Madani bagi menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera daripada semua aspek, termasuk kesihatan mental. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis merupakan suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 11 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa, masa yang diberi 7 minit.

Yang pertama...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya mohon satu soalan. Bukan hendak bahas. Ini kerana ketiga-tiga akta ini ia berkait antara satu sama lain tentang masalah mental itu. Jadi, adakah kita terpaksa menunggu pada setiap satu ataupun kita boleh ketiga-tiga- kita boleh bahas sekali, ke *lagu* mana? Saya mohon satu cerahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Memang satu persoalan bagus juga dari sudut ilmiah dia tetapi dari sudut amalan dan praktis kita di Parlimen ini, dan peraturan perundangan kita, memang satu persatu walaupun undang-undang itu *closely related* ya, dengan izin, tetapi dia kena dibahaskan satu persatu. Itu yang pertama.

Keduanya, pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri memang memfokuskan kepada usul undang-undang ini dan undang-undang ini sebagaimana yang telah dibentangkan dengan panjang lebar oleh Timbalan Menteri, memang mempunyai latar belakang yang begitu unik sekali. *Research* di sebaliknya dari sudut kesihatan badan, mental dan sebagainya semua telah dibuat.

Jadi Yang Berhormat, kita tidak dapat melainkan kita pinda peraturan. Ya, terima kasih.

Saya sekarang ini menjemput Yang Berhormat Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Minta maaf Yang Berhormat, Dr. ini *Medical Doctor* ya?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Ya, *Medical Doctor*.

Tuan Yang di-Pertua: Memang *relevant person to rediscuss*.

12.03 tgh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan salam takziah kepada keluarga kedua-dua warga kerja Kementerian Kesihatan yang dengan tragisnya telah dipercayai membunuh diri di Lembah Klang pada 4 dan 6 Jun yang lepas. Marilah kita sama-sama mendoakan dalam kepercayaan masing-masing agar roh mangsa ditempatkan di kalangan yang beriman.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023. Ini merupakan masa yang tepat untuk kita meluluskan akta pindaan ini kerana ramai di luar sana memerlukan bantuan dan sokongan mental. Dengan pindaan ini, perlakuan cubaan bunuh diri bukan lagi satu kesalahan jenayah di bawah Akta 574, dengan izin, *decriminalizing suicide in 21st century in Malaysia*. Undang-undang negara kita digubal berdasarkan undang-undang penjajah kita yang lama.

Berdasarkan kepada kajian saya di Negara *Great Britain*, pemansuhan akta jenayah untuk perlakuan cubaan bunuh diri telah dilakukan seawal tahun 1961. Di Australia, pemansuhan berlaku pada tahun 1958 dan Ireland pada tahun 1993 dan di India pada tahun 2017. Data-data dari negara tersebut telah menunjukkan bahawa untuk jangka masa yang panjang, kadar cubaan membunuh diri menurun selepas pindaan pemansuhan cubaan bunuh diri dilaksanakan. Pada tahun 2018, berdasarkan kepada kajian secara *add on* telah mendapati setiap satu- individu yang dikenal pasti cuba bunuh diri, seramai 135 lagi individu yang terdedah pada cubaan bunuh diri tersebut.

Mengurangkan kadar kematian bunuh diri *global* sebanyak 1.3 pada tahun 2030 merupakan sasaran tunggal bidang kesihatan mental seperti yang digariskan oleh *United Nations Sustainable Development Goals* (UNSDG) dan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Komprehensif (WHO) 2013-2030. Menghindarkan percubaan bunuh diri tidak dapat menafikan bakal menjadi sebahagian daripada strategi pencegahan bunuh diri kebangsaan. Jika seorang yang menghadapi tekanan mental dan cuba bunuh diri di bawah akta yang lama, mereka akan digolongkan sebagai penjenayah dan pengungkapan ini menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan dan melambatkan intervensi untuk pencegahan bunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan bagi seseorang untuk melakukan percubaan bunuh diri. Selalunya ia berpunca daripada kesakitan

psikologi yang terlampau dan keputusan yang tidak dapat dielakkan. Sebaik-baik kerajaan dan komuniti setempat harus berpaksikan kepada kemanusiaan dan sikap belas kasihan. Layanan individu yang pernah mengalami cubaan membunuh diri sebagai individu yang memerlukan bantuan dan bukannya menjadikan sebagai penjenayah di mahkamah undang-undang.

Negara kita harus menggalakkan tingkah laku mencari bantuan, dengan izin, *health seeking behavior*. Cakap sahaja, jangan kita malu dan menstigmakan mangsa yang keluar untuk meminta bantuan. Tingkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental. Tambahkan bilangan pakar kesihatan mental dan pegawai khidmat sosial yang dapat memberi kaunseling kepada si pencuba bunuh diri. Berikan insentif kepada mereka yang belajar ilmu kaunseling dan mediasi ini dan bantulah mereka untuk meningkatkan akses untuk disebar kepada semua lapisan masyarakat yang memerlukan bantuan. Usaha bersepadu oleh pihak berkuasa kerajaan, industri kesihatan mental dan komuniti setempat dapat memulihkan rakyat kita yang memerlukan bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada beberapa soalan kepada Menteri. Selepas proses menghindarkan percubaan bunuh diri, apa persediaan warga kerja Pegawai Intervensi Krisis yang akan menjadi responden pertama terhadap situasi berikut. Adakah usaha untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental, memperluaskan ketersediaan klinik dan kaunselor kesihatan mental? Adakah usaha untuk mengurangkan halangan, stigma sosial, kos rawatan dan cabaran daripada segi geografi untuk mengakses penjagaan kesihatan mental?

Apakah usaha daripada segi penyebaran maklumat berkenaan bantuan yang disediakan untuk individu yang menghadapi tekanan emosi? Apakah strategi komunikasi kepada semua rakyat susulan daripada kelulusan cadangan pindaan ini? Ini cukup penting untuk menggalakkan lebih ramai rakyat yang tertekan untuk mendapatkan bantuan.

Kesemua persoalan saya di atas adalah penting untuk dijawab untuk memastikan kita menyediakan, dengan izin, *end-to-end implementation* dengan kelulusan akta pindaan ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri dan sekali lagi saya ingin menegaskan sokongan penuh saya terhadap pindaan akta ini. Terima kasih. Salam hormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

12.09 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan 2023.

■1210

Hari ini merupakan hari yang sangat bersejarah dan merupakan satu langkah progresif oleh Kerajaan Madani dalam mereformasi jenayah bunuh diri dengan pembentangan pindaan rang undang-undang pada hari ini. Pembaharuan yang dilakukan merupakan perjuangan oleh pakar-pakar dan aktivis-aktivis kesihatan mental selama beberapa tahun dan akhirnya direalisasikan pada hari ini. Umum kita mengetahui bahawa masalah berkaitan masalah bunuh diri ini bukanlah suatu isu yang baru. Malah telah wujud sejak sekian lama di Malaysia ini.

Kajian menunjukkan individu yang mengalami kemurungan, berisiko dua kali- ganda ataupun 20 kali- ganda mempunyai tingkah laku membunuh diri dan kematian akibat membunuh diri. Sekiranya kita melihat kepada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 telah mendapati bahawa hampir 500,000 orang rakyat Malaysia mengalami gejala kemurungan ataupun satu pertiga daripada orang dewasa di Malaysia mengalami salah satu masalah kesihatan mental. Malah, pandemik COVID-19 yang lepas telah memburukkan keadaan di mana ramai yang menghadapi pengangguran, pengasingan dan kesukaran mendapat bantuan kesihatan mental kerana pelbagai perintah kawalan pergerakan telah menyekat pergerakan mereka.

Selain daripada isu yang saya sebut tadi, kes bunuh diri sekarang ini juga didorong oleh pelbagai faktor lain antaranya provokasi atau kes buli oleh pihak ketiga. Sekiranya kita lihat pada kes buli ini, boleh jatuh pelbagai kategori, antaranya buli di sekolah, tempat kerja malah buli juga boleh membawa kepada masalah mental. Ini akan membuat si pemangsa cenderung untuk membunuh diri akibat daripada tekanan dan perbuatan jahat oleh pihak ketiga.

Maka dengan itu, langkah kita pada hari ini untuk klasifikasikan percubaan bunuh diri sebagai satu penyakit dan bukannya sebagai jenayah merupakan satu langkah yang tepat dan murni. Syabas saya ucapkan kepada Menteri dan pegawai-pegawai kementerian yang bertungkus lumus membawa RUU ini, di mana membawa sinar baharu kepada pesakit mental.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan masa berbahas yang singkat, maka saya ingin terus kepada soalan-soalan saya mengenai RUU ini. Saya ingin bertanya adakah akta ini atau pindaan ini memberi perlindungan kepada kes-kes yang baharu yang baru saya sebutkan tadi? Adakah hasutan seperti kes buli maya atau fizikal dan provokasi dapat dirangkumi malah dilindungi oleh pindaan dalam akta ini?

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai kes-kes buli di alam maya ataupun di media sosial, adakah ia terangkum di bawah seksyen 305 dan seksyen 306 yang merangkumi kes-kes buli siber? Adakah ada peruntukan di bawah seksyen tersebut untuk memberikan lebih perlindungan kepada mangsa-mangsa tersebut? Selain daripada itu, apakah tindakan-tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas si pelaku yang melakukan buli kepada pemangsa sekiranya disabitkan kesalahan?

Saya juga ingin bertanya mengenai tahap klasifikasi bunuh diri ataupun percubaan bunuh diri yang dianggap sebagai bukan jenayah. Untuk perkara ini, apakah tinjauan pakar kesihatan dan pakar perubatan untuk mengklasifikasikan ia sebagai bukan jenayah? Kenapakah saya bertanya mengenai perkara ini? Oleh sebab saya khuatir ada pihak sanggup memanipulasi demi untuk keuntungan diri, sebagai contoh untuk membuat tuntutan insurans atau kes sivil lain. Terakhir, saya ingin bertanya apakah akses kesihatan yang boleh diterima oleh pesakit selepas pihak berkuasa menyelamatkan beliau daripada percubaan bunuh diri?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin bahaskan dalam RUU ini. Saya cuma ingin menyatakan bahawa percubaan bunuh diri adalah merupakan tingkah laku atau perbuatan di mana merupakan impak daripada ketidakupayaan fikiran ataupun kecelaruan psikiatri. Oleh itu, mereka yang cuba membunuh diri perlu dibawa ke hospital bagi mendapatkan penilaian lanjut dan diberikan rawatan yang sewajarnya. Mereka tidak seharusnya disabitkan dengan jenayah kerana mereka berada dalam keadaan mental yang tidak stabil. Dengan kata lain, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l Achyuthan Nair.

12.15 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam RUU ini. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai satu kes percubaan bunuh diri yang melibatkan OKU yang berlaku pada Disember tahun 2019. Kes tersebut telah dibicarakan di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu dan mahkamah telah menyabitkan hukuman penjara enam bulan terhadap lelaki OKU tersebut yang ditahan kerana cuba untuk membunuh diri di sebuah rumah.

OKU tersebut telah dirujuk ke Hospital Permai, Tampoi di Johor selepas diarahkan oleh mahkamah. Anehnya, hukuman pemenjaraan tersebut dikekalkan biarpun tertuduh telah disahkan menghidap tekanan mental. Penghakiman insan OKU tersebut yang telah mengundang pelbagai reaksi kurang senang daripada orang ramai termasuklah NGO *Lawyers for Liberty*

(LSL), dengan izin, dan Persatuan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (HAKAM). HAKAM telah menzahirkan kekecewaan terhadap sabitan yang diputuskan dengan menyifatkan hukuman pemenjaraan tersebut sebagai kurang kemanusiaan.

Berbicara mengenai kes tersebut, saya secara peribadi berpandangan bahawa justifikasi penghakiman tersebut yang dibuat oleh mahkamah seharusnya bersandarkan kepada keadaan kesihatan mental tertuduh iaitu lelaki OKU tersebut dan bukannya kepada perbuatan sematamatanya. Saya secara peribadi tidak pernah bersetuju terhadap pengklasifikasian bunuh diri atau cubaan bunuh diri sebagai perbuatan jenayah. Sebaliknya, saya melihat bahawa perbuatan tersebut dicetuskan oleh kegagalan persekitaran masyarakat yang sering kali menyisihkan penyakit mental yang memerlukan perhatian dalam aspek rawatan dan bimbingan.

Oleh sebab itu, mana-mana individu yang ditahan atas kesalahan *attempted suicide*, dengan izin, seharusnya dirujuk kepada pakar psikiatri seperti yang digariskan dalam seksyen 11 subseksyen (4) Rang Undang-undang Kesihatan Mental. Tatacara tersebut sepatutnya menjadi amalan yang harus diberi budi bicara oleh pihak penghakiman biarpun pada ketika dan saat itu bunuh diri iaitu *suicide* serta percubaan bunuh diri- *attempted suicide*, dengan izin, masih diklasifikasikan sebagai jenayah yang termaktub dalam seksyen 309 Akta Kanun Keseksaan.

Perkara tersebut senada dengan apa yang telah disuarakan oleh LFL yang dengan tegas tidak bersetuju dengan hukuman penjara yang disabitkan ke atas lelaki OKU tersebut yang merupakan *person who lacks mental capacity*, dengan izin, seperti yang disebutkan dalam rang undang-undang ini. Seperti mana yang turut ditekankan oleh *Lawyers for Liberty* dan HAKAM, iaitu menteri terdahulu mendiang Liew Vui Keong yang sewaktu itu *the changes were taken place for this amendment*. Ditekankan oleh *Lawyers of Liberty* dan mendiang turut menyatakan pendirian eksekutifnya bahawa prejudis terhadap individu yang cuba untuk membunuh diri harus dinoktahkan menerusi perundangan.

Ia perlu didukung dengan penyediaan rangkaian rawatan kesihatan mental yang holistik di samping perwujudan pelbagai akses kepada sokongan kesihatan mental kepada rakyat yang selama ini mengalami depresi dan masalah-masalah mental lain yang memerlukan rawatan serius. Hal tersebut penting bagi membolehkan setiap undang-undang yang digubal berupaya menjadi *catalyst* kepada usaha-usaha kerajaan dalam melindungi pesakit mental yang pernah ditahan ataupun cubaan bunuh diri. Bak kata pepatah *English*, "*Better late than never*".

■1220

Komitmen reformasi perundangan yang dizahirkan menerusi pindaan Akta 574 ini diyakini mampu melindungi lebih ramai lagi pesakit mental, khususnya OKU daripada sebarang hukuman

yang tidak bersifat kemanusiaan yang langsung tidak menyumbang kepada pemulihan kesihatan mental mereka.

Berkait dengan perihal yang saya nyatakan dalam perbahasan ini, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan. Pertama, berapakah jumlah individu yang telah dipenjarakan atas pertuduhan cuba atau membunuh diri? Kedua, apakah bentuk rawatan sokongan atau pemulihan yang disediakan selama ini kepada setiap individu yang dipenjarakan bagi pertuduhan tersebut? Ketiga, apakah pembaharuan yang akan dilaksanakan terhadap rangkaian perlindungan sosial serta perkhidmatan kesihatan mental di seluruh negara sejajar dengan kuat kuasa pindaan Akta 574 ini?

Sejauh manakah pembaharuan yang akan dilaksanakan berupaya melindungi pesakit mental daripada terus berada dalam persekitaran kehidupan yang menjejaskan kesihatan mental mereka? Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Seorang Ahli: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Maka, saya sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

12.21 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Terima kasih juga kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan iaitu Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023. Apa pun, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah meminda akta ini untuk memberi peluang kepada orang yang cuba untuk membunuh diri ini supaya mereka tidak diambil tindakan dan juga tidak teraniaya.

Bagi saya, ini merupakan satu langkah yang sangat baik di mana kita mahu orang yang cuba membunuh diri ini supaya mereka diberi nasihat dan kaunseling dan tidak seharusnya dipenjarakan. Kita memang akui bahawa negara kita agak terlewat di dalam pindaan akta ini, apa pun kita belum terlambat kerana telah mengambil langkah-langkah yang sangat baik ini.

Kalau kita tengok rekod pada tahun 2021, jumlah percubaan membunuh diri adalah seramai 1,142 orang dan peningkatan ini agak tinggi iaitu 80 peratus lebih kalau kita bandingkan pada tahun 2020 iaitu seramai 631 kes. Mengikut rekod daripada PDRM, pada tahun 2022 iaitu selama tempoh enam bulan, seramai 467 kes di mana kalau kita tengok di sini, percubaan untuk

membunuh diri ini kita tengok semakin meningkat. Kalau kita tengok pada tempoh PKP tempoh hari dan memang banyak kes, berita percubaan membunuh diri ini dan yang terbunuh itu pun ramai.

Kalau kita tengok dan kita sedia maklum, pelbagai punca tujuan membunuh diri ini. Punca utamanya iaitu kemurungan, faktor kemiskinan dan juga berkenaan dengan hutang. Di mana Tuan Yang di-Pertua, saya tengok pada masa sekarang ini, percubaan bunuh diri ini kebanyakan mereka membuat pinjaman seperti dengan pinjaman yang tidak berlesen, along. Ini kerana mereka ini diganggu oleh pemberi pinjaman ini. Mengganggu kehidupan mereka bukan peminjam sahaja, tetapi keluarga mereka ataupun emak, ayah ataupun anak, isteri mereka ataupun suami kalau isteri yang membuat pinjaman. Ini memberi tekanan kepada mereka.

Sebenarnya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi pemberi pinjaman yang mengganggu-gugat peminjam ini sekiranya mereka tidak melakukan bayaran? Ini sebab kalau kita tengok sebenarnya, yang menguar-uarkan ataupun yang memberi pinjaman ini, mereka melakukan promosi secara terbuka. Mereka menyediakan ada nombor telefon di situ dan mereka menggunakan media sosial dan sebagainya. Sebenarnya, agak mudah bagi kerajaan untuk kita menjejaki pemberi pinjaman ini sehingga menyebabkan peminjam ini untuk membunuh diri. Jadi, apakah sebenarnya peranan kerajaan untuk mengurangkan kes-kes seperti ini yang sering berlaku?

Begitu juga kesempitan hidup ini, di mana mungkin mereka dibebani oleh hutang dan mereka terpaksa rumah kena lelong dan pelbagai aset pun kena ambil oleh pihak bank dan akhirnya, mereka *declared bankrupt* dan sebagainya. Apa sebenarnya selepas itu, peranan kerajaan apabila aset mereka telah dilelong dan mereka telah hilang punca pekerjaan untuk mengatasi kes-kes seperti ini?

Soalan saya seterusnya Yang Berhormat Menteri, berapa orang sebenarnya yang telah dipenjarakan setakat ini, jumlahnya percubaan untuk membunuh diri ini dan didakwa di mahkamah dan dipenjarakan? Adakah juga selepas ini apabila akta ini lulus nanti, orang yang telah dipenjarakan ini akan diberi keampunan ataupun dipendekkan jumlah pemenjaraan tersebut? Jadi, apakah langkah kerajaan selepas ini dengan orang yang telah dipenjarakan ini?

Apabila akta ini diluluskan juga, adakah juga orang yang terlibat di dalam percubaan membunuh diri biasanya adalah di antara ada kes-kes lain di mana mereka telah melakukan perkara yang tidak baik seperti membuat pinjaman bersama dan akhirnya kawan itu telah cuba untuk membunuh diri dan adakah orang yang kedua itu juga akan diambil tindakan. Jadi apa pun saya Tuan Yang di-Pertua, menyokong pindaan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 ini. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

12.28 tgh.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi rakan-rakan sekalian. Pindaan kepada Kanun Keseksaan, khususnya pemansuhan seksyen 309 berkenaan kesalahan percubaan untuk melakukan bunuh diri, pada hemat saya merupakan satu pengiktirafan bahawa percubaan untuk melakukan bunuh diri merupakan satu penyakit dan perlu ditangani dengan ihsan, bukan hukuman. Perlu ditangani dengan rawatan, bukan penjara.

Pemansuhan seksyen 309 ini juga merupakan pengiktirafan bahawa percubaan untuk melakukan bunuh diri akibat ataupun, dengan izin, *outcome* dan penyebab-penyebabnya perlu ditangani. Sepertimana yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang sebentar tadi, majoriti daripada percubaan untuk melakukan bunuh diri dikaitkan dengan masalah kesihatan mental. Kalau kita merujuk kepada statistik daripada kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2015 dan 2019, menunjukkan masalah kesihatan mental semakin membimbangkan.

Pada tahun 2019, dianggarkan kira-kira setengah juta- rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan dan Kementerian Kesihatan Malaysia mengunjurkan masalah akan terus meningkat. Jadi, tindakan Kementerian Kesihatan untuk mempertingkatkan akses kepada kaunseling dan bantuan psikososial semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa dahulu amat berpatutan. Dengan statistik yang amat menggerunkan ini, saya berharap kerajaan meluaskan lagi akses kepada kaunseling dan bantuan psikososial di seluruh negara.

■1230

Saya bersetuju dengan beberapa soalan yang beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran tadi tentang pakar psikiatri dan juga sumber-sumber yang diperlukan untuk mempertingkatkan akses kepada rawatan kesihatan mental. Saya bersetuju dengan soalan-soalan dan perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tersebut.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia mempunyai persepsi negatif serta stereotaip terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. Disebabkan persepsi negatif ini, ramai individu yang ada masalah kesihatan mental rasa malu untuk mendapatkan bantuan. Oleh sebab itu, saya cadangkan supaya kerajaan melancarkan kempen besar-besaran di seluruh negara khususnya melalui sosial media untuk mendidik dan memberi

kesedaran kepada rakyat tentang masalah kesihatan mental supaya mengubah persepsi negatif rakyat terhadap penyakit dan pesakit kesihatan mental.

Menjenayahkan persubahatan perlakuan cubaan membunuh diri seperti dicadangkan melalui pindaan kepada seksyen 305 dan seksyen 306 adalah bernas dan wajar. Persubahatan atau *abatement*, dengan izin, merupakan perbuatan yang jijik, tidak berperikemanusiaan dan harus dihukum.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan statistik masalah kesihatan mental melibatkan kanak-kanak amat membimbangkan, saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia dan kementerian yang berkaitan mempertingkatkan usaha untuk menimbulkan– meningkatkan kesedaran terutamanya di kalangan ibu bapa supaya mereka atau mengesan gejala masalah kesihatan mental.

Kadang-kadang ibu bapa ini tidak sedar bahawa anak-anak mereka sedang menghadapi kemurungan dan oleh itu tindakan rawatan tidak diambil. Jadi, saya merasakan dengan statistik yang amat menggerunkan, adalah wajar perkara ini dilakukan supaya intervensi dan rawatan dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pihak kerajaan, khususnya BHEUU telah mengadakan tinjauan perbincangan dan juga kajian yang menyeluruh sebelum mengemukakan cadangan pindaan kepada Kanun Keseksaan. Jadi, saya mengucapkan syabas dan saya juga dengan itu saya menyokong usul untuk meminda Kanun Keseksaan sepertimana yang dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

12.33 tgh.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam perbahasan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita ketahui, pindaan rang undang-undang ini bertujuan menidakkan kesalahan percubaan untuk melakukan bunuh diri di bawah Akta 574. Bunuh diri ini biasanya disebabkan oleh tekanan dihadapi oleh mangsa hingga mereka merasakan mati ini merupakan jalan keluar yang paling mudah. Ada yang terlibat ini kerana masalah hutang, ada kerana putus cinta dan pelbagai masalah peribadi. Kita wajar atau tidak

wajar untuk menghukum tindakan mangsa-mangsa ini, apatah lagi kita meletakkan ini menjadikan sebahagian jenayah kepada mereka.

Mengikut statistik yang telah saya baca, hampir 500,000 orang rakyat Malaysia mengalami gejala kemurungan dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Morbiditi 2019. Ini menunjukkan hampir satu pertiga orang dewasa mengalami masalah kesihatan mental. Situasi ini amat membimbangkan. Gejala kemurungan ini kadangkala sukar untuk kita perasan. Mereka yang menghadapi biasanya tidak menunjukkan apa-apa perubahan sikap. Apabila kita melihat mereka, boleh kata kita boleh bertepuk tampar, tetapi emosi mereka sangat tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dalam akta ini bukan satu perkara yang asing. Kita boleh ambil contoh negara seperti United Kingdom, Singapura dan juga New Zealand yang telah meminda undang-undang ini supaya mereka yang terlibat dalam percubaan membunuh diri ini tidak dihukum, tetapi bantuan sepatutnya diberikan dengan sewajarnya kepada mereka.

Ada satu persoalan yang ingin saya ketengahkan. Jika pindaan ini dilaksanakan kelak, apakah melibatkan mereka yang telah dijatuhkan hukuman sebelum ini? Adakah mereka yang menjalankan hukuman yang sebelum ini akan dilepaskan atau dibebaskan? Adakah juga mereka akan segera diberikan bantuan khidmat psikiatri yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam cubaan membunuh diri.

Jadi, pada hemat saya, pemerkasaan perkhidmatan psikiatri perlulah segera dilakukan oleh pihak kerajaan. Adakah kempen sewajarnya supaya mereka yang terlibat segera dihadapkan bagi mendapatkan rawatan. Usahlah kita menyusahkan keadaan dengan kerenah birokrasi dan sebagainya. Lawatan ke rumah atau tempat tinggal juga boleh dilakukan. Mangsa-mangsa ini bolehlah kita *update* keadaan mereka dari semasa ke semasa melalui sistem yang pernah kita guna pakai iaitu MySejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan kita hari ini sangat mencabar dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, barangan yang semakin meningkat. Desakan ini mengubah taraf kehidupan keluarga dan pelbagai faktor yang menyumbang kepada percubaan membunuh diri. Jumlah kes bunuh hari ini telah meningkat sehingga 81 peratus pada tahun 2021, berbanding pada tahun 2020. Ini sangat merisaukan.

Untuk setakat ini, saya hendak tahu apakah langkah intervensi yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membendung permasalahan ini. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu konsisten duduk dalam Dewan ini mendengar akta ini untuk ada penambahbaikan.

Seterusnya, dalam kesempatan ini saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memperkasakan kerjasama dengan NGO-NGO berkaitan. Banyak sudah mulakan inisiatif,

tetapi tidak dapat bergerak dengan agresif disebabkan masalah seperti kekangan sumber dan tenaga. Kerajaan boleh memberikan inisiatif kepada mereka yang menggerakkan NGO-NGO ini supaya lebih banyak inisiatif yang mereka dapat. Mungkin boleh dihubungkan dengan bahagian kesihatan mental di pusat-pusat kesihatan terdekat. Kita faham, kadang-kadang kerajaan juga ada keterbatasan, tetapi dengan adanya NGO-NGO seperti ini, dapatlah kita lihat *angle* mana kerajaan boleh membantu mereka dan *angel* mana kerajaan tidak perlu campur tangan.

Tuan Yang di-Pertua, menjaga nyawa ini merupakan satu tuntutan agama, lebih-lebih lagi bagi kita yang beragama Islam. Jadi, segala usaha untuk menjaga nyawa ini, orang sekeliling kita perlulah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Saya sebenarnya sangat bimbang dengan keadaan ini. Tidak boleh kita hendak bayangkan kalau anak-anak dan saudara terdekat kita yang mempunyai masalah dan tekanan yang sangat kuat sehingga terlintas untuk membunuh diri.

Oleh sebab itu, saya dalam Dewan yang mulia ini, menyeru kepada mereka di luar sana untuk menonton, mendengar, menghayati degupan jantung keluarga terdekat kita, agar kita lihat sama ada, ada masalah tekanan mental atau tidak dalam keluarga terdekat kita. Jika ini kita perlu lihat, adakah mereka terfikir untuk membunuh diri dan apakah tindakan mereka untuk mencederakan diri mereka. Adakah bantuan segera, semoga dipermudahkan segala urusan.

Sekian sahaja daripada saya, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang konsisten *dok* dalam Dewan mendengar kita berbahas tentang isu yang amat penting ini demi agama bangsa dan negara serta rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya ingin menjemput Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

12.39 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertamanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan.

■1240

Pertamanya, dalam kita membahaskan rang undang-undang penggantian seksyen 305, seksyen 306 dan pemotongan seksyen 309 iaitu memotong untuk tidak mengenakan tindakan undang-undang kepada mereka yang cuba membunuh diri. Kalau kita rujuk kepada negara-negara ASEAN yang telah memansuhkan ataupun tiada undang-undang untuk kesalahan

cubaan membunuh diri seperti di Singapura adalah menyalahkan peraturan ini sejak 1 Januari 2020 lagi.

Begitu juga dengan Thailand, tiada sebarang hukuman untuk perlakuan cubaan bunuh diri. Vietnam tiada sebarang hukuman, Timur-Timor, Kemboja, Indonesia tiada sebarang hukuman untuk perlakuan cubaan bunuh diri sejak dahulu lagi. Begitu juga dengan Laos, Brunei, Filipina dan Myanmar. Jadi, kalau kita lihat kepada negara-negara berkenaan, sudah pasti ia memberikan impak yang tidak baik kepada pelaku-pelaku ataupun mereka yang cuba untuk membunuh diri.

Cubaan membunuh diri sebelum ini sebagai satu kesalahan jenayah, apakah ia bermakna bahawa hukuman ataupun akta ataupun undang-undang yang telah sedia ada selama ini gagal untuk diimplementasikan dalam negara kita? Adakah satu kajian dibuat sama ada ia benar-benar tidak dapat menghalang percubaan membunuh diri yang berlaku di negara kita? Sejauh mana sebenarnya di dalam negara kita ini, rakyat di dalam negara kita ini faham ataupun mendapat maklumat bahawa cubaan membunuh diri adalah satu daripada kesalahan jenayah?

Sebahagian besar daripada masyarakat kita di luar sana tidak memahami undang-undang yang kita ada, yang akhirnya saya kira kita gagal untuk menurunkan kadar membunuh diri di negara kita. Daripada laporan PDRM menunjukkan bahawa kemurungan merupakan salah satu faktor yang paling utama bagaimana cubaan membunuh diri ini berlaku ataupun tingkah laku bunuh diri ini berlaku di dalam negara kita.

Apa yang cukup mengkhawatirkan kita apabila kita melihat daripada laporan itu, kita melihat kemurungan ataupun tingkah laku bunuh diri ini semakin meningkat dalam kalangan remaja kita antara umur 13 tahun hingga 17 tahun. Ingin saya melontarkan satu persoalan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kemungkinan ditentukan percubaan membunuh diri ini yang mana tidak jenayah dan yang mana pula dikatakan jenayah?

Kita harus berhati-hati kerana ada dalam sudut agama Islam yang terlibat secara langsung dalam hal ini membunuh diri merupakan satu kesalahan besar dalam agama kita iaitu agama Islam. Penjagaan nyawa iaitu *hifz an-nafs* merupakan satu *maqasid* yang kedua terpenting selepas penjagaan agama iaitu *hifz ad-din*. Terdapat tiga kategori sebenarnya yang terlibat iaitu kanak-kanak, orang kurang keupayaan mental dan mana-mana orang. Maka tiga kategori yang kita sebut tadi, perlu kita segera selesaikan melalui pindaan akta ini.

Pindaan pada seksyen 305 iaitu persubahatan membunuh diri atau percubaan bunuh diri, kanak-kanak ataupun seorang orang kurang upaya mental. Apa yang menjadi persoalan kepada kita ialah bagaimana kita hendak tentukan kalau ditangkap, mereka ini boleh ditangkap kalau

cuba membunuh diri, sama ada mereka ini kalau ditangkap dan dibawa ke hospital psikiatri bagi ketiga-tiga kategori ini.

Kecelaruan mental ini sebenarnya kalau ikut penggantian seksyen 305. Maksudnya ialah seseorang yang kurang upaya yang memahami akibat perlakuan mereka melakukan percubaan bunuh diri dengan sebab kalau kita lihat di bawah perkara 2, seksyen 305(2) ceraian satu dan dua iaitu jika dilihat daripada segi kecelaruan gila, mental. Bermakna kecelaruan mental yang disebut kuasa kepada pegawai intervensi kecelaruan mental, sebahagian daripada seseorang itu kurang keupayaan untuk memahami akibat daripada melakukan ataupun cubaan melakukan perbuatan membunuh diri.

Jadi, agak mengelirukan *wording* yang digunakan dalam seksyen ini. Jadi, saya menyokong pindaan rang undang-undang yang dibentangkan, pindaan kepada akta yang dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit, nombor 4 tadi yang belum bahas, sudah ada dalam Dewan. Sila Yang Berhormat.

12.46 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang sekali lagi untuk berbahas tentang undang-undang yang perlu kita pinda pada hari ini. Pindaan ini melibatkan kita tidak lagi menjenayahkan pihak yang ingin membunuh diri. Jadi, ini adalah suatu yang sangat baik di mana apabila saya mula-mula mengenali apa itu undang-undang suatu ketika dahulu di mana orang yang cuba bunuh diri itu pun menyebabkan saya sempat terkejut. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?

Jadi, itulah pada awal-awalnya setelah kita mula untuk memasuki di dalam bidang undang-undang ataupun fakulti undang-undang. Jadi, pada hari ini merupakan satu sejarah bagi kita. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah membincangkan ataupun ingin meluluskan, yang saya percaya kita akan luluskan pada hari ini iaitu seksyen 309 akan ditiadakan.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, sememangnya untuk menghukum mereka yang ingin bunuh diri merupakan suatu perkara yang umpama jatuh ditimpa tangga. Sudahlah mereka mungkin ada masalah kewangan, terpaksa pinjam kepada along dan akhirnya along menekan mereka kerana tidak dapat membayar dan seterusnya jalan pintas iaitu mengakhiri nyawa mereka.

Jadi, pindaan yang ingin dibuat ini, persoalan saya adalah adakah ini melibatkan *retrospective effect*, yang ke belakang bagi mereka yang mungkin pernah disabitkan bersalah

akibat ingin membunuh diri ini. Persoalan yang saya ingin kemukakan kepada kerajaan juga adalah apakah punca-punca di sebalik penyebab kes-kes bunuh diri sebelum ini? Bolehkah kerajaan memberi satu pecahannya supaya kita tahu. Mana tahu dengan ilmu ataupun dengan pengetahuan yang ada itu kita boleh mengelakkannya pada masa hadapan.

Seterusnya, saya ingin bertanya juga berkaitan tentang seksyen 305 iaitu persubahatan. Kalau kita melihat daripada segi undang-undang ini, selalunya untuk mengelak daripada disabitkan kesalahan iaitu sesuatu di mana kita ada *mentally ill*. Apabila kita dapat membuktikan kita *mentally ill*, maknanya kita mungkin terlepas dalam apa-apa pun tuduhan jenayah. Kedua, apabila seseorang itu kanak-kanak, dan tidak sepatutnya disabitkan bersalah.

■1250

Jadi, persoalan saya kepada kerajaan adalah bagaimanakah persubahatan ini boleh berlaku sedangkan dia kanak-kanak dan juga orang yang berpenyakit mental ini. Jadi bagaimana juga kerajaan menyeimbangkan apabila mengetahui seseorang yang ingin bunuh diri dan akhirnya berjaya bunuh diri dan persubahatan ini kalau dilaksanakan ini nanti, bagaimana menyeimbangkan keadaan di mana keluarga yang mungkin bersedih dan pada masa yang sama mungkin juga ada laporan polis, ada persubahatan sehingga orang itu mati bunuh diri.

Jadi, ini juga perlu dijelaskan oleh kerajaan. Kalau tidak, ini seolah-olah kita cuba lepaskan di bawah seksyen 309 tetapi pada masa yang sama menyebabkan ahli keluarga yang dikatakan bersubahat ini pula dipersalahkan. Jadi, kenapakah dan bagaimanakah ini diseimbangkan? Itu persoalan saya. Justeru itu, saya sangat menyokong undang-undang ataupun akta yang dibentangkan di hadapan kita ini. Saya harap persoalan dan keseimbangan yang perlu ini supaya tidak menyebabkan ahli keluarga yang bersedih akan dituduh pula di mahkamah. Ini kerana mereka yang mungkin dekat dengan orang yang *mentally ill* dengan izin, ataupun kanak-kanak yang mungkin cuba membunuh diri ini merupakan sesuatu yang lebih relevan untuk dipertanggungjawabkan. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

12.52 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maksudnya, "Demi buah tin dan buah zaitun, demi Gua Tsur dan bumi Mekah yang sentiasa mendapat keamanan, sesungguhnya Aku jadikan manusia itu sebaik-baik kejadian".*

Manusia ada akal, binatang tidak ada akal. Sama-sama ada otak. Kita menyokong penuh pindaan kepada rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini yakni Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023. Ini kerana orang yang bercita-cita atau berazam untuk bunuh diri disebabkan faktor-faktor tertentu, maka pada undang-undang ini dibebaskan, dinyahkan sebagai penjenayah dalam pindaan Kanun Keseksaan yang baru ini.

Akan tetapi, yang cuba diperangkap, cuba ditangkap dan dianggap sebagai penjenayah iaitu mereka yang seperti mana yang disebut di dalam Kanun Keseksaan ini yakni menggantikan seksyen 305 dengan seksyen, saya baca dalam bahasa Inggeris ya, "*Abetment of suicide or attempted suicide of child or person who lack of mental capacity*" dan dalam hal ini penjara maksimumnya 20 tahun.

Kemudian, menggantikan seksyen 306 dengan seksyen baru yakni "*Abetment of suicide or attempted suicide*". Yang ini, penjaranya tidak melebihi 10 tahun. Maknanya sekarang, yang akan dijatuhkan kesalahan selepas dibuktikan mereka yang mempengaruhi orang yang nak membunuh diri atau mereka yang membunuh diri. Pembuktian ini bukan satu kerja yang mudah. Cuma kita sekarang ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam, hukuman kepada mereka yang membunuh diri ini besar sehinggakan dalam banyak fikah Islam pun, bilamana ada orang Islam yang bunuh diri sampai banyak mereka yang tidak mensolatkan solat jenazah dia kerana dalam Islam ini, tidak boleh kita berputus asa dengan apa yang telah diberikan Allah SWT kepada kita kerana yang menciptakan kita ini Allah SWT.

Dia tahu keupayaan dan kemampuan kita tetapi bila mana mereka tidak berpuas hati dengan apa yang Allah telah jadikan pada dia, padahal banyak lagi mereka yang lebih teruk mengalami tekanan, ujian daripada itu akan tetapi mereka mampu menghadapi ujian tersebut. Sebab itu saya fikir sekarang ini, kerajaan kena banyak bentangkan atau sediakan infrastruktur di dalam negara. Umpamanya sekarang ini, isu doktor pun belum selesai daripada segi penempatan MO. Itu belum lagi kita bercakap mengenai psikiatri. Psikiatri terlalu kecil bilangannya untuk memberi khidmat mereka kepada bakal-bakal pesakit mental yang terlalu ramai.

Jadi saya fikir, ada satu *gap*. Sebab itu kita daripada awal lagi, di sekolah-sekolah, kerana kita dapati, saya tidak nak main *racial issue* di sini tetapi kita dapati daripada pembacaan kita, daripada *news*, daripada berita, komuniti yang banyak bunuh diri ini ialah India. Minta maaflah cakap tetapi ini secara umumnya, kemudian Cina. Melayu ini agak kecil sedikit secara relatif berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Mungkin kerana agama Islam itu dia menekankan bahawa kalau kamu bunuh diri, maka kamu sudah terkeluar daripada agama. Daripada segi fikah-

fikah banyak mengatakannya, sebab itu banyak orang yang tidak hendak mensolatkan mereka yang membunuh diri.

Akan tetapi, kita pun ada terima alasan-alasan yang orang tertentu misal kata, dia memang gila. Gila itu memang bab lain, gila ini dia ada khusus untuk dia. Dia tidak boleh dijatuhkan hukuman seperti mana orang yang tidak gila. Akan tetapi, dia hanya gila selepas dia menghadapi masalah. Ha, ini banyak. Macam satu ketika dahulu, masa saham melonjak, banyak kawan saya jadi kaya-raya. Beli *Porsche*, beli macam-macam. Tiba-tiba saham jatuh merudum, banyak yang kemurungan sampai tak boleh tidur, selama dua bulan. Dia gila sebab saham jatuh, dia gila kerana *business* dia tak menjadi ataupun dia gila kerana dia putus cinta bahkan ada yang bunuh diri kerana dia putus cinta.

Ada anak seorang doktor pakar kulit terkenal dalam negara, semua kemewahan dia ada tetapi kerana cinta dia tidak diterima oleh kekasih dia maka dia mengambil kesempatan untuk membunuh diri. Oleh sebab itu kita sekarang ini, di sekolah-sekolah lagi kita mesti melatih anak-anak Malaysia kita tak kiralah bangsa apa dan agama apa supaya mereka tidak menjadikan bunuh diri sebagai satu penyelesaian. Menjadikan bunuh diri ini sebagai satu- tabu, sama ada kalau dalam Islam itu kemas sikit dia punya ajaran dia. Untuk rakan-rakan kita daripada agama lain, bangsa lain itu kalau boleh kita menggunakan subjek-subjek moral ini supaya melihat bunuh diri ini sebagai tabu yang sangat besar.

Ini kerana yang malunya keluarga. Sebab itu kita kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, hari itu dah meletup isu saya bila mana saya bertanya kepada Yang Berhormat Puan Fadhlina tentang filem Korea ini. Ini kerana, kalau kita kaji filem Korea yang memang diminati oleh anak muda kita bukan di Malaysia sahaja tetapi di semua tempat. Filem Korea ini sangat popular. Tambah pula ia bukan filem, ia drama bersiri. Maknanya keterikatan penonton dengan drama itu sampai tiga hingga empat minggu. Kalau yang lama lagi? Jadi, dia mudah terpengaruh kerana dia sentiasa mengikuti drama itu sampai berminggu-minggu.

Kita lihat dalam filem Korea ini tetapi saya tak tengok selalu. Ada masa, saya tengoklah. Kalau kita tengok filem Korea umpamanya, penyelesaian kepada kegagalan ini ialah bunuh diri. Berapa banyak bukti dah, jumlah presiden dia selepas tidak lagi menjadi presiden dan didapati ada isu-isu bersangkutan dengan rasuah dan sebagainya, dua, tiga orang presiden sudah mengambil jalan bunuh diri. Terjun dari gunung dan sebagainya.

Jadi seolah-olah di negara-negara tertentu, bunuh diri ini sebagai satu penyelesaian kepada kegagalan tetapi kita dalam Islam, kegagalan itu mesti dilihat sebagai ujian daripada Allah SWT. Ini kerana banyak orang Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak sebut nama orang hebat-hebat di Malaysia. Satu ketika, bila dia dah untung ratusan juta kemudian *business* dia jatuh, dia pun

ambil keputusan nak bunuh diri tetapi oleh sebab ustaz-ustaz dah beri nasihat, dia mengambil keputusan untuk membatalkan membunuh diri dan dia menjadi orang yang berjaya. Nama dia kita jangan sebutlah... *[Ketawa]* Dia mengambil keputusan dan dia menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Insyallah banyak dia beri syarahan-syarahan untuk menguatkan kembali semangat. Saya ada satu kisah yang sangat penting, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya dalam kisah nabi-nabi kita sama ada agama Kristian ke, agama Yahudi ke agama Islam, dia ada satu kisah nabi iaitu Nabi Ayub. Nabi Ayub Alaihissalam ini, diberi Allah SWT *handsome* padanya, kaya, keluarga ramai *dok* kat dia dan isteri ramai pun *dok* kat dia. Masa itu, boleh isteri ramailah-masa itu kan. Tiba-tiba Allah SWT tarik- satu demi satu. Pertama, Baginda jatuh sakit- kena penyakit kulit yang tidak boleh diubati...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, masa Yang Berhormat Senator.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Satu minit sahaja. Dia tak boleh diubati, isteri dia lari tinggalkan dia. Anak-anak lari tinggalkan dia dan dia jatuh papa kedana. Akan tetapi kerana berkat kesabaran dia berpuluh-puluh tahun dengan contoh untuk ditunjukkan kepada manusia selepasnya, dia bangkit dan Allah mengembalikan semula kehebatan dia itu. Maknanya, bila dia sabar dalam tempoh berpuluh-puluh tahun, dia dipulihkan kembali. Semua isteri pun yang bercita-cita nak tinggalkan dia itu sempat duduk bersama dia dan dia mempunyai anak yang ramai kembali. Dia ada kekayaan balik dan kuasa.

Jadi, yang penting sekarang ini, untuk kerajaan tolonglah dalam silibus itu masukkan silibus supaya daripada anak-anak lagi ditekankan betapa besarnya tabu bunuh diri dan betapa besarnya kesan bunuh diri kepada keluarga yang masih ada ini. *Wallahuaklam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa pada sesi pagi pun dah habis. Jam dah pukul 1, Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan dan akan disambung semula jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengahari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Perbahasan disambung.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz untuk berbahas.

2.32 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang saya dapat turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kejadian membunuh diri di negara ini merupakan perkara yang banyak dilakukan oleh rakyat kita. Antaranya, sama ada mereka menanggung hutang along dan sebagainya seperti rakan-rakan saya memaklumkan tadi, sama ada tekanan hidup kerana kemiskinan, mental, putus kasih dan sebagainya. Di negara kita ini, membunuh diri boleh didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara hingga satu tahun atau dengan denda atau kedua-dua sekali di bawah Kanun Keseksaan.

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022, terdapat trend peningkatan cubaan bunuh diri atau pemikiran melakukan tindakan itu dalam kalangan remaja terutamanya remaja perempuan di negara kita. Sejak lima tahun yang lalu, menerusi tinjauan ini, pemikiran membunuh diri itu meningkat secara mendadak pada tahun 2022 iaitu sebanyak 13.1 peratus dalam kalangan mereka yang berusia 13 hingga 17 tahun berbanding pada tahun 2017 iaitu sekitar 10 peratus. Meskipun tindakan cubaan membunuh diri ini merupakan sebuah jenayah, ia terus berlaku malah meningkat dengan sangat ketara.

Saya ingin mendapatkan maklumat daripada kerajaan berkenaan jumlah kes bunuh diri dan berapakah jumlah kes yang telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman? Data ini penting untuk kita lihat sejauh manakah keseriusan isu cubaan bunuh diri ini. Saya juga ingin penjelasan mengenai jumlah kes yang sedang atau menunggu untuk dibicarakan, yang akan digugurkan dengan pemansuhan seksyen 309 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan hukuman undang-undang gagal untuk menyelesaikan isu cubaan bunuh diri. Saya percaya, telah tiba masanya untuk kita cuba menggunakan pendekatan yang lain yang lebih sesuai untuk bukan hanya mengekang perbuatan tetapi juga menyelesaikan isu ini daripada akarnya. Oleh itu, tindakan kerajaan untuk menyahjenayakan percubaan bunuh diri dan meletakkannya sebagai isu kesihatan mental merupakan sebuah keputusan yang tepat dan kena pada masanya.

Namun begitu, kita- semua tahu bahawa negara ini mempunyai dua undang-undang iaitu sivil dan syariah. Seperti yang kita ketahui, dalam Islam ini membunuh diri merupakan perkara yang keji dan berdosa daripada segi syariah. Perbuatan bunuh diri merupakan sebuah kesalahan yang sangat besar. Saya percaya, pelbagai kajian dan perbincangan telah dilaksanakan sebelum pindaan ini diusulkan.

Saya juga difahamkan bahawa kerajaan telah meminta pandangan daripada pelbagai pihak yang berkaitan termasuk Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Oleh itu, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk dikongsi pandangan dari Pejabat Mufti dan pihak tertentu yang berkaitan dengan undang-undang syariah mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tinggilah harapan saya agar pemansuhan seksyen 309 ini akan memberi noktah kepada isu bunuh diri di Malaysia dan dapat membentuk masyarakat yang menghargai nyawa dan nilai diri masing-masing. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail untuk berbahas.

2.37 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. *Alhamdulillah*, saya turut bersama untuk membahaskan isu berkaitan dengan Kanun Keseksaan yang terkait dengan isu cubaan membunuh diri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah SWT sekalian, bunuh diri satu hal, cubaan bunuh diri satu hal. Bunuh diri yang berlaku dalam masyarakat dunia sekarang ini ialah perlakuan yang telah pun dibuat. Dalam Islam hukumnya haram. Akan tetapi cubaan membunuh diri, belum lagi berlakunya bunuh diri dan hukumnya masih lagi ada di tahap yang berbeza.

Satu kenyataan yang diambil daripada catatan WHO bahawa 800,000 kes bunuh diri di dunia ini setiap tahun. Ertinya, setiap 40 saat, satu kes bunuh diri. Akan tetapi hari ini saya ingin fokuskan kepada usul ataupun undang-undang ini, undang-undang cubaan membunuh diri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dalam Islam, ada lima perkara yang digolongkan dalam Maqasid Syariah. Pertama yang terpenting ialah *hifz al-din* iaitu menjaga agama. Kedua terpenting ialah *hifz al-nafs* iaitu menjaga nyawa. Jadi sebab itu daripada segi hukum Islam ataupun dalam kaedah Islam ini, ada satu kes yang disebut yang terkait cubaan membunuh diri dan akhirnya jadi bunuh diri.

Disebutkan dalam hadis daripada Jundub RA, diriwayatkan sabda Rasulullah SAW, *“Pada umat sebelum kalian, terdapat seorang yang tercedera, dia tidak dapat menahan kesakitan, lalu dia mengambil pisau dan memotong tangannya. Darahnya terus mengalir dan akhirnya dia mati dengan perlakuan itu.”*

■1440

Di situ, akhirnya membunuh diri. Allah SWT berfirman, *“HambaKu telah menyegerakan untuk mati, aku telah mengharamkan ke atasnya syurga.”* Riwayat al-Bukhari hadis 3463. Ada beberapa hadis yang lain tetapi saya singkatkan untuk tujuan tempoh masa yang sangat singkat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah sekalian, bunuh diri dengan sedar, satu lagi bunuh diri tanpa sedar. Bunuh diri dengan sedar mungkin disebabkan oleh *frustrated* dan lain-lain tetapi bunuh diri tanpa sedar, bunuh diri tanpa kawalan. Kadang-kadang bunuh diri tanpa kawalan ini oleh faktor-faktor yang tertentu mungkin gila tetapi jarang orang gila bunuh diri. Orang gila ini boleh merempat tepi sampah untuk terus hidup dan dia tidak kena COVID-19 pun musim dia gila, zaman-zaman COVID-19 tetapi yang bunuh diri ini dia sedar ataupun separa sedar.

Oleh sebab itu, apabila kita lihat dalam mungkin kalau kita baca Surah An-Nas, selain daripada yang sedar, yang separa sedar ataupun tidak sedar ini ada satu lagi faktor lain yang disebabkan oleh gangguan luar. Saya rasa mungkin kah tidak perkara ini diambil kira dalam kita melihat perkara ini? Sebabnya kalau kita kata, orang Melayu kata ini sudah masuk syaitan, maknanya masa itu tidak boleh *control* diri dia. Dalam Surah An-Nas, puncanya disebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Sebahagian kalau dalam Islam dia panggil sihir. Sihir ini datang dari dua... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Daripada manusia dan juga daripada syaitan. Dalam isu ini barangkali ada tidak perkara ini diambil kira dalam persoalan akta cubaan membunuh diri ini?

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah SWT, usaha menyelamatkan ini saya fikir lebih besar daripada usaha untuk menjenayahkan. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW bersabda, *“Sesiapa yang melepaskan saudaranya mukmin daripada kesusahan di dunia, maka Allah SWT melepaskannya di akhirat nanti”.*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang jadi bunuh diri, bunuh diri ini pun masalah dunia juga. Masalah kesusahan yang melampau yang tidak mampu ditanggung. Jadi oleh itu, saya juga melihat satu lagi perkara yang juga sangat penting. Kalau lihat dari sudut dalam Islam ini, yang saya baca ada satu artikel daripada Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Dia menyebutkan bahawa di dalam kitab-kitab tidak diterangkan, tidak dibahaskan banyak berhubung dengan cubaan bunuh diri sebab lintasan untuk membunuh diri tidak lagi menjadi hukum dan dia minta maaf, Allah SWT ampunkan.

Dalam sebab itu, apabila diolah dalam sebab ini Yang Berhormat Menteri, ertinya dalam kes ini sendiri pun Islam tidak pergi sampai ke tahap cubaan membunuh diri itu sebagai satu

jenayah. Oleh sebab itu saya fikir usaha untuk menukarkan daripada jenayah kepada tidak jenayah ini iaitu usaha yang selari dengan syariat Islam.

Lagi pun di banyak keadaan di dunia ini, saya tidak ingat tahunnya tetapi apabila pemerksaan atau pemerksaan terhadap menjenayahkan cubaan membunuh diri di Kanada, akhirnya peratusan membunuh diri makin naik. Di Sri Lanka, apabila diturunkan daripada jenayah kepada tidak dijenayahkan, tidak dimasukkan dalam *classification* jenayah, maka akhirnya perlakuan cubaan membunuh diri ini menurun.

Apa yang penting juga saya ingat sekarang ini selain daripada menyokong usul yang kita bahaskan pada hari ini, saya fikir perkara lain yang juga perlu diambil perkiraan walaupun ini bukan di bawah kementerian yang dimaksudkan, tentunya kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kesihatan.

Usaha untuk membendung perlakuan hasrat begini atau penyakit mental yang tidak terkawal langsung ini perlu di perkasa dari sudut kemampuan pengawasan atau perawatan kesihatan mental. Ada dua perkara, pertamanya rawatan dari sudut fizikal. Ini yang pergi tengok wad 17, wad apa ini, ini rawatan fizikal. Itu wad 17 itu sudah gilakan? Ini belum tahap itu.

Akan tetapi yang kedua lagi ialah rawatan daripada segi holistik. Oleh sebab itu, saya fikir kedua-dua pendekatan rawatan ini harus di perkasa.

Ketiganya, membendung produk persekitaran yang mendorong ke arah ini. Antara lain yang kita tengok sekarang ini terlalu banyak filem ataupun apa-apa bentuk drama dan lain-lain yang terdapat di serata tempat di media massa. *Ending* kepada cerita, bunuh diri. Akhirnya masyarakat kita juga ambil budaya ini untuk membuat penyelesaian.

Keempat iaitu bendung dari sudut dukungan masyarakat. Dalam Islam ada. Kalau tadi kita dengar Yang Berhormat *dok* banyak cerita masalah hutang. Dalam Islam ini ada satu lagi penyelesaian, zakat contohnya. Sebanyak 1/8 daripada zakat iaitu membayar hutang, menyelesaikan isu hutang. Nilai zakat di negara kita ini bukan sedikit. Jadi, saya fikir mungkin institusi ini juga boleh turut membantu. Sama juga mungkin dukungan wakaf, dukungan zakat, dukungan sedekah untuk menyelesaikan permasalahan yang lain yang disebutkan ini.

Saya fikir satu yang terakhir yang harus kerajaan mengambil kira ialah kita bendung menurut hukum tetapi persekitaran yang tadi itu, budaya masyarakat yang budaya *hedonism*, budaya berfoya-foya yang melampau. Duit tidak banyak mana tetapi tunjuk gaya yang terlebih-lebih. Ini zaman P. Ramlee dahulu tetapi sekarang lebih dari zaman P. Ramlee orang buat. Jadi fikir program mendidik masyarakat untuk dapat membendung perlakuan sehingga akhirnya disebutkan sebagai *frustrated*, tidak mampu kawal diri. Tidak boleh hendak kontrol akibat daripada habis segala-galanya, haruslah kita buat dalam pendekatan yang lebih serius oleh

pihak-pihak dan kementerian yang berkaitan. Di samping juga mungkin kita tengok tadi apabila Yang Berhormat Menteri menyebut antara puncanya, satunya dadah, satunya alkohol.

Tuan Yang di-Pertua, ini akhir, ini *last*, ini *last*. Dadah kita haram tetapi alkohol tidak haram. Alkohol ini bukan sahaja bunuh diri. Membunuh diri secara tidak sengaja, bunuh orang dalam kes di lebuhraya. Banyak kes yang terkait dengan dadah tetapi barangkali kait dengan alkohol. Akan tetapi alkohol ini ramai orang sayang, dadah ramai tidak sayang. Akan tetapi sehingga hari ini alkohol masih lagi dilihat semacam sebahagian daripada budaya kehidupan masyarakat.

So, saya fikir ini semua harus diambil kira dalam penyelesaian. *Wallahualam, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Satu perbahasan yang menarik. Saya hendak dengar lebih lagi tetapi masa kita terhad. Jadi, tempoh perbahasan telah tamat.

Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas. Sejumlah 11 orang pembahas yang telah mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Satu rang undang-undang yang cukup penting, yang berkait rapat dengan lagi dua rang undang-undang yang akan dibahaskan selepas ini.

Di Dewan Rakyat, kami telah membuatnya satu persatu walaupun terdapat satu cadangan *earlier* untuk semua dibuat sekali. Tujuan saya membangkitkan perkara ini adalah kerana terdapat banyak persoalan dalam perbahasan ini yang berkait dengan rang undang-undang yang akan dibahaskan selepas ini iaitu berkenaan dengan *mental health*.

Akan tetapi *be that as it may* Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab kepada isu-isu yang berkaitan dengan rang undang-undang ini dan juga kepada isu-isu yang berkaitan dengan Rang Undang-undang *Mental Health* tersebut. Saya akan me-reserve-kan jawapan-jawapannya semasa menjawab ataupun menggulung rang undang-undang tersebut.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Beliau telah bertanya berkenaan dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan akses kesihatan mental.

■1450

Sebagai makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1,161 buah klinik kesihatan, 60 buah hospital dan 30 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat ataupun disingkatkan namanya MENTARI. Serta juga empat buah institusi mental yang meliputi aspek promosi pencegahan pengesanan awal dan *rehabilitation*.

KKM juga telah menambah baik perkhidmatan kesihatan mental di klinik kesihatan primer dengan meningkatkan *accessibility* perkhidmatan kesihatan mental kepada kanak-kanak dan juga remaja menerusi Klinik Mesra Remaja.

Seterusnya kerajaan telah memperluaskan perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 orang Kaunselor secara kontrak ataupun CFS. Selain itu kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di 138 Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan khidmat secara berjadual di 831 buah klinik kesihatan di seluruh negara.

Terdapat juga badan bukan kerajaan yang berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial di peringkat komuniti. Seterusnya, kerajaan telah melaksanakan proses *digitalization* kesihatan mental menerusi MySejahtera. KKM juga telah memulakan perkhidmatan saringan kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan mengesan awal individu-individu yang mempunyai kesihatan mental yang memerlukan bantuan.

So, semua langkah dan inisiatif ini sudah tentunya akan menyumbang kepada menangani masalah kesihatan mental ini yang boleh membawa kepada insiden-insiden cubaan membunuh diri, *of course* juga kes-kes bunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang telah membangkitkan persoalan sama ada pindaan yang dicadangkan ini merangkumi kes buli fizikal ataupun *cyber bullies* yang membawa kepada perlakuan bunuh diri ini. Walaupun percubaan bunuh diri bukan lagi satu kesalahan jenayah, persubahatan seperti yang saya katakan tadi. Persubahatan untuk melakukan pembunuhan diri dan percubaan bunuh diri masih merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 305 dan juga seksyen 306, Kanun Keseksaan.

Sekiranya perbuatan buli tersebut boleh dikaitkan dengan kejadian bunuh diri dan ini sudah tentunya akan bergantung kepada siasatan dan sebagainya. Sekiranya siasatan menunjukkan atau menjurus kepada satu- boleh dikaitkan dengan kejadian bunuh diri itu, pembuli tersebut boleh dituduh di bawah seksyen 305, atau seksyen 306, yang mana yang bersesuaian. Sekiranya buli tersebut mengakibatkan kecederaan fizikal kepada mangsa, buli tersebut boleh juga dituduh di bawah peruntukan-peruntukan berkaitan lain yang mendatangkan kecederaan.

So, it all depends, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *on the investigation that are conducted*. Seksyen 305, dan 306 akan merangkumi kes-kes buli siber untuk melindungi mangsa-mangsa. Oleh sebab mereka yang dikatakan terlibat dalam mempengaruhi mangsa-mangsa untuk mengambil nyawa mereka dalam secara talian.

Dalam kes-kes *cyber bully*, bukan sahaja untuk kes-kes berkenaan rang undang-undang ini. Sudah tentunya MCMC itu akan memainkan satu peranan yang penting, oleh sebab mereka juga akan terlibat dalam proses siasatan.

Jadi, perlu adanya kerjasama antara agensi-agensi yang berlainan, polis, MCMC dan sebagainya untuk *trace* ataupun mengesan pembuli-pembuli tersebut. Kita tahu, *in this day and age*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada banyak cara untuk menyalahgunakan *online services* dan sebagainya dan ini merupakan satu *challenge* kepada bukan sahaja untuk rang undang-undang ini, untuk banyak kesalahan jenayah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair telah bertanya berkenaan jumlah individu yang dipenjarakan bagi kesalahan cubaan bunuh diri di bawah seksyen 309 tersebut. Berdasarkan statistik yang diperoleh dari tahun 2014 hingga 2022, terdapat tiga kes individu yang telah dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 309 dan telah menjalani tempoh pemenjaraan.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang sama iaitu berkenaan dengan statistik, juga ditanya oleh Dato' Juhanis binti Abd Aziz tadi semasa perbahasan beliau... *[Batuk]* Minta maaf. Jadi, itulah statistik-statistik berkenaan kes-kes yang *the most recent cases*. Ada yang tanya, sama ada pindaan-pindaan ini bersifat retrospektif. Ia tidak bersifat retrospektif. Ia bersifat prospektif. Maksudnya semua kes yang dituduh sebelum penguatkuasaan pindaan-pindaan ini masih dikekalkan, masih akan diteruskan. Akan tetapi *from the date of the pindaan*, itu akan dimansuhkan dan itu adalah soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad sebentar tadi.

Percubaan bunuh diri selepas pindaan ini bukan lagi satu kesalahan jenayah. Walau bagaimanapun, kes-kes di mana pelaku telah dituduh dan didapati bersalah oleh mahkamah, hukuman mereka iaitu hukuman yang sah berdasarkan seperti yang saya katakan tadi, peruntukan undang-undang yang terpakai pada masa tersebut.

Seterusnya persoalan yang diajukan berkenaan dengan apakah tindakan yang boleh diambil ke atas individu kedua yang mengakibatkan perlakuan bunuh diri atau percubaan bunuh diri. Dalam hubungan ini, jika peranan orang tersebut merupakan satu persubahatan, maka orang kedua itu juga akan tertakluk kepada pendakwaan di bawah pindaan ini.

Kita perlu ingat di sini bahawa pindaan-pindaan yang baharu di sini adalah untuk memperkenalkan ataupun *introduced* satu keadaan di mana persubahatan terhadap seorang kanak-kanak ataupun seorang yang kurang, mempunyai keupayaan mental yang kurang. Itu telah pun juga menjadi satu jenayah sekiranya kita membuat persubahatan untuk memujuk orang yang lain itu cuba untuk membunuh diri.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar. Beliau telah bertanya berkenaan apakah perbuatan yang dikategorikan sebagai menjadi kesalahan cubaan membunuh diri dan yang manakah bukan menjadi satu kesalahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbuatan persubahatan adalah seperti terkandung juga di bawah seksyen 107 iaitu berkenaan, dengan izin, *accomplishes*, Kanun Keseksaan iaitu seorang yang *instigate* ataupun menghasut, *commands* iaitu memerintahkan ataupun mengarahkan, *engages* ataupun melibatkan diri dan *intentionally aids* iaitu membantu dengan niat.

Mana-mana perlakuan di atas termasuk dalam persubahatan tersebut. Sekiranya persubahatan itu memberikan niat sedemikian kepada seseorang sehingga cubaan itu menjurus kepada meragut nyawa, maka ia akan menjadi satu kesalahan. Selain itu, menjadi kesalahan atau tidak adalah bergantung kepada niat ataupun *mens rea* dengan izin, seorang melakukan cubaan membunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kebanyakan soalan lain adalah menuju kepada *the mental health aspect*. Sekarang kami akan- itu rang undang-undang yang terakhir. *In fact, the third Bill I believe. So, saya akan menggulung dan menjawab sekali gus semasa penggulungan tersebut. So, for now I think* itu sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1500

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) (NO.2) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.03 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, dipersilakan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang yang akan saya bentangkan iaitu Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 22 Mei 2023.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah ataupun Akta 593 yang berbangkit daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan iaitu Akta 574. Antara lain untuk memasukkan perubahatan perlakuan cubaan bunuh diri oleh kanak-kanak atau orang yang kurang keupayaan mental atau oleh mana-mana orang sebagai satu kesalahan jenayah. Secara amnya pindaan Akta 593 ini meliputi dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda jadual pertama kepada Akta 593 yang berbangkit daripada pindaan yang dibuat pada seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan dan pemotongan seksyen 309 Kanun Keseksaan.

Pindaan yang terlibat bagi jadual pertama bagi Akta 593 adalah dengan menggantikan butiran yang berhubungan dengan seksyen 305 Kanun Keseksaan dengan butiran seperti yang tertera di jadual dalam fasal dua. Selanjutnya, pindaan yang berkaitan ialah mengenai butiran yang berhubungan dengan seksyen 306 Kanun Keseksaan dalam ruang dua jadual pertama, iaitu dengan memasukkan perkataan, dengan izin, *all attempted suicide* selepas perkataan,

dengan izin, *off suicide* dalam seksyen tersebut. Perkara ini adalah selari dengan tujuan memperkenalkan kesalahan persubahatan percubaan membunuh diri oleh mana-mana orang selain daripada kategori orang ataupun individu yang dinyatakan pindaan seksyen 305 [Akta 574].

Pindaan terakhir yang terlibat adalah dengan memotong butiran berhubungan dengan seksyen 309 Kanun Keseksaan dan butir-butir yang berhubung dengannya. Melalui pemansuhan seksyen 309, Kanun Keseksaan ini, perlakuan cubaan membunuh diri tidak lagi menjadi satu kesalahan di bawah Akta 574 selepas ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis iaitu suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibahaskan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lima orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya buat ketetapan bahawa masa yang diberikan tetap tujuh minit seorang.

Dengan ini, saya mulakan perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

3.06 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk bagi peluang kepada saya untuk berbahas. Berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NMHS) 2019, 7.9 peratus kanak-kanak yang berumur antara lima hingga 15 belas tahun mengalami tekanan mental. Ia bersamaan dengan empat orang kanak-kanak daripada 10 orang kanak-kanak di negara ini mengalami tekanan mental. Angka tersebut memaparkan realiti yang dihadapi oleh kanak-kanak di negara ini yang turut berdepan dengan masalah tekanan mental seperti mana yang dihadapi oleh golongan dewasa.

Selain pengaruh filem yang dipertontonkan kepada mereka, kita tidak nafikan bahawa penjaga termasuklah adik-beradik atau ibu bapa mereka juga merupakan antara watak yang berupaya mempengaruhi tingkah laku seseorang kanak-kanak. Selain masalah kemiskinan yang menjadi faktor kepada penyisihan sesebuah keluarga oleh masyarakat, keciciran sekolah juga turut menyumbang kepada kegagalan ibu bapa untuk membentuk keperibadian anak-anak mereka. Oleh sebab itu psikologi kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh individu yang rapat dengan mereka. Jika baik individu itu maka baiklah akhlak serta pemikirannya.

Berbicara tentang penyiksaan keluarga terhadap anak, saya ingin menyingkap satu kisah hitam yang pernah dialami oleh seseorang kanak-kanak yang pernah melakukan percubaan untuk bunuh diri. Individu yang dikenali sebagai “Nur” menceritakan bahawa dia telah mengalami tekanan mental yang kritikal sehinggakan dia mengambil keputusan untuk menelan beberapa biji *Panadol* demi niat untuk membunuh diri.

Penyiksaan keluarga terhadap dirinya membuatkan “Nur” berasa tertekan lebih-lebih lagi selepas dia tidak mendapat sokongan serta persetujuan ibu tiri dan bapa kandungnya untuk melanjutkan pendidikan di universiti. Kisah tersebut wajar tidak dijadikan sebagai rujukan kepada kita dalam membicarakan perihal persubahatan terhadap perbuatan bunuh diri. Cerita ini boleh didapati di *bharian.com* 6 Ogos 2015.

Persoalan penting yang saya ingin anjurkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, adakah penyiksaan psikologi yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap seseorang anak seperti menyiksa atau mendidik hak pendidikan boleh disifatkan sebagai *abatement* bagi maksud rang undang-undang ini.

Saya ingin mengambil seksyen 306 *Indian Penal Code* sebagai rujukan. Berdasarkan seksyen tersebut *abatement* atau persubahatan kepada perbuatan bunuh diri yang dilakukan oleh orang lain merangkumi hasutan *-instigation*, dengan izin, dibuat oleh seseorang orang lain untuk bunuh diri.

■1510

Penglibatan dalam konspirasi untuk menyebabkan seseorang melakukan perbuatan bunuh diri dan bantuan yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan seseorang untuk melakukan perbuatan bunuh diri, saya berpendirian bahawa definisi atau takrif “*abetment*” dengan izin, bagi maksud yang boleh menyebabkan perbuatan bunuh diri atau cubaan bunuh diri berlaku wajar diperincikan dengan lebih definitif.

Pengabaian penjaga atau ibu bapa terhadap kanak-kanak merupakan satu bentuk penderaan emosi yang boleh mendorong seseorang kanak-kanak yang melakukan sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa seperti yang berlaku kepada Nur. Ia merupakan dorongan tidak langsung atau *indirect abetment*, dengan izin, yang berbentuk provokasi terhadap mental dan emosi kanak-kanak yang berada dalam situasi tersebut. Oleh yang demikian, perkataan “*abetment*” harus mempunyai definisi yang lebih luas dengan deskriptif bagi menyokong pendakwaan yang boleh berdasarkan kronologi peristiwa yang mencetuskan cubaan bunuh diri oleh seorang kanak-kanak.

Daripada segi bahasa, “*abetment*” dalam Kamus Cambridge bermaksud, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*The act of encouraging someone to do something wrong*”. Berdasarkan

tafsiran tersebut, saya dengan tegas berpandangan bahawa sebarang bentuk pengabaian ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak termasuk mengongkong serta apa jua perbuatan yang menyeksa emosi adalah dikira dengan dorongan kepada cubaan bunuh diri yang dilakukan.

Tempoh pemenjaraan maksimum selama 20 tahun merupakan hukuman yang wajar dilaksanakan kepada pesalah bagi maksud rang undang-undang ini. Dengan mengambil kira risiko berdepan dengan gangguan psikologi termasuk trauma oleh seseorang mangsa kanak-kanak pada masa hadapan, pemenjaraan bagi tempoh yang lama serta berbayar merupakan hukuman wajar. Ia bertepatan dengan objektif untuk memerangi perbuatan bunuh diri yang dihasratkan menerusi pindaan Akta 593 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada masa lagi Yang Berhormat Senator.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Sudah cukup... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup... [Ketawa] Terima kasih beri peluang kepada orang lain.

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

3.03ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa]

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* jangan bimbang, yang ini pendek sahaja fasal dia sambungan daripada yang tadi. Ia hanya melibatkan pindaan pada Jadual ya, fasal ia memasukkan seksyen 305, seksyen 306 untuk memasukkan kategori baharu yakni *abetment* itu, orang yang terlibat dari sudut mempengaruhi mereka, orang yang cuba bunuh diri dan membunuh diri.

Jadi, sebab itu jadual ini dibuat tambahanlah kerana seperti mana kita sedia maklum, jadual asal membunuh diri dahulu satu kesalahan, cuba membunuh diri satu kesalahan. Akan tetapi sekarang ini, oleh disebabkan daripada pemerhatian umumnya yang cuba hendak membunuh diri ini selalunya melibatkan masalah yang serius dan umumnya terlibat dengan isu mental, maka mereka yang mengambil kesempatan untuk bersekongkol ataupun memberi dorongan sehingga menyebabkan membunuh diri itu, maka mereka ini dijatuhkan hukuman yang berat. Jadi, sekarang ini sebab itu dibuat tambahan supaya yang *abetment* dahulu tidak ada dalam kategori ini, maka dimasukkan di dalam Jadual Pertama rang undang-undang ini.

Cuma secara umumnya, macam inilah, macam kata yang pihak kerajaan menjawab sebentar tadi, bilangan klinik-klinik yang mempunyai pakar psikiatri ini. Saya tidak tahu kerana sepanjang perbicaraan, kerana ramai yang kita tahu bertemu dengan kumpulan-kumpulan psikiatri ini, dia menceritakan tentang bilangan psikiatri yang jauh daripada mencukupi, Akan tetapi isu mereka yang hendak membunuh diri ini semakin ramai terutama kalangan budak-budak muda yang kecewa, yang gagal mencapai hasrat, tekanan keluarga, tentang keputusan peperiksaan, kegagalan cinta, terpengaruh, dengan izin, walau saya akan diserang bertubi-tubi oleh peminat-peminat K-Pop, dan drama Korea ini.

Memang itu faktor yang mendorong kepada elemen-elemen yang menyebabkan ada kecenderungan untuk membunuh diri. Oleh sebab itu kalau kita fikir secara logik, filem Korea itu pun kalau hendak ini, dia dikategorikan *abetment* juga. Oleh sebab itu kalau boleh, ada penapis filem ini dia kena tengok jugalah supaya kita tidak hendak jadikan trend Korea, presiden dia tidak dapat menjawab isu-isu rasuah dan ada salah laku lain menyebabkan mereka mengambil keputusan membunuh diri. Bahkan di Jepun itu, Mount Fuji itu ada satu- lokasi untuk mereka bunuh diri. Jadi, kita tidak hendak benda itu ada digazetkan di negara kita. Kita tidak hendak benda itu, jauh sejauh-jauhnya.

Saya sudah baca sudah hukum-hukum Islam tadi, ramai sahabat beragama Islam sudah baca hukum. Untuk sahabat-sahabat kita, anak-anak kita yang bukan beragama Islam, kita hendak pendidikan moral itu diperketat, diperkemaskan lagi. Pada masa yang sama, pakar-pakar psikiatri ini biar cepat-cepat dapat didaftarkan mereka ini kepada masuk dalam kategori daftar psikiatri. Jadi kalau mereka ini cepat-cepat didaftar, makna kalau mereka masuk dalam kategori itu, mudah lagi rekod-rekod kerajaan. Cuma sekarang ini saya sangsi tentang bilangan pakar-pakar psikiatri yang ada dalam negara.

Ini kerana keutamaan kerajaan bila menyebut tentang Kementerian Kesihatan adalah untuk menempatkan doktor-doktor MO itu, yang sekarang masih lama sudah menjadi isu tertunggak negara dan diberi jaminan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam tempoh tiga tahun 1,500 akan diserapkan. Bahkan ada satu kecenderungan, tetapi *alhamdulillah* disangkal balik tentang pelajar-pelajar yang berminat untuk memasuki bidang kedokteran dan salah satu bidang kedokteran bila dia pergi kepada *specialist*, iaitu psikiatri. Jadi, di tahap doktor pun sudah ada masalah untuk kerajaan selesaikan. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengeluarkan lebih ramai psikiatri ini?

Minat di kalangan doktor-doktor ini bila hendak menceburi kepada spesialis, kurang bidang psikiatri fasal banyak mereka yang tidak hendak, dengan izin, Kelantan ya, "*Tidak hendak main dengan orang gila-gila ini*"... [Ketawa] Takut dia pun menjadi gila fasal banyak rekod- ini

bukan cerita bohong, cerita betul. Banyak doktor ini dia hendak pantau orang gila, dia pun kena *acting* sebagai gila, baru dia sama *level*. Kalau dia tidak *acting* gila, dia tidak boleh. Orang gila itu tahu dia tidak gila.

Oleh sebab itu ada satu kisah Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan, ini di wad- betul ini, cerita betul. Yang tidak berapa gila dibunuh oleh yang gila. Yang satu itu sudah di Hospital Sultanah Zainab. Dia sudah sembuhlah macam hendak ala-ala sembuh macam transit, tetapi katil atas bawah di wad gila. Jadi, yang betul-betul gila ini pun cekik dia punya tengkuk, mati sahaja-sahaja dibunuh oleh yang masih gila kepada yang baharu sedar daripada gila.

Jadi, saya hendak bagi tahu bahawa masalah sekarang ini minat doktor untuk spesialis pergi kepada psikiatri sangat- amat kurang. Oleh sebab itu saya rasa, angka yang kita ada ini belum cukup untuk kita mengatasi isu-isu yang semakin berleluasa tentang mereka- orang yang...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat Senator, hendak mencelah Yang Berhormat Senator.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sila, sila. Boleh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh ya.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ada peminat juga ya... *[Ketawa]*

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator, sekarang ini membunuh diri ini, cubaan membunuh diri ini bukan jadi satu kesalahan. Ada tidak nanti mungkin ada orang dia berpura-pura hendak membunuh diri, tetapi sebenarnya dia hendak sesuatu, konon hendak membunuh diri. Jadi macam mana daripada segi undang-undang ini, adakah itu pun kita panggil sebagai tujuan bunuh diri? Pada hal, walhal dia hanya berpura-pura dan mengugut sebab hendak kan sesuatu. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Itu susah *level* kita hendak *determined*, tetapi dalam Islam ini kita membantu orang itu satu kemuliaanlah. Makna walaupun dia menipu kita, tidak mengapalah. Kita jangan kata kita ini tidak cerdik kerana membantu dia. Orang bermasalah, kita bantu kerana kita dalam Islam ini, bahkan agama-agama lain itu bila mana kita bantu orang ini, *insya-Allah*- Tuhan akan bantu selalu kita. Saya cukup yakin dengan benda ini.

■1520

Dalam kita berniaga ini memang- saya tidak tahulah, sahabat lain... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad]* Tiap-tiap bulan ini tidak kurang daripada 30 orang, hantar mesej macam itu. Bertalu-talu hantar mesej. Jadi, kita pun faham, tetapi kita ada *limit* kita. Akan tetapi orang yang di kategori sebegitu, kita tengok buat selidik. Betul ada macam yang disebut oleh sahabat saya Bob itu, memang ada tetapi kalau kita main politik, sebagai

pemimpin masyarakat, kita lebih mengambil sikap membantu daripada- tidak rugilah. Kita bantu pun dalam kemampuan kita. Kita bukan bantu di luar kemampuan kita.

Jadi memang banyak orang masalah. Sesiapa yang terperangkap dengan along ini, kehidupan dia sangat teruk. Bukan setakat dia, keluarga dia, anak dia bahkan kita yang cuba hendak menjamin dia itu kita yang akan sekali diherdik. Kita nak membantu dia, tetapi along ini cari kita seolah-olah kita pula yang penyebabnya. Kita boleh faham. Jadi, *insya-Allah* biar kita menjadi orang yang banyak membantu. Saya rasa *insya-Allah* yang itu Bob, itu rezeki dialah. Itu rezeki dia macam itu... [Ketawa] Terima kasih adinda.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya baru nak cakap tadi.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sila hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Kesavadas sudah pinjamkan dua minit masa dia. Boleh gulung. Boleh gulung... [Ketawa]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Sekarang ini, sebab itu saya ini bukan-Tuan Yang di-Pertua, saya sangsi tempat hospital itu. Berapa jumlah hospital? Bilangan-bilangan yang disebut tetapi daripada maklumat yang saya perolehi tidak ramai, psikiatri-psikiatri. Akan tetapi ia tidak selari iaitu bilangan mereka yang perlu ubat, perlu pada rujukan psikiatri ini, bilangan yang terlibat itu jauh mengatasi. Tidak *proportionate*.

Oleh sebab itu, saya fikir kerajaan mesti memikirkan satu mekanisme supaya memberi dorongan supaya lebih ramai doktor-doktor ini, bila sampai hendak pergi ke peringkat *specialist* atau *subspecialist*, biarlah diberi satu dorongan insentif, sama ada kewangan, kemudahan kerja, kemudahan tempat kerja, kemudahan tempat tinggal dan sebagainya. Sekian, terima kasih. *Insya-Allah* saya sentiasa menyokong hal-hal yang memberi kebajikan kepada rakyat negara kita Malaysia. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Mohd Apandi.

Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit untuk berbahas.

3.22 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semoga kita Ahli Dewan ini masih bersemangat, ya? Bangun ya. Ini macam lembik rasa... [Ketawa] Buat ketawa dulu.

Okey, kita sangat bersyukur sekali lagi kerana cubaan membunuh diri tidak lagi akan menjadi satu kesalahan jenayah di negara kita. Kita berharap supaya masalah-masalah tekanan hidup ini lebih diutamakan untuk diselesaikan melalui kaedah-kaedah yang semakin baiklah, untuk menyebabkan orang yang mungkin tertekan ini akan lepas daripada tekanan hidupnya.

Berkaitan dengan cerita-cerita Korea ini pun, saya pun tertarik dengan cerita Korea ini. Sangat menarik minat anak muda. Bahkan saya tengok kaum-kaum ibu pun minat cerita Korea.

Jadi, ini pun kita kena jaga. Jangan sampai ada orang tertentu yang bunuh diri angkara minat sangat dengan cerita Korea. Saya lihat dalam pindaan- *amendment* yang kita hendak buat ini, ada kaitannya dengan masalah bahasa sebab saya sendiri pun keliru bagaimana "*abatement*" ini apabila diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia, ia akan berbentuk sama ada 'persubahatan' - 'subahat' namanya di situ. Jadi, biasanya 'bersubahat' ini adalah suatu yang berbentuk komplot. Jadi, ini saya minta supaya kerajaan menyediakan sesuatu penterjemahan ataupun maksud yang benar-benar menunjukkan *abatement* dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

Jadi, persubahatan ataupun mempengaruhi seseorang ataupun menyebabkan seseorang itu membunuh diri. Terjemahan ini juga akan menyebabkan suatu kekeliruan dalam kita melaksanakan undang-undang ini apabila ia diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Kita mahu melihat apakah niat kita sebagai Ahli Parlimen untuk meluluskan pindaan ini.

Niat kita sebenarnya iaitu saya tengok dalam pindaan ini adalah untuk menyelamatkan, untuk membantu mereka yang dalam keadaan tertekan ini. Jadi, bukan menghukum lagi kerana buktinya kita sudah ingin menghapuskan- *delete* seksyen 309, *Penal Code* ini. Ini merupakan sesuatu yang baik untuk kita atau untuk rakyat yang tertekan.

Jadi, biarlah niat kita sebagai Ahli Parlimen ataupun Dewan Negara ini iaitu niat kita untuk membantu mereka yang tertekan dalam kehidupan mereka. Bukan lagi menjadikan dia kriminil. Jadi, itulah yang saya tekankan supaya apabila kita menekankan kepada kaedah-kaedah ataupun kaunseling-kaunseling tentang menyelamatkan mereka yang hidup tertekan, kita berharap supaya kita jangan menjadikan ia satu jenayah. Ini sesuatu yang baik.

Sudah tentu ini menyebabkan terutamanya ada juga saya membaca satu artikel iaitu seorang meminjam dalam lebih kurang RM1,000 dan diminta oleh along sehinggalah berpuluh-puluh ribu Ringgit akhirnya. Jadi, ini menyebabkan dia tertekan. Jadi, ini sesuatu yang boleh juga menyebabkan orang mengakhiri nyawa dia.

Jadi, inilah niat kita sebenarnya mahu menghukum orang yang pihak ketiga yang berlebih-lebih dalam mengambil kesempatan yang dihadapi oleh seseorang ataupun kelemahan seseorang yang boleh menjadi mangsa keadaan. Baik daripada segi kewangan, baik daripada segi masalah cinta, baik daripada segi masalah hutang dan sebagainya. Mungkin juga daripada segi hidup berkeluarga ataupun suami isteri yang bermasalah dalam perkahwinan mereka.

Ini semua sebab yang boleh menjurus ke arah itu. Akan tetapi niat kita biarlah jelas supaya kita hendak menyelamatkan orang yang jadi mangsa keadaan ini. Jadi, saya tidak panjang untuk membincangkan perkara ini, jadi saya menyokong...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh mencelah sedikit?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Abun, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setakat berbincang begini untuk meluluskan rang undang-undang ini mudah sahaja dengan majoriti yang kita ada. Cuma langkah-langkah tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Apandi mengenai jumlah kekurangan *Psychiatrist*. Akan tetapi *psychiatrist* bukan segala-galanya. Kita ada kumpulan-kumpulan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam usaha-usaha untuk membantu mereka yang dalam keadaan sempit begini sehingga memilih jalan ringkas menamatkan kesengsaraan mereka.

Befrienders, contohnya. Mereka ada, mereka ramai. Mereka walaupun bukan *psychiatrist* tetapi mereka dibimbing oleh yang pakar. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita juga sambil kita cuba meluluskannya mencadangkan supaya lebih banyak kumpulan-kumpulan sokongan ini dibentuk disokong oleh pihak kerajaan supaya dapat membantu mengelakkan kes-kes begini bertambah. Terima kasih.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih rakan Yang Berhormat Senator kita. Memang kita sangat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang ini juga untuk pengetahuan kita sebab saya sudah dengar dari pagi tadi bahawa sahabat kita yang beragama Islam dan Islam itu melarang pembunuhan ataupun bunuh diri ini.

Jadi, macam saya sebagai orang Kristian juga memang perkara itu juga dilarang dalam kehidupan seorang Kristian lah. Itu sesuatu yang kita tidak berhak menghabiskan nyawa kita sebagai orang Kristian. Ini supaya untuk pengetahuan kita. Justeru itu, memang daripada segi bimbingan agama itu juga akan menyelamatkan mereka. Bukan daripada segi kaunseling sahaja. Saya percaya institusi keagamaan juga main peranan untuk memberi kekuatan rohani, kekuatan mental kepada orang-orang yang dilanda masalah peribadi ini. Jadi, justeru itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan tadi asalnya lima orang hendak berbahas. Seorang tarik diri.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Arman saya jemput menjadi pembahas terakhir kita sebelum saya serah kepada Yang Berhormat Menteri.

■1530

3.30 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Okey. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian sekali lagi tentang Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2023 pada hari ini.

Sebagaimana kita tahu rang undang-undang ini telah kita bahas sebentar tadi. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta di mana kerjasama di antara agensi dan pihak kerajaan dan NGO ini perlu ditambahkan. Ini sebab kalau ada kerjasama ini kita dapat meringankan beban kerajaan dan juga kita boleh memastikan perkara ini dapat diluaskan khususnya dalam akta yang akan kita bangkitkan.

Seperti mana yang kita tahu, lanjutan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan yang kita bahas ini merupakan bersifat melindungi mangsa. Pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan Rakyat tempoh hari, adanya pindaan ini merupakan cubaan membunuh diri dapat diselamatkan dengan lebih ramai lagi. Dalam undang-undang sedia ada, mangsa cuba membunuh diri ini didakwa sebagai penjenayah.

Soalan saya, apakah garis panduan yang disediakan untuk membantu mangsa-mangsa ini untuk menempuh kehidupan mereka selepas mereka diselamatkan? Bukan mudah untuk memulihkan semangat mereka yang sanggup mengorbankan diri mereka sendiri untuk kembali kehidupan normal. Saya ingin tahu adakah mereka diasingkan dalam lokasi-lokasi tertentu dalam satu tempoh masa atau mereka dihantar pulang ke pangkuan keluarga yang masih mempunyai keluarga?.

Antara punca cuba membunuh diri terhasil daripada faktor sekeliling. Macam dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi tadi, filem Korea. Akan tetapi jangan cerita Korea sahaja, banyak cerita lagi di *Netflix* dan sebagainya. Mendatangkan isu yang boleh kita tengok yang boleh *influence* anak-anak muda tentang membunuh diri ini. Apakah tindakan susulan dan sistem sokongan yang disediakan untuk mangsa malah untuk keluarga mangsa untuk lalui fasa-fasa pemulihan ini?

Kehidupan masa kini tidak lagi mustahil dengan situasi kanak-kanak yang masih bersekolah, mempunyai niat untuk menamatkan nyawa mereka sendiri. Persekitaran, perkembangan teknologi membolehkan kanak-kanak mengakses saluran-saluran media sosial dan juga media-media utama seperti *Netflix*, *Youtube* dan sebagainya. Kita boleh mengamati cara-cara untuk mereka lakukan cubaan membunuh diri ini melalui media sosial.

Soalan saya seterusnya, apakah kekangan yang mungkin atau akan dikenakan terhadap mangsa cubaan membunuh diri ini sebagai langkah intervensi atau pencegahan bagi

mengelakkan kejadian sama berulang kembali? Jangan kita selamatkan mereka kali pertama, kita bagi mereka peluang dan ruang, kemudian selepas lima tahun mereka kembali dengan sifat mereka untuk sekali lagi cubaan membunuh diri. Masalah ini pada pandangan saya, boleh juga turut diselesaikan dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Pihak kementerian dan KKM boleh saling kerjasama, seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta tadi. Mewajibkan saringan kesihatan mental secara berkala di institusi-institusi pengajian tinggi di mana program dilakukan seperti mana program imunisasi seperti zaman COVID-19 kita sebelum ini.

Begitu juga hanya mewajibkan program yang sama untuk rakyat dewasa untuk mencapai usia membuat saringan wajib langkah-langkah pencegahan. Bagi yang bekerja boleh dikenakan penalti kepada majikan kerana gagal menjaga kebajikan mental pekerja mereka. Bagi yang bekerja sendiri dan tidak bekerja, mungkin boleh kita kenakan sekatan terhadap subsidi dan peruntukan-peruntukan khas yang kita berikan kepada mereka.

Saya rasa wajar pihak kerajaan juga mempunyai sesi taklimat dan kempen-kempen kesedaran kepada rakyat untuk menangani kes-kes cubaan membunuh diri. Sekurang-kurangnya mereka tahu perkara asas yang perlu dilakukan. Semua lapisan masyarakat dan kerajaan perlu seiring untuk berganding bahu bagi kepentingan penjagaan kesihatan terutama masalah kesihatan mental dan juga kesihatan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita duduk sini membahaskan akta ini. Akta ini amat penting kerana kalau kita tidak ambil akta ini secara serius, ia akan menjadi masalah pada masa hadapan pada negara kita. Jadi, pentingnya akta ini untuk kita tidak meletakkan mangsa terus sebagai penjenayah. *Prevention is anytime better than...*?

Beberapa Ahli: *Cure.*

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Ya. Ramai yang cakap itu. Jadi saya sambungkan...
[Ketawa]

Jadi bagi saya, sekali lagi saya minta pihak kerajaan, rakan-rakan NGO untuk sama-sama kita kerjasama untuk membantu masalah mental yang dalam negara kita. Ini kerana tekanan dalam negara kita ini amat tinggi dengan masalah kos sara hidup dan sebagainya.

Jadi saya, Tuan Yang di-Pertua, merasakan pindaan undang-undang ini satu perkara yang amat wajar dilakukan dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian.
Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Perbahasan telah tamat dan dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada empat orang pembahas terhadap rang undang-undang ini.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pindaan kepada rang undang-undang ini adalah, dengan izin, *consequential* kepada pindaan-pindaan kepada rang undang-undang sebelum ini. Ia adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 305, seksyen 306, dan isu-isu yang berkaitan dalam undang-undang ini adalah dengan sebenarnya adalah berkenaan dengan isu persubahatan ataupun *accomplice*.

I think Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah bertanya soalan tadi, sama ada seorang- *I think, if I understand correctly*- sama ada seorang anak yang diabaikan ataupun di-*abuse* oleh ibu bapa mereka anak tersebut, adakah ibu bapa itu juga tergolong sebagai seorang *accomplice*? *If I understand the question correctly.*

Now. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah pun saya katakan dalam pembahasan saya tadi, *accomplice* itu apa yang terjumlah kepada seorang *accomplice* itu adalah satu *question of fact*. Satu persoalan fakta yang bergantung kepada fakta-fakta sesuatu kes. Jadi, sekiranya terdapat peranan yang aktif daripada seorang yang menggalakkan seorang lain itu mengambil nyawanya sendiri daripada fakta-fakta, kita boleh merumuskan perkara tersebut dan ada satu kes di mana seorang itu boleh dikatakan bersubahat.

So, dalam contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi, itu akan bergantung. *There is no hard than fast rule. It would very much depend,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *on the facts of each individual unique case. So,* itu adalah *of course* seperti yang saya katakan tadi, ini sebabnya proses siasatan itu merupakan satu proses yang amat penting. Ini bukannya bergantung hanya kepada agensi PDRM. Ia akan bergantung kepada banyak agensi yang lain. Contoh seperti MCMC yang telah pun saya katakan tadi dalam kes-kes *cyber bullying*, dan sebagainya.

Kepada soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah tadi. Berkenaan dengan apakah akan berlaku kepada seorang mangsa selepas beliau ditangkap? Adakah dia akan dipulangkan ke pangkuan keluarga dan sebagainya? Seperti yang kita akan membahaskan dalam rang undang-undang yang selepas ini, kepada pindaan-pindaan kepada *Mental Health Act*, terdapat beberapa peruntukan yang mewajibkan seorang itu yang di-*rescue* ataupun di-*apprehended* yang cuba membunuh diri untuk dibawa ke fasiliti perubatan dalam masa yang tertentu.

So, tujuannya itu sudah tentunya adalah untuk memberi rawatan yang sewajarnya kepada seorang yang cuba membunuh diri. Jadi, prioriti ataupun keutamaan dalam pindaan-pindaan ini adalah untuk memulihkan seorang yang berfikir untuk mengambil nyawanya sendiri. Ini juga mungkin akan mengambil masa yang agak lama kerana terdapat proses daripada segi psikologi dan sebagainya untuk memulihkan orang tersebut yang cuba mengambil diri.

■1540

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, juga seperti soalan ekoran daripada Yang Berhormat tersebut, beliau bertanya apakah usaha dibuat untuk mengelakkan mereka melakukan cubaan membunuh diri sekali lagi? Ini adalah berkait sama dengan jawapan saya tadi di mana itulah tujuan kami merujuk mereka kepada seorang pakar. *That is the purpose of sending them to hospital.* Ini adalah satu- seperti yang kita telah pun menekankan dari dahulunya. *As it was pointed out by many* Yang Berhormat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong hadkan penggunaan bahasa Inggeris.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya, saya *just*- saya akan habiskan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan, bukan. Penggunaan bahasa Inggeris dalam jawapan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Boleh, boleh. Saya akan- *because* saya selalu *interchange*. *Again*, saya guna bahasa Inggeris. Saya minta maaf. Akan tetapi, saya- *I think most*- kebanyakan di sini faham apa yang saya kata.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun faham. Itu Peraturan Mesyuarat... *[Ketawa]*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua. Selalu saya pakai yang, dengan izin. Tidak pernah tiada izin... *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya akan merumuskan *because* rang undang-undang ini seperti yang saya katakan tadi adalah *consequential*. Kita kena faham ia berbangkit daripada rang undang-undang sebelum ini. Jadi, apa yang dibahaskan di dalam *the substantive*- isu-isu substantif yang telah dibangkitkan iaitu berkenaan dengan isu persubahatan- *abatement* tersebut. Ini semuanya kita telah menggulung dalam rang undang-undang sebelum ini. Akan tetapi, apa yang penting untuk kita menekankan di sini adalah bahawa persubahatan ini adalah satu *question of fact*. Satu persoalan fakta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Kanun Keseksan di bawah seksyen 107 terdapatnya satu seksyen untuk merangkumi *accomplice* ataupun persubahatan. Itu bermaksud bahawa undang-undang jenayah telah pun mengiktiraf ataupun, dengan izin, sekali lagi, *recognize accomplices*. Ini ialah satu perkara yang sudah lama diguna pakai di bawah

undang-undang jenayah. Jadi, itulah yang seksyen 305 dan seksyen 306 ini menjurus kepada ia adalah berkenaan dengan isu persubahatan ataupun *an accomplice*.

Jadi, saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya telah pun menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh empat orang pembahas tersebut. Akan tetapi, seperti yang saya katakan tadi, saya- *there's a lot*. Terdapat banyak persoalan berkenaan dengan *mental health*. Itu saya menerima. Itu ialah semua isu yang amat penting yang saya akan menggulung dalam rang undang-undang yang akan kita mula selepas ini. Oleh sebab itu ialah isu-isu yang substantif di bawah rang undang-undang tersebut. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESIHATAN MENTAL (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.56 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ini merupakan Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 yang diluluskan di Dewan Rakyat pada 23 Mei 2023. Rang undang-undang ini bertujuan untuk pinda Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] susulan pemansuhan kesalahan percubaan bunuh diri di bawah seksyen 309, Kanun Keseksaan ataupun Akta 574.

Susulan pemansuhan seksyen 309 Kanun Keseksaan bagi meniadakan kesalahan percubaan membunuh diri di mana percubaan sedemikian tidak lagi menjadi kesalahan jenayah, terdapat keperluan bagi menguruskan kes-kes percubaan membunuh diri oleh pihak penguatkuasaan yang terlibat. Tindakan bagi meneruskan perkara ini adalah amat penting bagi memastikan aspek tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya demi keselamatan dan kebajikan individu yang mengambil keputusan untuk membunuh ataupun cuba membunuh diri di samping menjamin keselamatan masyarakat secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dengan mewujudkan Pegawai Intervensi Krisis ataupun, dengan izin, *Crisis Intervention Officer* dan memberikan kuasa kepada Pegawai Intervensi Khas ataupun Pegawai Intervensi Krisis untuk menangkap ataupun, dengan izin, *apprehend* seseorang yang cuba membunuh diri di bawah seksyen 11 [Akta 615].

Secara amnya, pindaan Akta 615 ini meliputi dua fasal iaitu fasal pertama yang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan. Fasal yang kedua bertujuan untuk menggantikan seksyen 11 untuk memberi mana-mana Pegawai Intervensi Krisis kuasa untuk menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk percaya bercelaru mental dan kecelaruan mental itu berbahaya kepada dirinya atau kepada orang lain, harta atau mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Bagi maksud penangkapan, mana-mana Pegawai Intervensi Krisis diberi kuasa untuk memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa perlu untuk berbuat sedemikian dan dalam menjalankan kuasa tersebut.

■1550

Pegawai Intervensi Krisis itu boleh memecah, buka mana-mana pintu atau tingkap luar dan masuk ke dalam atau selainnya masuk secara paksa ke dalam premis dan mana-mana bahagian premis itu atau meminda secara paksa apa-apa halangan kepada laluan masuk itu. Selanjutnya, Pegawai Intervensi Krisis itu hendaklah membawa orang yang ditangkap itu ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat daripada 24 jam selepas penangkapan itu untuk pemeriksaan. Pindaan ini bangkit daripada pemotongan seksyen 309, Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mendepani situasi selepas pemansuhan kesalahan perlakuan bunuh diri, kerajaan perlu bersedia daripada aspek penguatkuasaan yang efektif dan pengurusan individu yang didapati ingin melakukan tindakan membunuh diri. Oleh yang demikian, pemerkasaan undang-undang sedia ada yang berkaitan iaitu Akta 615 perlu dititikberatkan agar tindakan dan respons yang bersesuaian dapat diambil sekiranya terdapat insiden cubaan membunuh diri dilaporkan oleh mana-mana pihak di dalam masyarakat umum.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian iaitu ketersediaan agensi penguat kuasa untuk mengambil tindakan pantas, efektif dan menyeluruh dalam mendepani kes cubaan membunuh diri. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi mewujudkan Pegawai Intervensi Krisis di bawah Akta 615 yang merupakan, dengan izin, *first responder* dalam menangani kes tersebut. Rasional pewujudan Pegawai Intervensi Krisis ini adalah bagi memastikan tindakan respons kepada kes percubaan membunuh diri dapat dilaksanakan dengan segera dan efektif di samping melindungi nyawa seseorang yang cuba membunuh diri serta menjamin keselamatan masyarakat umum.

Pegawai Intervensi Krisis yang diwujudkan di bawah seksyen 11 [Akta 615] adalah terdiri daripada gabungan beberapa jabatan dan agensi penguat kuasa iaitu:

- (i) Pegawai Polis;
- (ii) Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iii) Pegawai Bomba;
- (iv) Pegawai Bomba Bantuan;
- (v) Pegawai Bomba Sukarela;
- (vi) anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia; dan
- (vii) Pegawai Kebajikan Masyarakat JKM.

Keanggotaan Pegawai Intervensi Krisis ini merupakan satu bentuk, dengan izin, *collective responsibility* yang merentasi pelbagai jabatan dan agensi. Perkara ini merupakan manifestasi sesuatu bentuk persefahaman yang menyeluruh bagi memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan oleh agensi penguat kuasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan efektif dan pantas, Pegawai Intervensi Krisis ini diberi kuasa untuk menangkap ataupun *apprehend* mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk percaya bercelaru mental dan kecelaruan mental itu berbahaya kepada dirinya atau kepada orang lain, atau harta atau mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Rasional kepada pemberian kuasa menangkap ini adalah berdasarkan fakta bahawa peruntukan sedia ada seksyen 11 membenarkan penangkapan dilakukan ke atas individu yang

dipercayai mempunyai kecelaruan mental dan perkara ini dikekalkan dan ditambah baik melalui penambahan. Pertamanya, kategori orang yang boleh ditangkap iaitu mana-mana orang yang cuba membunuh diri dan kedua, kategori pegawai penguat kuasa yang boleh melaksanakan tangkapan.

Adalah sangat penting dan perlu untuk dijelaskan di sini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa erti kata menangkap ataupun, dengan izin, *apprehend* di sini tidak bermaksud penangkapan ataupun, dengan izin, *arrest* seperti yang berlaku dalam kes-kes jenayah yang lain. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan yang mulia ini baru meluluskan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan)(No.2) 2023 yang menyahjenayakan kesalahan cubaan bunuh diri. Maka, pada masa depan, ia tidak lagi akan menjadi suatu kesalahan jenayah di mana seseorang yang cuba bunuh diri itu boleh ditangkap kerana melakukan kesalahan jenayah.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, ini suatu perkara yang penting. Mungkin ini akan timbul daripada segi penaksiran di mahkamah pada masa depan. So, adalah penting untuk kita *stressed* ataupun menekankan di sini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa perkataan “menangkap” yang dinyatakan dalam seksyen 11 [Akta 615], perlu ditakrifkan dalam konteksnya di sini dan bukannya secara harfiah ataupun literal, dengan izin. Jadi, ia bermaksud menangkap ataupun *apprehend* di sini adalah untuk tujuan seseorang Pegawai Intervensi Krisis menyelamatkan ataupun, dengan izin, *rescue* seseorang yang sedang cuba untuk membunuh diri pada saat genting insiden tersebut sedang berlaku. Jadi, konteksnya adalah daripada segi penyelamatan ataupun *rescue*, bukan *arrest* seseorang yang cuba membunuh diri.

Melalui pindaan yang dicadangkan di bawah seksyen 11 [Akta 615], individu yang telah ditangkap oleh Pegawai Intervensi Krisis hendaklah dibawa ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat daripada 24 jam daripada masa tangkapan bagi tujuan pemeriksaan.

Rasional bagi perkara ini ialah bagi memastikan individu yang terlibat dapat diperiksa dengan sewajarnya oleh Pegawai Perubatan ataupun pengamal perubatan dan seterusnya diberi rawatan susulan. Tindakan ini penting bagi menjamin keselamatan, kesejahteraan dan sokongan pemulihan yang bersesuaian dapat diberi kepada mereka yang mempunyai kecelaruan mental. Berdasarkan rasional yang telah dinyatakan, menjadi hasrat kerajaan bagi membantu individu yang didapati mempunyai kecelaruan mental ini melalui rawatan perubatan susulan yang sewajarnya setelah ditangkap oleh Pegawai Intervensi Krisis.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada siapa-siapa menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kesihatan Mental 2001, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 19 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan 7 minit juga. Ini kerana kita masih ada masa simpanan lagi dalam sidang kita kali ini. Ini juga akan memberikan peluang kepada Menteri kita untuk merehatkan tekaknya yang tadi- dia batuk-batuk.

Jadi, saya buka perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah untuk memulakan perbahasan kita.

3.58 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kerana memberi ruang dan peluang untuk saya sama-sama mengambil bahagian berbahas dalam satu tajuk yang amat besar.

Kita lihat buat masa sekarang, kalau kita berpandukan kepada laporan-laporan yang boleh didapati melalui KKM, Majlis Keselamatan Negara, saya rasa isu kesihatan mental ini menjadi isu yang utama di Malaysia ini. Mungkin telah melepasi- mungkin lah saya tak pasti- penyakit-penyakit lain seperti darah tinggi, kencing manis dan juga jantung. Kalau sesetengah laporan menyatakan bahawa keseriusan ini boleh jadi satu antara tiga orang penduduk Malaysia mempunyai masalah mental.

Akan tetapi, saya rasa yang amat kritikal adalah di kalangan kanak-kanak sebab dikatakan mengikut laporan Kementerian Kesihatan, sejumlah 400,000 lebih orang kanak-kanak yang mempunyai masalah mental. Jadi, begitu juga dengan kadar cubaan ataupun perlakuan membunuh diri pada tahun 2021, lebih kurang 600 lebih orang.

■1600

Tiba-tiba setahun kemudiannya telah menjadi 1,100 lebih kes. Peningkatan yang ketara sehinggakan lebih daripada 80 peratus.

Jadi, saya rasa bertepatanlah dengan masalah yang dihadapi itu. Antara cara menyelesaikan masalah, yang utama sekali iaitu mencari jalan yang komprehensif yang lengkap

untuk mengatasi masalah ini tetapi yang keduanya juga melalui undang-undang. Jadi, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana meminda sebahagian daripada undang-undang ini untuk menyelesaikan ataupun mengurangkan masalah kesihatan mental ini.

Jadi, Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 ini antara lain membolehkan Pegawai Intervensi Krisis iaitu yang pertama sekali dalam pindaan ini untuk melantik Pegawai Intervensi Krisis menangkap mana-mana orang yang cuba membunuh diri. Kalau tidak jumlahnya akan menjadi berlipat ganda, ya. Jadi, menangkap sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah bermaksud menyelamatkan mangsa bukan untuk memenjarakan mangsa.

Pindaan juga dilaksanakan bertujuan untuk meminda Akta Kesihatan Mental iaitu Akta 615 susulan pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574].

Oleh sebab Pegawai Intervensi Krisis hanya melibatkan Pegawai Polis, Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim, dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta pegawai kebajikan masyarakat, maka pindaan ini wajar dilaksanakan memandangkan proses menyelamatkan mangsa memerlukan latihan khusus serta kepakaran khas.

Dalam konteks pengurusan masalah pesakit mental, istilah kuasa Pegawai Intervensi Krisis itu merujuk kepada peranan seorang pegawai yang ditugaskan untuk mengambil tindakan dan keputusan dalam hal-hal yang berkaitan dengan individu yang mengalami masalah kesihatan mental dan mungkin tidak dapat membuat keputusan sendiri atau melindungi kepentingan mereka sendiri.

Peranan seorang Pegawai Intervensi Krisis dapat melibatkan beberapa tugas dan tanggungjawab iaitu termasuk yang pertama ialah penilaian. Pegawai Intervensi Krisis melakukan penilaian terhadap keadaan dan keperluan individu dengan masalah kesihatan mental. Mereka harus bekerjasama dengan profesional kesihatan mental untuk memahami keadaan individu dan menyusun intervensi yang sesuai.

Kedua, pengambilan keputusan. Iaitu Pegawai Intervensi Krisis mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang terkait dengan kepentingan individu yang tidak dapat membuat keputusan sendiri. Ini mungkin termasuk keputusan mengenai perawatan kesihatan mental, tempat tinggal dan keputusan yang lainnya.

Ketiga, koordinasi perkhidmatan. Pegawai Intervensi Krisis bekerjasama dengan pasukan perkhidmatan kesihatan mental, agensi sosial dan pihak lain yang terlibat untuk menyediakan

perkhidmatan yang diperlukan kepada individu tersebut. Mereka memastikan koordinasi yang efektif antara pelbagai pihak yang terlibat dalam menjaga keperluan individu.

Keempat, perlindungan hak. Pegawai Intervensi Krisis bertindak sebagai pelindung hak dan kepentingan kepada individu yang terlibat. Mereka memastikan individu tersebut mendapat perlindungan undang-undang, keadilan dan akses kepada perkhidmatan yang mereka perlukan.

Maka, amat jelas pindaan ini juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Pegawai Intervensi Krisis masuk secara paksa ke dalam premis dan mana-mana bahagian premis yang berlaku cubaan membunuh diri. Oleh yang demikian, pemilihan kuasa untuk menyelamatkan diberikan kepada institusi yang dinyatakan mengambil kira potensi untuk bertindak sebagai seorang Pegawai Intervensi Krisis.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa Pegawai Intervensi Krisis ini dibuka seluas-luasnya termasuk kepada NGO dan individu yang sanggup bekerja secara sukarela dan mereka haruslah diberikan latihan yang lengkap serta dengan kad pengesahan pengenalan. Oleh sebab untuk melakukan kerja-kerja sebegini mereka perlulah pakar dan mempunyai pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kesihatan mental iaitu perundangan yang penting bagi memastikan perlindungan, pemulihan dan sokongan kepada individu yang mengalami masalah kesihatan mental. Dalam pindaan mana-mana undang-undang kesihatan mental, terdapat beberapa isu yang mungkin perlu dipertimbangkan seperti peningkatan *accessibility*, iaitu pindaan undang-undang mungkin bertujuan meningkatkan *accessibility* kepada perkhidmatan kesihatan mental termasuk peningkatan perkhidmatan awam, peningkatan kapasiti dalam sistem kesihatan mental dan pembebasan akses kepada rawatan yang berkualiti.

Kedua, pemulihan dan sokongan. Undang-undang kesihatan mental yang baik harus memberikan penekanan kepada pemulihan dan sokongan kepada individu yang mengalami masalah kesihatan mental. Ini boleh termasuk pembentukan program-program pemulihan, sokongan, masyarakat dan penekanan kepada integrasi sosial individu yang terjejas. Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

4.05 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Penangkapan orang yang bercelaru mental merujuk kepada seksyen 11, mana-mana Pegawai Intervensi Krisis boleh menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk percaya bercelaru mental dan kecelaruan mental itu berbahaya kepada dirinya atau kepada orang lain ataupun harta, atau mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Soalan saya adalah apakah yang dimaksudkan dengan mana-mana orang yang cuba membunuh diri adakah juga bermaksud orang-orang yang mencederakan diri sendiri tanpa niat membunuh diri?

Contoh, kita melihat tadi ramai sahabat saya telah membawa statistik kejadian kes penyakit mental ataupun kes-kes kesihatan mental di kalangan kanak-kanak sekolah. Jadi, adakah ini juga termasuk? Jadi, mana-mana orang yang cuba membunuh diri ini- adakah termasuk orang-orang yang cuba mencederakan diri tanpa niat untuk membunuh diri?

Saya suka juga hendak bertanya Pegawai Intervensi Krisis. perkara (3) boleh semasa menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2), (a) memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar atau mana-mana premis dan masuk ke dalam. Kita faham pesakit mental apabila dia mengalami tekanan boleh membuat apa sahaja tingkah laku sama ada mencederakan diri sendiri tanpa niat ataupun tanpa niat membunuh diri dan pada yang sama dia juga tidak berniat untuk mencederakan orang lain.

Pada masa ini, kita boleh merasakan Pegawai Intervensi Krisis mempunyai satu hak untuk masuk ke rumah yang berkunci untuk menyelamatkan mereka. Akan tetapi, dalam keadaan yang tertentu, adakah Pegawai Intervensi Krisis ini- contohnya kalau kita tidak nampak kelakuan yang terlalu agresif, adakah Pegawai Intervensi Krisis ini boleh memecah masuk ke dalam rumah untuk menyelamatkan mangsa ataupun pesakit mental ini?

Saya juga ingin bertanya kepada perkara (5). Pegawai Intervensi Krisis, ertinya mana-mana Pegawai Polis. Kedua, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004.

Ketiga (c), Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan yang mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Pegawai Bomba Sukarela yang dilantik di bawah seksyen 4A, Akta Perkhidmatan Bomba iaitu anggota Angkatan Pertahanan Awam dan juga pegawai kebajikan masyarakat.

Saya ingin bertanya adakah pegawai-pegawai ini akan diberikan kursus-kursus ataupun latihan kemahiran untuk menghadapi mangsa-mangsa yang sedang mengalami krisis. Mungkin kita tidak nampak dalam situasi sebenar untuk pesakit-pesakit. Bagi saya, saya pernah

menghadapi isu ini di mana pesakit-pesakit bila dia dalam keadaan krisis, dia boleh buat apa sahaja.

■1610

Dia boleh mencederakan kita sebagai pegawai yang hendak menyelamatkan mereka, dia boleh mencederakan diri dia dan dia boleh mencederakan orang-orang yang berada di sekelilingnya. Jadi bagaimana pihak kerajaan untuk memastikan perkara ini dilihat dan diambil kira untuk memastikan pegawai yang menghadapi orang yang sedang dalam krisis ini dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dengan juga dapat menjaga keselamatan diri mereka.

Seterusnya saya juga ingin bertanya kita daripada statistik yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat saya dari pagi lagi berkenaan dengan kesihatan mental ini, kita juga ada kenaikan kes kanak-kanak berumur daripada 10 tahun hingga remaja berumur 17 tahun yang banyak membuat tingkah laku mencederakan diri sendiri. Pagi tadi pun saya bercakap dengan seorang pakar psikiatri yang menceritakan setiap hari dia menerima kes lebih kurang dua kes di kecemasan hospital, kes kanak-kanak mencederakan diri sendiri.

Jadi saya ingin bertanya adakah pegawai kaunselor di sekolah juga boleh dilantik sebagai Pegawai Intervensi Krisis? Oleh sebab kadang-kadang, anak-anak yang mempunyai kesihatan mental yang tidak sihat boleh membuat aktiviti ataupun tingkah laku mencederakan diri sendiri ini secara tersembunyi, maksudnya dia membuat di rumah. Salah satu tingkah laku yang mereka suka buat adalah dengan mengelar pergelangan tangan dan bila ke sekolah mereka memakai *bandage* ataupun bandangan menyebabkan cikgu tidak nampak. Ini salah satu contoh yang pernah saya jumpa.

Jadi adakah guru kaunselor di sekolah ini boleh bertindak sebagai Pegawai Intervensi Krisis dan membawa kanak-kanak sekolah ini ke hospital atau adakah mereka juga perlu memanggil Pegawai Intervensi Krisis yang telah disenaraikan lima ini. Maksudnya sama ada ia boleh membuat tindakan sendiri atau dia perlu merujuk kepada lima orang Pegawai Intervensi Krisis yang disenaraikan di akta ini.

Seterusnya saya juga ingin bertanya selain daripada akta yang kita buat ini adalah untuk membendung pesakit-pesakit ataupun untuk menyelamatkan pesakit-pesakit mental, kita juga ingin melihat anak-anak remaja kita, anak-anak sekolah ini sihat daripada segi mentalnya sebab kes ini dijangkakan akan makin meningkat dalam seperti yang dijangkakan oleh WHO pada tahun 2025, kes pesakit mental ini akan meningkat dan menjadi antara isu utama kesihatan di seluruh dunia. Bukan sahaja kata di negara kita tetapi di seluruh dunia akan mengalami masalah kesihatan ini.

Jadi saya ingin bertanya apakah persiapan selain yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang telah menceritakan apa yang telah dibuat di peringkat Kementerian Kesihatan. Apa langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini daripada kejadian kesihatan mental ini makin bertambah. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid.

4.14 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya akan memberikan pandangan saya kepada Akta Kesihatan Mental ini kepada dua bahagian. Satu, memberi pandangan secara umum kenapa akta ini sangat penting dan yang kedua adalah cuba untuk memberi sedikit pandangan bagi mengukuhkan perlaksanaan dan keberkesanan akta ini.

Saya ambil bahawa menjaga nyawa ini Tuan Yang di-Pertua merupakan satu perkara yang paling teras di mana kalau mengikut syariat Islam dia berada pada posisi yang tinggi daripada segi kepentingan dan *masalah*.

Dengan sebab itu, dalam surah *Al-Maidah*, Ayat 32 Allah SWT mengingatkan tentang pentingnya menjaga nyawa ini iaitu... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “*Dengan demikian kami telah tetapkan untuk Bani Israel yakni sejak syariat dahulu lagi bahawa barang siapa yang membunuh satu nyawa maka seumpama mereka membunuh nyawa manusia keseluruhannya dan barang siapa yang menjaga satu nyawa seolah-olah mereka menjaga nyawa semua manusia di atas muka bumi ini.*”

Begitulah besarnya pandangan syariat dalam apa yang disebut dalam konteks *maqasid syariah*. Kalau semalam kita mendengar *hifz al-Din* iaitu menjaga agama, hari ini kita akan mendengar *hifz an-nasl* iaitu memelihara nyawa atau *preservation of soul or life, it is essential part of the Islamic syariah*, dengan izin. Kalau mengikut pandangan seorang sarjana moden yang bernama Muhammad Umer Chapra dalam bukunya, *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid Al-Shariah*, dia meletakkan bahawa menjaga nyawa atau *the preservation of soul and life* ini merangkumi keseluruhan kepentingan.

Dengan makna kata kalau kita melihat secara terasing hanya jaga nyawa tanpa melihat apa dia *multi-factor* ataupun faktor pelbagai yang boleh menyumbang kepada soal bunuh diri, cubaan bunuh diri maka kita akan gagal melihat erti menjaga nyawa itu dalam syariah Islam. Maka dia menyebut satu *list* yang agak panjang apa yang dimaksudkan dengan menjaga nyawa itu juga perlu dilihat dari sudut pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial,

keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup dan harta, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan, memenuhi keperluan pekerjaan, peluang bekerja, pengagihan yang saksama, kekayaan, perkahwinan dan kehidupan yang stabil.

Semua ini kalau kita *list* kan menyatakan kepada kita bahawa menjaga nyawa itu bukan hanya satu isu tetapi dia *multi-discipline*. Kita pun tahu bukan sahaja menyaksikan filem Korea boleh membuatkan orang hendak bunuh diri tetapi pendidikan yang tidak seimbang, kemiskinan begitu juga kerajaan yang zalim, yang tidak adil semua ini perlu dilihat sebagai *multi-factor* dalam kita membicarakan soal *health issues* ini.

Saya masuk kepada cadangan untuk mengukuhkan akta ini kalau diluluskan dan *insya-Allah* semua akan meluluskannya iaitu apakah pihak kerajaan bersedia untuk menyediakan insurans sakit mental seperti mana yang diamalkan di Singapura. Di mana insurans ini akan banyak membantu untuk kita meringankan isu-isu yang ada kaitan dengan pindaan kita. Kedua adalah memperkenalkan subsidi rawatan dan konsultasi pesakit mental seperti yang dibuat oleh Inisiatif Selangor Mental Sihat (SEHAT). Ketiga, meneroka ruang, mencipta kecerdasan buatan atau *artificial intelligent* di mana *we can predict someone with the suicidal thought*, dengan izin.

Kita boleh *predict*, makna untuk mendapatkan AI platform yang ada ini saya rasa kita kena *start using*. Kalau betul kita hendak jaga nyawa kita boleh juga tanpa *prevention* seperti ada pegawai untuk *prevent* tetapi kita boleh guna *artificial intelligent* supaya kita boleh *predict* kemungkinan dan potensi seseorang itu ada pemikiran *suicidal*. Itu banyak akan membantu saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri apakah semua itu sudah diambil kira.

Akhirnya, ada dua cadangan yang kita boleh tambah baik dalam Akta Kesihatan Mental ini iaitu juga meletakkan pegawai penguat kuasa agama yang mungkin boleh secara spiritual memberikan intervensi, rundingan, kaunseling, memujuk dengan cara spiritual. Ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang rakan saya Mendiang Liew Vui Keong pada tahun 2019 ketika dia memegang Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

■1620

Kedua ialah preventif melalui pendidikan. Pendidikan yang berterusan dan sokongan kepada pelajar yang ada masalah penyakit mental dan kita boleh masukkannya dalam *Equality Act* yang tidak ada dalam negara kita iaitu Akta Kesaksamaan di mana penyakit mental juga ada akta atau kesaksamaan untuk mendapat *right to be consulted*.

Kedua ialah pekerjaan, di mana kita boleh melancarkan strategi *improving life* dengan menggunakan SOCSO sebagai platform bagi kita memastikan pekerja-pekerja kita dalam keadaan kerja yang tertekan dapat mendapatkan *consultation* untuk isu-isu kesihatan mental. Dengan ini saya menyokong akta yang dibentangkan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe.

4.20 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa rang undang-undang pindaan ini akan memberikan kuasa kepada penguat kuasa dalam perkara berkaitan dengan kesihatan mental.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kesihatan mental ini bukan isu calang-calang atau isu yang biasa-biasa dan ia amat memerlukan perhatian dan pendekatan yang berbeza. Saya sebenarnya pernah sebelum ini membangkitkan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kepentingan kesihatan mental dan perlunya institusi yang berfokuskan kepada penyelidikan, pembangunan dan perubatan. Namun, implementasi yang sedia ada tidak sebegitu memuaskan dan juga tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan sebagainya bukannya banyak. Saya tidak faham kelekaan dalam perkara ini. Kalau saya tanya kementerian lagi, jawapan mereka seolah-olah seperti *template* sahaja, dengan izin.

Kita tanya banyak berkenaan dengan kesihatan mental, jawapannya kurang memuaskan. Kita tanya geriatrik, lagilah kurang memuaskan. Kita seolah-olah biasalah pendekatan secara kabur sehingga isu tersebut memudaratkan. Saya tidak berkata mereka tidak bekerja. Apa yang saya maksudkan ialah rancangan panjang dalam isu-isu utama ini memang tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan dalam rang undang-undang ini yang memberikan kuasa kepada Pegawai Intervensi Krisis yang akan menguruskan proses menangani kejadian yang mengganggu dan tidak dijangka yang boleh mengancam untuk membahayakan individu. RUU ini memberi kuasa kepada Pegawai Intervensi Krisis ini menangkap mana-mana yang cuba membunuh diri dan memberi kuasa juga kepada mereka untuk pecah masuk secara paksa ke dalam premis yang berlaku cubaan bunuh diri.

Secara dasarnya, saya pasti ahli-ahli dalam majlis Dewan yang mulia ini akan setuju. Ini kerana perkara kesihatan mental orang yang hendak membunuh diri, kita sebenarnya memerlukan undang-undang yang lebih komprehensif dan tidak bertindih. Apa yang saya harapkan dalam pindaan ini adalah kuasa yang dibekalkan kepada Pegawai Intervensi Krisis ini ialah perlulah dengan teliti secara menyeluruh agar ia menepati protokol pengurusan krisis dan ia tidak sekali disalah guna bagi maksud yang lain.

Kita perlu memberikan latihan kepada mereka, sekurang-kurangnya enam langkah model intervensi krisis termasuk dua fasal dengar dan tindakan. Latihan ini adalah penting kerana jika kita mengikut pindaan yang telah diberikan, bahawa Pegawai Intervensi Krisis ini termasuk pegawai polis, termasuk pegawai agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia yang latihan mereka dahulu itu diberikan tangkap kerana salah, tetapi sekarang ialah tangkap kerana hendak menyelamatkan mereka. Oleh itu mentaliti itu kita kena caranya memang berlainan. Oleh itu, / katakan latihan mesti diberikan kepada mereka.

Selain daripada latihan, kita perlu juga penggajian dan penguat kuasa tersebut perlu pakar dalam mengendalikan krisis ini. Jangan sekadar bekalkan kuasa, tetapi tiada pengetahuan, tiada kemahiran dalam mengendalikan kes tersebut. Saya pasti agensi-agensi yang berkaitan akan mempunyai mekanisme yang tersendiri dalam berdepan situasi yang mencabar.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina bahawa senarai Pegawai Intervensi Krisis itu tidak mencukupi. Saya pun bersetuju dengan Dr. Hajah Wan Martina tadi bahawa Guru Kaunseling umpamanya sepatut menjadi Pegawai Intervensi Krisis juga di sekolah. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe: Memang daripada perspektif akademik, / setuju, setuju bahawa Pegawai Intervensi Krisis ini juga termasuk daripada peringkat sekolah juga. Sememangnya setakat ini apa yang kita boleh cadangkan jika mengikut menteri-menteri yang menjelaskan mereka hanya bagi kuasa itu kepada pegawai polis, pegawai agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia, Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan. Kemungkinan masa hadapan kita akan pindahkan rang undang-undang ini lagi untuk menjadikan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita telah bahaskan di Dewan Rakyat secara panjang lebar dan di Dewan yang mulia ini sekarang harapan kita menyelamatkan mereka yang terkesan. Dalam definisi yang mentakrifkan bunuh diri sebagai masalah kesihatan mental, saya berharap kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa antara kementerian, dengan izin, *cross ministerial agency* dalam menetapkan penelitian dan kajian yang berkala dengan isu berkaitan masalah kesihatan mental dan impaknya dengan turut meliputi situasi mencegah, menggunakan kekerasan, memecah masuk dan menidakkan sebarang usaha membunuh diri. Maka, jangan kita harapkan Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja untuk memberikan petua, rangka kerja dan sebagainya. Ia perlulah jadi satu usaha bersama kita- semua.

Tuan Yang di-Pertua, setiap nyawa manusia adalah penting dan menjadi tanggungjawab kita bersama mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat. Isu kesihatan mental ini terlalu rumit, ia berlaku atas macam-macam sebab, dengan izin, *sometimes you really do not know what we can't even figure it out*. Jika seseorang itu bersedia untuk menamatkan hayatnya, bermaksud orang tersebut bukan lagilah *stable* daripada segi mental.

Perkara ini sangat menyedihkan dan saya percaya pendekatan-pendekatan yang ada dalam praktik perlulah dikemaskinikan dengan lebih menyeluruh. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya sokong pindaan yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Tidak ada?

Datuk Lim Pay Hen: Tuan Yang di-Pertua, saya diminta untuk membacakan teks perbahasan Yang Berhormat Dato' Kesavadas, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf Yang Berhormat. Kita tidak pernah pun benarkan. *[Ketawa]*

Datuk Lim Pay Hen: Kalau macam itu, saya mohon maaf. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat Dato' Kesavadas tidak ada dalam Dewan, sekarang saya menjemput Tuan Seruandi bin Saad.

4.29 ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berbahas rang undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

■1630

Semestinya aspek kesihatan mental merupakan perkara yang amat perlu dititikberatkan pada masa kini, selari dengan pelbagai tekanan dalam kehidupan yang semakin mencabar dewasa ini. Saya mengamati akan pindaan-pindaan yang dicadangkan sebentar tadi. Saya pasti kerajaan sentiasa mengambil pendekatan bagi membolehkan aspek kebajikan rakyat menjadi keutamaan.

Saya ingin menyentuh berkaitan rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 651] dengan mewujudkan Pegawai Intervensi Krisis. Ini merupakan suatu langkah yang harus disegerakan kerana sudah pastinya dengan statistik yang membimbangkan iaitu telah meningkat 80 peratus dengan jumlah 1,142 kes dilaporkan pada tahun 2021, berbanding 631 kes pada tahun 2020.

Saya difahamkan juga, berdasarkan statistik Lembaga Kaunselor pada Ogos lalu, hanya terdapat 10,136 orang kaunselor berdaftar di Malaysia. Justeru, saya ingin bertanya, adakah dengan perjawatan Pegawai Intervensi Krisis ini akan turut melibatkan Kaunselor Berdaftar? Adakah jumlah seramai 10,136 orang ini memadai? Adakah usaha kementerian bersama kementerian lain misalnya Kementerian Kesihatan, bagi memastikan bilangan kaunselor ini selari dengan keperluan semasa?

Semestinya kita perlu mengekang dan mencegahnya dari menular. Pegawai Intervensi Krisis ini adalah bagi memastikan tindakan respons, dengan izin, kepada kes percubaan bunuh diri dapat dilaksanakan dengan segera dan efektif. Cadangan pindaan juga terdiri daripada gabungan beberapa buah jabatan dan agensi penguat kuasa bagi Pegawai Polis, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim, Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Bomba Sukarela, Anggota Angkatan Pertahanan Awam, dan juga Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah kriteria pegawai ini? Apakah bimbingan dan latihan yang akan disediakan bagi memastikan mereka benar-benar mampu dan sedia menangani kes melibatkan kesihatan mental yang serius? Malahan, adakah terdapat cadangan untuk memasukkan RELA sebagai Pegawai Intervensi Krisis? Bahkan, beberapa jumlah pegawai yang diperlukan dan bagaimanakah aspek penempatan pegawai-pegawai ini yang telah dikenal pasti? Adakah ia berdasarkan *ratio* kes di sesebuah negeri atau kawasan tumpuan seperti di bandar-bandar besar?

Justeru, saya ingin membangkitkan berkaitan pindaan rang undang-undang ini melibatkan individu yang telah ditangkap oleh Pegawai Intervensi Krisis hendaklah dibawa ke hospital psikiatri kerajaan ataupun hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat daripada 24 jam daripada masa ditangkap bagi tujuan pemeriksaan. Bagaimanakah pula prosedurnya? Adakah akan ada wad khas bagi mereka, bagi memastikan ada kerahsiaan dan tidak bercampur dengan kes psikiatri lain? Mohon penjelasan.

Semestinya kita mengharapkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan muda meliputi aspek kesihatan mental dan fizikal menjadi perkara utama bagi melahirkan generasi yang cemerlang pada masa hadapan. Diharapkan koordinasi kementerian-kementerian dan agensi-agensi terlibat akan menjayakan pindaan ini. Sekian sahaja perbincangan saya pada kali ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit, silakan.

4.34 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang yang ada di hadapan kita iaitu Akta Kesihatan Mental 2001. Ya, memang sesuatu yang kita tidak inginkan. Orang yang mempunyai penyakit mental ataupun masalah kesihatan mental ini selalu wujud, tetapi perkara itu tidak boleh dielakkan.

Justeru itu, pindaan yang dibuat pada kali ini ataupun hari ini adalah suatu yang baik untuk rakyat kita. Kita mesti melihat bahawa pelaksanaan ini nanti merupakan sesuatu yang perlu juga diambil kira terutamanya melibatkan kawasan-kawasan pedalaman iaitu melibatkan logistik yang agak jauh daripada Pegawai Intervensi Krisis yang dinyatakan di dalam pindaan ini ataupun akta ini. Dalam subseksyen 5, bahagian- seksyen 11 ini mengatakan bahawa Pegawai Intervensi Krisis bermaksud Pegawai Polis, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pegawai Bomba dan Bomba Bantuan, Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Kalau dilihat daripada segi kedudukan ataupun populasi kita di Sarawak, saya tidak tahu di Sabah, jadi kita mempunyai rumah panjang yang agak jauh antara satu sama lain. Bahkan, saya percaya semua yang disebutkan di dalam subseksyen 5 ini tidak ada di rumah-rumah panjang. Justeru itu, bagaimana keadaan kita, cara kita untuk melaksanakan ataupun menguatkuasakan akta ini jika terdapat orang-orang yang disyaki seperti yang dinyatakan juga dalam akta ini? Ini kerana, Pegawai Intervensi Krisis ini tidak wujud di rumah-rumah panjang.

Justeru itu, adakah kerajaan memikirkan sesuatu cara untuk memberi kuasa kepada orang awam untuk menangkap seperti yang selalu diadakan di mana untuk menangkap seseorang yang ditangkap kerana membuat kesalahan, itu boleh ditangkap dan dihantar ke balai polis berdekatan. Itu untuk perkara jenayah, tetapi ini, Pegawai Intervensi Krisis ini adalah untuk menyelamatkan seseorang supaya dia tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh mencederakan diri dia ataupun orang lain. Jadi, ini pun satu yang baik.

Inilah persoalan yang perlu dijawab oleh kerajaan supaya perkara ini tidak hanya dapat dilaksanakan hanya di bandar ataupun pekan kecil, tetapi di rumah-rumah panjang atau pedalaman. Orang yang sakit mental ini pun masih ada juga. Selalunya yang saya dengar perkara...

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Bertanya soalan. Yang Berhormat, itu satu fakta yang realistik. Jadi soalan saya, adakah seorang Tuai Rumah ataupun Penghulu boleh berperanan sebagai Pegawai Intervensi Krisis ataupun

Ketua Kampung di dalam sebuah rumah panjang atau pun sebuah kawasan penempatan di pedalaman?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator atas persoalan itu. Saya memang menyokong persoalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator di mana apabila undang-undang dikuatkuasakan, memang kita berharap supaya pihak yang ada di rumah panjang itu, yang ada adalah seperti tuai rumah ataupun Penghulu ataupun Ahli Jawatankuasa AJKK Kampung. Ada juga rumah panjang yang mempunyai seperti yang dicadangkan oleh rakan Yang Berhormat Senator sebelum ini juga, di mana pegawai RELA sama ada dibolehkan. Malah, di sekolah juga sama ada pihak Guru-guru Kaunseling ataupun Guru yang boleh dilantik menjadi Pegawai Intervensi Krisis ini.

Jadi, pelaksanaannya kerana orang yang tekanan ini berada di mana-mana. Bukan hanya di bandar, malah di luar bandar. Justeru itu, saya memang mengharapkan ini diperbaiki, mungkin pada masa hadapan. Buat masa ini, saya memang menyokong akta ini.

Justeru, Pegawai Intervensi Krisis ini bukan sahaja terhad kepada lima ini, tetapi bolehlah diberi kuasa kepada orang-orang yang saya sebutkan tadi dan juga yang dicadangkan oleh rakan Yang Berhormat Senator tadi, di mana orang yang tidak ada Pegawai Intervensi Krisis ini supaya boleh melakukan- supaya apabila ditangkap nanti, orang itu pula mana tahu kena saman pula oleh orang itu, contohnya. Ini sebab kita tidak tahu perkara ini kerana dia melakukan satu kesalahan yang tidak ada kuasa ataupun punca kuasa menangkap ataupun membantu orang yang mengalami masalah mental ini.

■1640

Justeru itu, saya berharap supaya undang-undang ini diluluskan buat masa ini dan saya menyokong undang-undang ini. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan atas undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

4.40 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan tajuk yang penting ini dalam aspek perubatan dan kesihatan di negara kita ini. Satu hari suntuk kita telah berbahas mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan mental. Cuma saya khuatir, hari ini tiada pegawai dalam Dewan?

Seorang Ahli: ...Di lounge.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Di *lounge*? Untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua-lah sebab selalunya ada pegawai-pegawai yang meneliti. Oleh sebab teknologi ada, mereka boleh berada di mana-mana. Tak apa, okey. Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang hendak dibawa hari ini lebih menekankan kepada urusan *apprehension*, dengan izin, ataupun menangkap mereka yang berada dalam keadaan krisis mental ini.

Ini terbukti kerana kelompok kumpulan yang telah diberikan amanah untuk melakukan intervensi ini iaitu mereka daripada kumpulan-kumpulan yang memang terlatih untuk menangani krisis-krisis keselamatan, kecemasan seperti polis, bomba, APMM, Pertahanan Awam dan sebagainya. Mereka ini memang terlatih tetapi kita kena ingat, krisis dalam penyakit mental ini suatu kedudukan terakhir atau lanjut yang paling *acute*. Ini kerana sebelum itu, mereka yang mempunyai *tendency* ataupun kecenderungan untuk menghadapi masalah mental ini telah awal lagi menunjukkan tanda-tandanya.

Oleh sebab itu, sebelum Pegawai Intervensi Krisis ini bertindak, kita memerlukan satu pihak lain di peringkat awal iaitu pihak kaunselor yang jauh lebih besar peranannya yang bukan sekadar mengenal pasti tetapi melakukan juga pencegahan-pencegahan dengan pemberian kaunseling terhadap mereka yang berada dalam keadaan kemurungan- *depression* contohnya. Ini penting.

Oleh sebab itu, dalam masa yang sama kita bercakap mengenai *crisis* intervensi ini, maka kita juga harus memperkukuhkan kumpulan yang akan melaksanakan pencegahan di peringkat awal. Mengenal pasti- guru-guru contohnya. Kaunselor yang di mana-mana sama ada kaunselor di tempat kerja, kaunselor di sekolah atau di universiti. Mereka ini harus peka. Tidak boleh bertindak pasif, menunggu orang datang untuk melaporkan bahawa mereka dalam *depression*. Tak boleh. Mereka harus mempunyai suatu mekanisme untuk mengesan orang-orang ataupun mana-mana pihak di bawah jagaan mereka yang sudah mempunyai *tendencies*, kecenderungan untuk mengalami masalah kemurungan yang boleh membawa kepada antaranya tindakan-tindakan membunuh diri- *suicide* ini.

Jadi, saya juga mencadangkan supaya dalam hal ini, selain daripada lima kumpulan yang diletakkan sebagai Pegawai Intervensi Krisis- antara yang mudah kita dapat kerjasama di mana-mana tempat, di kampung kitakah, di daerah kitakah, iaitu kelompok-kelompok *medical* juga. Tadi kita kata mereka ini ditahan, dibawa ke hospital dalam masa 24 jam untuk di-*handle* oleh *Psychiatrist* ataupun Pegawai Perubatan.

Akan tetapi, di klinik-klinik kesihatan di luar bandar, kita mempunyai tenaga yang juga terlatih. Antaranya, Pembantu Perubatan- *Medical Assistant*. Kalau kita biasa tahu, *Medical Assistant* ini iaitu golongan lelaki. Jadi, mereka ada *capability* tenaga dan ilmu perubatan. Mereka

boleh melakukan intervensi awal untuk terus membawa ke klinik, naik ambulan kah, ataupun apa-apa dan terus ke hospital bertemu dengan pihak yang terakhir menangani isu ini iaitu pegawai perubatan *psychiatrist* ataupun *the psychiatrist himself*, dengan izin.

Jadi, saya mohon cadangan supaya itu dilibatkan. Kalau tidak nanti, berlaku mungkin tak jauh dari klinik. Di rumah, contohnya tetapi oleh sebab mereka bukan Pegawai Intervensi Krisis, mereka tidak akan dirujuk. Jadi, ini satu kelompok yang harus kita kenal pasti. Bagi guru-guru dan sebagainya, saya tidak bersetuju mereka ini dipanggil Pegawai Intervensi Krisis. Biarkan kekal sebagai Kaunselor-kaunselor yang mempunyai suatu hubungan talian dengan semua peringkat yang akan mengambil tindakan-tindakan rawatan dan pemulihan kepada kes-kes sebegini. Jadi, mereka juga harus dipertingkatkan. *Again*, juga saya minta supaya kaunselor-kaunselor ini tidak hanya menunggu kes-kes dirujuk kepada mereka.

Mereka juga Guru-guru, contohnya. Mereka boleh mengadakan pengawasan dengan membuat pemerhatian, observasi yang proaktif untuk mengenal tanda-tanda kemurungan khususnya. Ini kerana kemurungan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh rawat. Saya biasa semasa di kolej dahulu yang menangani semasa dalam latihan sebagai doktor. Orang yang mempunyai *depression* ini, memang kalau kita lihat sangat- *sorry*-lah saya *stating*, kita kasihan kepada mereka akan tetapi mereka boleh dirawat. Dengan sedikit nasihat walaupun pada satu ketika itu mereka sangat *down* ataupun tersangat *elevated* pun satu hal juga. Idea dia macam-macam. Nak bertemu dengan Perdana Menteri India-lah untuk amankan dunia, nak temukan Tun Hussein Onn ketika itu- dengan Perdana Menteri India. Semangat.

Daripada segi logiknya, apa salahnya tetapi daripada segi realitinya tak munasabah. Jadi, itu satu tanda yang sangat berkesan untuk kita mengenal pasti kes-kes sebegini. Akan tetapi, dengan sedikit rawatan sahaja iaitu selang dua hari mereka akan menjadi normal semula. Jadi, kalau kita tidak buat perkara macam ini, banyak kes yang akan terus mengalami krisis-krisis yang memerlukan intervensi yang kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, memerlukan tenaga, kekasaran untuk *apprehend* walaupun Yang Berhormat Menteri kata tadi *apprehend* ini bukan *arresting* ataupun menangkap kerana ganas dan sebagainya.

Akan tetapi, cara menguruskannya memang memerlukan satu tenaga. Kalau kita tidak dilatih, baik polis, baik bomba, baik APMM, baik pegawai kebajikan, kalau tidak dilatih, mungkin kita akan menggunakan tenaga yang *excessive* yang bukan menyelesaikan masalah tetapi boleh mencederakan.

Jadi, saya mengambil kedudukan menyokong penuh rang undang-undang ini dengan kalau boleh dilihat cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan Senator pada petang ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr.
Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato Jefridin Atan.

4.48 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan pihak Yang Berhormat Menteri yang akan meminda Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] susulan daripada pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang menjadikan kesalahan percubaan membunuh diri tidak lagi menjadi kesalahan jenayah. Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 mendedahkan bahawa satu pertiga rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun dan ke atas berdepan dengan masalah mental.

Kesihatan mental bukanlah satu isu baru malah kes berkaitan kesihatan mental telah mencatat peningkatan yang mendadak terutamanya dalam fasa pandemik COVID-19. Menurut data Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial dan inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, trend peningkatan statistik individu yang mendapatkan sokongan telah meningkat daripada lima kali-ganda pada tahun 2022 berbanding tahun 2020.

■1650

Dalam pindaan rang undang-undang ini ada menyatakan mengenai seksyen 11 [Akta 615] yang memberi kuasa kepada Pegawai Intervensi Krisis untuk memasuki premis atas sebab menangkap individu yang disyaki bercelaru mental yang berbahaya kepada dirinya atau orang lain atau mana-mana orang cuba membunuh diri. Pegawai Intervensi Krisis yang telah dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka ini semestinya mempunyai kelayakan untuk menangani situasi cemas dan yang sudah dilatih.

Namun begitu, saya ingin mendapat makluman balas daripada pihak kementerian. Pada tahap manakah kesiapsiagaan Pegawai Intervensi Krisis ini dalam aspek latihan dan kepakaran bagi menangani insiden percubaan membunuh diri? Ini memandangkan kepakaran yang baik amat diperlukan dalam mengendalikan situasi tersebut yang semestinya berbeza berbanding situasi kecemasan lain seperti kemalangan, rompakan, jenayah, kebakaran dan sebagainya.

Kedua, apakah bentuk latihan yang dilakukan? Apakah terdapat sebarang kerjasama berkenaan latihan dan perkongsian kepakaran dengan negara-negara lain yang mencatat kes bunuh diri yang tinggi seperti Jepun dan Korea Selatan? Pegawai Intervensi Krisis juga dinyatakan diberi kuasa untuk memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa perlu untuk berbuat sedemikian. Ini sekali gus menyatakan bahawa mereka berhak untuk memecah masuk atau masuk secara paksa ke premis yang berkenaan tanpa memerlukan sebarang waran atau kebenaran bagi melakukannya.

Ini menimbulkan sedikit persoalan memandangkan ia boleh membawa kepada isu lain. Antaranya melibatkan isu bayaran semula kerosakan atau pampasan akibat daripada perlakuan ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah persediaan kerajaan untuk menghadapi situasi ini? Adakah terdapat sebarang peruntukan untuk membayar ganti rugi atau pampasan terhadap sebarang kemusnahan aset dan harta benda awam atau individu atau organisasi yang di pecah masuk oleh Pegawai Intervensi Krisis bagi tujuan ini?

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang masih takut dan fobia untuk mendapatkan rawatan atau kaunseling berkaitan kesihatan mental sama ada kerana mereka takut dengan persepsi negatif masyarakat yang masih rendah terhadap kesedaran, terhadap isu kesihatan mental atau mereka mempunyai perasaan penafian atau *in denial* dengan apa yang mereka alami. Ini menyebabkan ramai yang mendiagnosis diri dan menyimpan sendiri penyakit mereka sehingga menyebabkan kesihatan mental mereka semakin buruk.

Hakikatnya mereka amat memerlukan Pakar Psikologi, Pakar Psikiatri, dan juga Kaunselor yang berdaftar yang boleh membantu mereka menerima rawatan yang sepatutnya. Namun begitu, Malaysia masih lagi kekurangan Kaunselor, Pakar Psikiatri dan Pakar Psikologi. Namun pada masa ini, hanya terdapat kira-kira 10,136 orang Kaunselor Kesihatan Mental dan jumlah ini tidak mencapai nisbah yang diperlukan iaitu seorang pakar bagi setiap 500 orang rakyat, satu nisbah 500.

Oleh itu, saya ingin bertanya adakah *ratio* semasa pakar berkaitan kesihatan mental di Malaysia mencukupi dalam merawat individu yang disahkan mempunyai masalah berkaitan mental.

Kedua, adakah inisiatif kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi dan Kaunselor Kesihatan Mental dalam membantu individu yang mempunyai isu kesihatan mental supaya mereka mendapat rawatan yang sebaiknya?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu ia juga membawa kepada isu-isu lain. Antaranya mempermainkan istilah kesihatan mental, muat naik kandungan berunsur bunuh diri atas alasan

sosial eksperimen sedangkan mereka tidak mempunyai isu kesihatan mental dan hanya melakukan bagi mendapatkan perhatian dan jumlah *view* yang tinggi semata-mata.

Persoalan saya dalam soalan ini, apakah tindakan kerajaan dalam membanteras penggunaan media sosial sebagai medium yang menggalakkan tingkah laku bunuh diri menerusi kandungan tidak sihat? Antaranya video cubaan membunuh diri secara *live*, memuat naik kandungan berunsur kemurungan yang mendorong kepada tingkah laku bunuh diri atau sosial eksperimen yang negatif berkaitan dengan isu kesihatan mental.

Kedua, adakah terdapat sebarang akta atau peruntukan yang boleh disabitkan kepada individu atau laman yang menyalahgunakan media sosial untuk memuat naik kandungan berunsur perlakuan bunuh diri atas alasan hiburan? Laman *Facebook* juga mempunyai beberapa kumpulan sokongan atau *group support* yang berkaitan dengan kesihatan mental. Kumpulan ini secara asasnya dianggotai oleh individu yang mempunyai isu berkaitan kesihatan mental berkongsi pelbagai perkara dengan individu yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu kesihatan mental merupakan isu masyarakat yang memerlukan penyelesaian yang tuntas supaya dapat ditangani dengan baik. Justeru, saya berharap pada persoalan-persoalan yang dipersoalkan tadi dapat dijawab dan ditangani oleh pihak kerajaan. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

4.57 ptg.

Tuan Amir bin Ghazali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak terlewat untuk saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Amir bin Ghazali: Saya menyambut baik pindaan yang ingin diadakan ini terhadap seksyen 11 Akta Kesihatan Mental 2001. Pindaan ini telah memperluaskan peranan dan kuasa *first respondent*, dengan izin, untuk menyelamatkan mangsa yang menghadapi krisis kesihatan mental. Jika kita rujuk kepada akta asal, hanya Polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sahaja yang diberi kuasa untuk menangkap atau melakukan intervensi dengan mangsa. Namun melalui pindaan ini juga, kuasa akan diberikan kepada pihak Bomba, Penguat Kuasa Maritim, Angkatan Pertahanan Awam dan dua atau tiga lagi agensi yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang dikelilingi laut akan menerima manfaat hasil pindaan ini. Ia akan pantas dalam tindakan menyelamatkan. Contohnya, Pulau Pinang sebuah negeri maritim, mempunyai dua buah jambatan Pulau Pinang iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang panjangnya 24 Kilometer, iaitu 15 Batu, dan juga jambatan yang pertama yang merentas laut sepanjang 8.4 kilometer berada atas laut.

Untuk makluman, sepanjang tahun 2019 hingga tahun 2022, 233 kes cubaan membunuh diri. Jadi, apabila Penguat Kuasa Maritim dilibatkan dalam operasi ini ataupun di dalam Skwad Krisis ini, jadi di peringkat kawasan-kawasan maritim ini mendapat manfaat yang baik dan juga yang bijak dalam membuat keputusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi beberapa cadangan untuk perhatian pihak kementerian. Pertama, latihan intensif tentang bagaimana berhadapan dengan krisis dan bagaimana untuk melakukan intervensi secara kemahiran memujuk, berunding dan psikoterapi anggota-anggota penyelamat ini harus dipertingkatkan.

■1700

Cadangan yang kedua, penglibatan NGO-NGO yang berkaitan dan sebagainya kerana dengan adanya kerjasama daripada NGO-NGO kerana sebahagian daripada mereka ini berpengalaman malah mempunyai kepakaran yang lebih memahami cara bagaimana berhadapan dengan mangsa-mangsa seperti ini.

Ketiga, memantau laporan media. Sebab apa, cara mengolah cerita di dalam surat khabar di dalam media-media sosial ini *manipulate* penulisan, cara media melaporkan media itu ada kalanya tersinggung dengan sensitiviti dan sepatutnya mempunyai elemen yang perlu diberi teguran dan tindakan tegas yang menggunakan undang-undang yang sedia ada. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, akta ini harus diberi penekanan dan sokongan daripada Senator-senator dalam Dewan ini. Jadi, sekadar itu ucapan saya di dalam Dewan ini dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Mesti kena *stress* setiap kali hendak sebut nama itu.

5.01 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Surveyor... [Ketawa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang yang seluas-luasnya

kepada kami untuk berbahas kepada tiga rang undang-undang ini. Rang undang-undang D.R. 15, D.R. 16, dan D.R. 17 yang menyentuh tentang isu cubaan membunuh diri dan juga kesihatan mental yang saling berkait yang pernah dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid supaya dikumpulkan dalam satu perbahasan tetapi telah dijawab dengan tuntas oleh Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya hendak ucap terima kasih ini kerana memberi bilangan yang ramai umpamanya dalam Kanun Keseksaan rang undang-undang yang bernombor 15/2023, hampir 20 orang dibenarkan berucap. Rang Undang-undang Kesihatan Mental juga hampir 20 orang juga dibenarkan berucap.

Kesudian Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua itu *alhamdulillah* tetapi pada masa yang sama melihatkan kesungguhan dan keprihatinan, kecaknaan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tentang isu yang melanda negara kita sekarang ini. Saya terkejut dan terperanjat kerana sebahagian besar sahabat-sahabat yang membentangkan menggambarkan satu senario yang menakutkan Tuan Yang di-Pertua kerana seolah-olah satu daripada tiga menghadapi masalah kecelaruan mental. Ini satu angka yang besar.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya tidak pasti angka tersebut tetapi saya menerima pakai penyelidikan yang dijalankan oleh sahabat-sahabat Ahli Senator semua kerana ramai yang memaklumkan kepada Dewan ini satu daripada tiga menghadapi masalah kecelaruan mental. Mungkin dari sudut pengalaman pendedahan saya tidak sampai ke tahap itu tetapi ada beberapa isu yang fundamental. Kalau benar angka satu daripada tiga tetapi ketersediaan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah itu saya rasa jauh daripada keupayaan.

Oleh sebab itu dalam isu hari ini, saya lebih gemar kerana dalam Akta Kesihatan Mental itu dia menggunakan perkataan celaru mental kerana seksyen ini dipinda kerana hendak menggantikan seksyen 11 di mana Akta Kesihatan Mental 2001 ini dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut, yakni, "*Penangkapan orang yang bercelaru mental.*"

Jadi celaru mental ini dia boleh jadi kerap berlaku. Bila mana dia berlaku sedikit ujian, berhadapan dengan sedikit masalah, pelbagai masalah, masalah rumah tangga kerana seorang isteri yang telah memberikan kasih sayang yang luar biasa kepada suami, tiba-tiba didapati suaminya menipu dari belakang. Ini dengan segala kepercayaan daripada suami, tiba-tiba suami ada menipu isteri. Jadi ini memang banyak berlaku di kalangan terutamanya pihak sang isteri.

Itu baharu rumah tangga tetapi dari sudut alam percintaan remaja juga banyak berlaku, di mana berlaku kekasihnya dirampas dan sebagainya menyebabkan berlakunya kecelaruan mental kerana tidak stabil untuk menghadapi ujian tersebut. Oleh sebab itu, saya hendak melihat tentang keupayaan pihak kerajaan menyediakan infrastruktur untuk menyelesaikan masalah ini

sama ada di sekolah, umpama di sekolah. Umumnya ada dua sahaja kaunselor, itu sekolah besar, sekolah menengah besar.

Ada dua sahaja kaunselor untuk menerima kebarangkalian atau *possibilities* pelajar yang seramai seribu orang hanya ada dua orang Kaunselor di setiap sekolah. Begitu juga, kalau di sekolah-sekolah di peringkat hulu-hulu ada sekolah menengah, kita jarang dengar adanya kaunselor di sekolah-sekolah tersebut. Kalau mengikut maklumat yang disampaikan oleh kaunselor-kaunselor sekolah-sekolah menengah ini memang berat. Maknanya isu yang dihadapi oleh mereka dalam menangani isu murid-murid di peringkat remaja ini kadang-kadang susah akal kita hendak menerima. Maknanya dari sudut kaunselor sekolah pun pihak kerajaan tidak boleh menyediakan bilangan yang cukup sementelahan pakar-pakar psikiatri untuk mengatasi masalah mereka yang sudah lepasan sekolah.

Psikiatri di banyak hospital daerah, saya sangsi ada pakar psikiatri. Mungkin hospital yang berskala lebih sedikit besarnya, mungkin ada. Umpamanya di Hospital Jeli. Saya sangsi dia ada. Saya belum buat semakan tetapi mungkin ada di Tanah Merah, mungkin ada di Gua Musang. Jarak antara Tanah Merah dan Gua Musang iaitu hampir 250 kilometer, bayangkan di tengah-tengah beberapa buah kampung- kelompok yang ada.

Jadi saya hendak cadangkan di sini supaya mereka yang dibenarkan untuk intervensi ini tidak cukup dan tidak memadai dengan apa yang dibentangkan di dalam pindaan Akta Kesihatan Mental 2001, tidak cukup. Ini adalah kerana ia hanya menggariskan Pegawai Polis. Pegawai Polis hanya ada di ibu pejabat Polis-polis Daerah sahaja, tetapi kalau yang di kampung-kampung walaupun ada penduduk seramai 10,000 orang, ada penduduk seramai 15,000 orang belum tentu ada Ibu Pejabat Polis Daerah.

Jadi yang berpangkat pegawai ini hanya ada di Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Polis kecil-kecil kadang-kadang ada tiga orang anggota, dua orang anggota, seorang anggota, ada sembilan orang anggota, tidak ada Pegawai Polis di tempat macam itu. Sedangkan penduduk yang dirangkumi, tidak kurang daripada 20,000 hingga 30,000. Jadi bayangkan maknanya dalam 30,000 dengan satu pertiga seperti mana yang dibentangkan oleh sahabat-sahabat tadi memanglah tidak ada keupayaan daripada pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Oleh sebab itu saya mencadangkan di sini, kalau boleh pihak kerajaan dalam pindaan ini memasukkan kerana 19 kita membicarakan tentang isu ini, Kanun Keseksaan yang ini 19, betapa seriusnya kami membincangkan untuk menyokong tindakan kerajaan. Akan tetapi kerajaan mesti juga menunjukkan kesungguhan menambah anggota-anggota yang boleh menjadi Pegawai Intervensi Krisis, bukan setakat Pegawai Polis, bukan sahaja Maritim, Pegawai Bomba, Angkatan Pertahanan Awam dan setakat Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Mesti saya rasa memasukkan Ketua-ketua kampung atau Penghulu bersama imam ataupun ketua-ketua agama. Kalau Sabah, Sarawak mesti ada ketua-ketua agama untuk mengatasi tetapi biar ada ketua kampung ataupun tuai bersama ketua agama yang berpatutan. Kalau pada komuniti-komuniti Muslim, imam bersama dengan ketua kampung atau penghulu dan dicampurkan dengan anggota polis, jangan sebut pegawai polis.

■1710

Tiga ini kerana dia serantai kuasa, banyak tindakan ini kerana kita nak memecah masuk rumah orang. Jadi nantikan kesan kalau tidak dimasukkan tiga ini, nantikan kesan dia, mereka bertiga ini kena didapati bersalah kerana menceroboh tanpa ada waran geledah dan sebagainya.

Oleh sebab itu, kerajaan tidak cukup hanya membentangkan dan buat pindaan ini tetapi tidak mengadakan anggota yang cukup untuk membuat intervensi. Ini kerana yang banyak gila atau kecelaruan mental ini, kampung-kampung pun banyak. Berbagai-bagai masalah. Dengan masalah harga getah sekarang ini dah beberapa tahun dah tak naik-naik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Seheinggakan di kebun getah ini tak ada orang nak menoreh sekarang ini. Dah ada kebun getah, tak ada orang menoreh. Bercelaru mental... *[Ketawa]* Tidak ada pendapatan. Sekarang tak ada orang menoreh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya fikir, kerajaan ambillah, bentangkan ini. Memang lama ditunggu-tunggu oleh masyarakat. *Alhamdulillah*, kita tengok partisipasi kita luar biasa itu, kesungguhan kita untuk menyelesaikan isu ini. Akan tetapi kerajaan minta kaji balik supaya di kampung-kampung, menambahkan bilangan Pegawai Intervensi Krisis dengan memasukkan imam, campur ketua kampung, campur salah seorang anggota Polis. Begitu juga di Sabah dan Sarawak, ketua tuai campur dengan ketua agama, campur dengan anggota Polis...

Tuan Yang di-Pertua: Tuai rumahlah.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Ya, tuai rumahlah. Rumah panjang dia, rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Tuai rumah ataupun ketua komuniti, ketua kaum dalam...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Minta maaf sahabat-sahabat di Sarawak. Saya kerap juga pergi ke rumah-rumah panjang. Saya tengok di rumah panjang ini, orang lelaki jarang dah ada. Semua tinggal orang perempuan. Orang lelaki dah semua kerja dekat lain dah. Saya dah pergi berpuluh-puluh dah rumah panjang ini. Jadi orang lelaki yang ada ini pun yang tua-tua dah, yang muda-muda tak ada. Ini betul tak Yang Berhormat Senator Abun..., betulkan?

Tuan Abun Sui Anyit: Betul.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Betulkan? Jadi saya fikir sebab itulah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator dah panjang juga cerita ini dah.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Hah, okey... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dah sebab...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan *insya-Allah*, kita sama-sama menyokonglah supaya benda ini dicepatkan tetapi dengan pindaan tambahan. *Wallahuaklam. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum.*

Tuan Yang di-Pertua: Saya memberi kebenaran untuk bercakap lebih itu sebab orang *surveyor* ini memang macam itu perangai dia... [Ketawa] Merentas desa dan hutan. Saya ini di peringkat sijil sahaja. Yang Berhormat Senator peringkat ijazah tetapi *Surveyor* juga... [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

5.12 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023.

Saya mengamati akan pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, yang akan meminda Akta Kesihatan Mental 2001 ekoran daripada pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan yang telah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini di mana kesalahan percubaan membunuh tidak lagi menjadi kesalahan jenayah.

Saya juga ingin kongsi di sini data berkaitan trend peningkatan statistik individu yang mendapatkan sokongan daripada Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial, inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia, dilaporkan meningkat lima kali- ganda bagi tahun 2022 berbanding tahun 2020. Justeru, adalah sangat penting untuk kita menitikberatkan aspek intervensi dan pencegahan dengan lebih efisien supaya aspek kesihatan mental merupakan suatu yang perlu diambil berat pada masa kini.

Kita ambil maklum bahawa kerajaan melalui pihak berkuasa perlulah lebih bersedia daripada aspek penguatkuasaan, perlu lebih efektif bagi menangani individu yang didapati ingin membuat cubaan membunuh diri. Oleh yang demikian, cadangan bagi mewujudkan barisan

Pegawai Intervensi Krisis ini bertepatan dengan situasi yang perlu ditangani dalam kadar segera dan pantas.

Saya juga ingin mengambil peluang di sini untuk bertanya apakah kriteria Pegawai Intervensi Krisis ini? Adakah ia akan melibatkan pegawai penguat kuasa sedia ada yang telah berpengalaman ataupun barisan pegawai baharu yang mempunyai latar belakang yang boleh menangani situasi yang mengalami krisis seperti Kaunselor Kesihatan Mental, misalnya?

Ini kerana cadangan kementerian merangkumi Pegawai Intervensi Krisis yang diwujudkan di bawah seksyen 11 [Akta 615] terdiri daripada gabungan beberapa buah jabatan dan agensi penguat kuasa iaitu Pegawai Polis, Pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim, Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan, Pegawai Bomba Sukarela, Anggota Angkatan Pertahanan Awam dan juga Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Justeru, apakah kriteria pemilihan ini bagi memastikan pegawai-pegawai ini bersesuaian sebab kita tidak mahu lah pegawai yang dilantik hanya bagi memenuhi kuota? Pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Intervensi Krisis perlulah mahir, terlatih dan memiliki latar belakang yang bersesuaian dengan kehendak situasi cemas ini.

Saya juga bersetuju dengan pandangan-pandangan yang telah dilontarkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator tadi bahawa skop ataupun Pegawai Intervensi Krisis ini perlu diperluaskan lagi untuk meliputi mereka yang memiliki kemahiran untuk menangani krisis mental ini.

Daripada aspek latihan dari sudut psikologi dan fizikal kepada Pegawai Intervensi Krisis ini, apakah cadangan yang telah diperhalusi oleh kementerian bagi memastikan pegawai-pegawai ini bersedia menangani krisis mental dan berhadapan dengan individu yang semestinya mental mereka terjejas akibat desakan untuk menamatkan hidup?

Saya juga ingin menyentuh berkaitan kenyataan bahawa Pegawai Intervensi Krisis ini perlu membawa orang yang ditangkap itu ke hospital psikiatri kerajaan atau hospital psikiatri swasta yang diwartakan tidak lewat daripada 24 jam selepas penangkapan itu untuk pemeriksaan.

Adakah fasiliti kesihatan mampu menyediakan ruangan ataupun *fast lane*, laluan pantas bagi mendahulukan pesakit ini? Bahkan, apakah perancangan kementerian bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan agar kadar rawatan segera mampu diberikan? Misalnya, adakah ada unit khas yang akan mengurus individu yang dibawa oleh Pegawai Intervensi Krisis seberapa segera untuk rawatan selanjutnya?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan lanjut apabila pada masa hadapan seseorang yang cuba membunuh diri itu tidak lagi menjadi suatu kesalahan jenayah. Jika mereka ini ataupun

keluarga mereka tidak mengizinkan Pegawai Intervensi Krisis untuk membawa individu yang mengalami masalah mental ini ke fasiliti kesihatan iaitu Jabatan Psikiatri, apa bidang kuasa Pegawai Intervensi Krisis ini terpakai untuk terus membawa individu berkenaan atau jika terdapat bantahan daripada individu berkenaan ataupun keluarganya, adakah paksaan ini dibenarkan?

Jadi saya rasa, itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

5.18 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sehari, tiga- kertas, bincang orang sakit mental. Kalau tak sakit mental pun, kesihatan mental. Akan tetapi dia bermula mental tak sihat, celaru mental, sakit mental, *ending* nya gila. Akan tetapi yang kita tak bincang, gilanya. Kita bincang tajuk hari ini ialah tentang bagaimana izin ataupun perlindungan undang-undang terhadap orang yang nak menyelamatkan.

Saya nak sebutkan di sini, kita bincang untuk nak selamatkan orang sakit mental. Cuma bagus juga untuk diingatkan dia, sebagai orang yang beriman bahawa ada satu hari kebangkitan. Bangkit semula selepas mati, takut lepas itu apabila dia seksa pula, dia tak ada pilihan lain pula untuk nak bunuh diri kali yang kedua. Bagus juga untuk ingat-ingatlah.

Tuan Yang di-Pertua, Allah sebut dalam al-Quran, punca semua ini adalah berpunca daripada jiwa tak tenteram, jiwa tak tenang, jiwa bercelaru. Allah sebut satu jaminan ubat yang paling mujarab... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ertinya, *"Itulah orang-orang yang beriman, tenang, tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah, tenang, tenteramlah hati manusia"*. Saya rasa ini ubat daripada Allah SWT.

Saya pergi kepada perbincangan kita hari ini, panjang lebar sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator telah pun membincangkan tentang dukungan dan juga jaminan undang-undang terhadap operator ataupun Pegawai Intervensi Krisis.

Cuma dalam ruang tadinya juga, sikit saya nak mencelah Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bincang bahawa kita dah setuju sepenuhnya tadi bahawa hasrat nak bunuh diri ini bukan lagi jenayah.

■1720

Akan tetapi jangan sampai nanti seperti di Jepun, bunuh diri sudah tidak jadi jenayah sudah, habis sudah. Akan tetapi jangan ruang untuk tidak menjenayahkan bunuh diri itu dijadikan

sebagai lesen seperti di Jepun, ada tempat. Saya difahamkan, ada tempat orang pergi bunuh diri. Ada tempat kalau di US atau di *Europe*, banyak benar orang yang kaya bunuh diri, tinggal wasiat harta untuk binatang peliharaan dan lain-lain. Jadi bukan isu duitnya, ini isu jiwa.

Satu lagi yang saya lihat dalam Laporan Teknikal Kementerian Kesihatan, Disember 2017 sebanyak 29.2 peratus orang dewasa di Malaysia dikatakan terbabit dengan isu kesihatan mental. Sebanyak 12.1 peratus membabitkan kanak-kanak. Ertinya kanak-kanak pun sudah sakit jiwa, sudah mula masalah kesihatan jiwa. Apa tidak, sekarang ini berapa ramai anak-anak yang tidak tahu sudah mak di mana? Ayah di mana? Rumah tangga macam mana? Malahan anak yang tidak sah taraf sudah berapa ratus ribu?

Jadi semua ini menjadi faktor. Kalau nilai seperti itu, ertinya kita sudah menjejaki lebih 30 peratus daripada rakyat Malaysia sedang mendepani masalah kecelaruan mahupun kesihatan minda. Kalau ini berlaku, kalau kita tengok, kalau pelancong tahu entah-entah takut hendak datang ke Malaysia ini kalau 30 peratus lebih rakyat Malaysia mengalami masalah jiwa. Jadi saya fikir perkara ini wajarlah kita bincang hari ini panjang lebar tentang tajuk ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melihat dari sudut lain. Hal yang lain sahabat-sahabat sudah sebut. Saya harap yang saya sebut ini, adakah termasuk dalam rangkuman akta ini ataupun tidak. Kita berbincang tentang Pegawai Intervensi Krisis yang hendak buat penyelamatan, yang pastinya mereka akan menerima risiko yang hebat sebab yang depan itu entah dia kesihatan minda, entah sudah sakit jiwa. Sudah pun sakit, sakit apa? Sakit mental sudah.

Risiko yang pegawai kita hadapi ini bukan sekadar risiko kemungkinan dia juga tercedera tetapi dia juga mungkin terbunuh. Dia naik ke bangunan, puncak bangunan berpuluh-puluh tingkat, berbelas-belas tingkat misalnya untuk hendak menyelamatkan orang hendak bunuh diri. Akan tetapi dalam usaha itu boleh dia pula yang terjatuh. Dia naik atas pokok, dia naik di tingkap misalnya. Potensi untuk Pegawai Intervensi Krisis sendiri ini akan menerima risiko yang hebat, yang berat ialah satu kemungkinan yang besar.

Saya hendak tanya adakah atau tidak ataupun mungkin ada di sudut lain peruntukan undang-undang yang melindungi mahupun yang memberi jaminan kepada Pegawai-pegawai Intervensi Krisis ini? Mereka yang menyelamatkan orang hendak mati, dia yang mati, *dak*? Adakah insurans khusus kepada orang-orang yang berkenaan sebab risikonya tidak boleh dijangka.

Jadi itu yang saya harap perlu juga dimasukkan-kira tetapi apakah masuk di sini ataupun di empat lain? Saya tidak pasti. Saya rasa saya tidak hendak pergi lebih panjang tetapi saya berkeyakinan dan semua orang Islam harus berkeyakinan, orang yang beragama. Orang Islam

dia harus pastikan masyarakat ini kalau sudah 40 peratus dengan masalah mental ini ertinya masyarakat kita sedang sakit tenat.

Masyarakat Malaysia ini sedang menghadapi ketenatan mental yang serius. Suatu langkah serius untuk mengubati permasalahan ini perlu dibuat selain daripada program menyelamatkan, menangkap orang yang tidak sihat mental ini.

Saya fikir tiada pilihan, kalau orang Islam dia kena kembali kepada Allah SWT. Dia kena kembali kepada Islam. Tugasan pembendungan ini ialah membendung atau mengajak ataupun yang disebut tadi *prevention is better than cure* itu balik kepada Allah. Ajak rakyat balik kepada Allah SWT sebab orang yang balik kepada Allah SWT, Allah berfirman dengan ayat tadi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dengan hanya mengingati Allah, zikir kepada Allah, hati manusia ini akan menjadi tenang. Bila tenang tiada masalah yang kita bincangkan hari ini.

Akan tetapi saya fikir itu sebahagian daripada apa yang saya hendak kongsi dalam berbelas-belas sudah kawan-kawan menyampaikan ucapan dan membahaskan tajuk ini. Kita harap undang-undang ini membendung dan memberi jaminan kepada Pegawai Intervensi Krisis dan dalam pada waktu yang sama yang saya sebut, saya harap ada satu peruntukan untuk memberi jaminan kepada orang yang bertugas bagi menyelamatkan orang-orang yang kecelaruan mental ini. Saya menyokong rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

5.25 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya turut serta dalam perbahasan kesihatan mental kerana saya khuatir juga kalau saya tidak diberi peluang pada petang ini takut saya kecelaruan mental.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: ...Sepanjang malam ini. Terima kasih. Ya, saya kira dengan perbahasan yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat seramai 18 orang itu tadi juga menunjukkan betapa serius dan pentingnya isu kesihatan mental yang sangat berkait rapat dengan soal cita-cita kita hendak membina modal insan yang tentulah dengan adanya kecelaruan mental tidak akan mungkin dapat kita dapat membina modal insan untuk pembangunan negara dalam segenap bidang.

Data yang juga yang telah disebut oleh rakan-rakan pembicara tadi, itu menunjukkan dalam tempoh dalam tempoh lima tahun, 2020-2022 terdapat peningkatan lima kali- ganda orang

yang terlibat dalam kecelaruan mental, masalah kesihatan mental. Tadi juga disebut sepertiga daripada rakyat Malaysia yang berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental. Satu hal yang cukup serius dan tentulah kita- semua menyokong sebarang usaha untuk membuat pindaan akta ini, rang undang-undang ini supaya dapat ditangani masalah kesihatan mental dengan cara yang cukup berkesan. Itu sebagai sedikit mukadimah.

Kedua, yang ingin saya sebut ialah bahawa dalam soal menangani kesihatan mental ini paling penting kita mengenal pasti kategori-kategorinya. Ini kerana tidak mudah untuk kita mengenal pasti orang yang mengalami kecelaruan mental. Ada yang barangkali disebut oleh peribahasa, 'seperti pijak semut tidak mati' tetapi belum tentu tidak mengalami kecelaruan mental.

Orang yang nampak tenang yang dikatakan, 'jangan disangka air yang tenang tidak ada buaya'. Ini juga menggambarkan keperluan kita membuat analisis yang tepat apakah ciri-ciri kesihatan mental? Apakah kategorinya? Ada barangkali kategori yang menunjukkan kecelaruan mental yang mudah dikesan dikenal pasti.

Akan tetapi ada individu ataupun orang tertentu yang tidak memperlihatkan sebarang simptom ataupun tanda-tanda adanya kesihatan mental. Maka itu, perlu saya kira dibuat satu penelitian, perincian sebagai garis panduan supaya nanti Pegawai Intervensi Krisis melaksanakan tugas mereka dengan mengenal pasti ciri-ciri berdasarkan kategori mereka yang mengalami kesihatan mental.

Seterusnya yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya prihatin tentang soal kaedah ataupun mekanisme. Walaupun telah dibentangkan kaedah-kaedah ataupun kuasa yang perlu diberikan kepada Pegawai Intervensi Krisis tetapi masih menjadi suatu hal yang agak kabur pada saya, bagaimana kaedah secara teknikal dan mekanikalnya untuk menangani penangkapan, walaupun istilah penangkapan itu tadi tidak sama dengan penangkapan *arrest* dengan pengertian yang biasa.

Akan tetapi hal ini saya kira memerlukan satu rincian tentang SOP, tentang tatacara bagaimana proses 'penangkapan' dilakukan. Seperti kata Yang Berhormat sebelum ini tadi, apa tatacara untuk keberkesanan kita membawa orang yang telah dikenal pasti mengalami masalah kecelaruan mental ke tempat yang sewajarnya, kepada pihak psikiatri dan sebagainya.

Maka itu, pada saya sangat penting untuk dilakarkan modul dan juga kursus skim-skim atau modul kursus bagi menjadi garis panduan kepada Pegawai-pegawai Intervensi Krisis agar mereka mendapat suatu bayangan, lakaran tentang kaedah yang berkesan dalam mereka melaksanakan tugas untuk mengatasi dan membantu menyelesaikan masalah kecelaruan mental dalam kalangan mereka yang terlibat.

■1730

Seterusnya, yang ingin saya sentuh iaitu bahagian akhir ialah soal kesihatan mental, kecelaruan mental ini. Perkara yang sebenarnya yang memerlukan langkah dan strategi yang tidak semata-mata bergantung kepada usaha untuk menangkap ataupun membawa orang-orang yang terlibat dalam kecelaruan mental ini ke medan pemulihan seperti yang direncanakan.

Strategi ini harus melibatkan kesedaran penting secara merentas seluruh anggota masyarakat melibatkan semua institusi sosial. Oleh sebab itu semua institusi sosial harus mengambil tanggungjawab untuk memastikan bahawa fenomena ini dapat dibendung, perlu dibendung bermula dengan institusi keluarga, pendidikan formal, sekolah, kolej, universiti, pusat latihan, kejiwaan, pejabat-pejabat sendiri termasuk kementerian, jabatan, agensi, firma dan juga termasuk Parlimen sendiri saya kira.

Oleh sebab kalau ini tidak dikawal, kadangkala berlaku kecelaruan mental juga apabila perbahasan, *unparliamentary language* bahasa yang di luar kesopanan itu dilontarkan. Ini juga pada hemat saya menggambarkan suatu tahap berlakunya kecelaruan mental kerana budi bahasa sudah kurang terkawal dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Jadi, pada hemat saya demikianlah Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator supaya perkara ini dilihat sebagai tanggungjawab yang mesti bukan sahaja diselesaikan secara mekanikal dalam tempoh jangka pendek dengan adanya sebarang akta ataupun undang-undang tetapi suatu program sosial menyeluruh yang mesti diambil tanggungjawab oleh kerajaan dengan sesungguhnya.

Terima kasih dan saya mohon menyokong Usul Pindaan ini Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

Oleh sebab tidak ada Usul untuk menyambung perbahasan kita pada petang ini, maka dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 Jun 2023.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]